




# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
**NEGERI KELANTAN**  
TAHUN 2009


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009 **NEGERI KELANTAN**



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
No. 15, Aras 1-5  
Persiaran Perdana, Presint 2  
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)



# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN  
TAHUN 2009**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xiii
<b>BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI</b>	
Pendahuluan	3
Pejabat Tanah Dan Galian, Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok Dan Machang <i>Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Sungai Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar</i>	4
Jabatan Pertanian Negeri Kelantan <i>Projek Pembangunan Tanah Terbiar</i>	16
Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan <i>Program Memperelok Jalan-Jalan Utama Negeri</i>	37
Majlis Daerah Machang <i>Pengurusan Cukai Taksiran</i>	49
Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) <i>Pengurusan Air Tidak Berhasil (Non-Revenue Water)</i>	62
<b>BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
Pendahuluan	83
<i>Permodalan Kelantan Berhad</i>	83
<i>Akademi Yakin Sdn. Bhd.</i>	98
<b>BAHAGIAN III - PERKARA AM</b>	
Pendahuluan	113
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008	113
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	128
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	128
<b>PENUTUP</b>	133



# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2009 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di sembilan buah Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri iaitu Pejabat Tanah Dan Galian, Pejabat Tanah Dan Jajahan (Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok dan Machang), Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Jabatan Pertanian Jajahan (Tumpat, Machang dan Pasir Puteh), Jabatan Kerja Raya, Majlis Daerah Machang, Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB), Akademi Yakin Sdn. Bhd. dan Permodalan Kelantan Berhad. Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Sungai Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Projek Pembangunan Tanah Terbiar, Program Memperelok Jalan-jalan Utama Negeri, Pengurusan Cukai Taksiran, Pengurusan Air Tidak Berhasil (*Non-Revenue Water*) dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai program dan projek yang dirancang sama ada telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi, tiada pembaziran dan program mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2009 masih ada kelemahan. Bagi Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Sungai, kelemahan pemantauan dan penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) dan Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ) serta tiada kuasa pemantauan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) mengakibatkan berlakunya pelanggaran syarat permit dan pengambilan pasir tanpa kebenaran. Antara isu yang ditemui adalah kesan kepada kestabilan tanah dan tebing sungai, zon penamparan ombak, kehidupan tumbuhan dan akuatik, infrastruktur dan utiliti. Pada keseluruhannya prestasi Projek Pembangunan Tanah Terbiar pula adalah pada tahap memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan pelaksanaan seperti pembangunan tanah terbiar yang tidak mencapai sasaran kesan dari kekangan peruntukan kewangan, produktiviti hasil pertanian terutamanya kelapa dan padi tidak mencapai sasaran di samping kawasan projek dimasuki air masin serta sumber bekalan air yang terhad.

Kelemahan yang ditemui hasil kajian terhadap Program Memperelok Jalan-jalan Utama Negeri ialah perbelanjaan melebihi peruntukan, projek dibiayai Kumpulan Wang Amanah dan peruntukan projek digunakan untuk bayaran kos pengambilan balik tanah, projek tidak dapat disiapkan dan projek jambatan tertangguh pelaksanaannya. Selain itu, kelemahan dalam Pengurusan Cukai Taksiran oleh Majlis Daerah Machang ialah seperti pengenaan cukai tidak teratur dan kadar tidak dikemas kini, pungutan cukai semasa dan tunggakan tidak mencapai sasaran serta bangunan yang tidak diduduki/dirobohkan masih dikenakan cukai. Kelemahan pengurusan Air Tidak Berhasil (NRW) oleh Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) adalah seperti nilai peratusan NRW yang dicatatkan pada tahun 2009 masih tinggi iaitu 48.3%, tempoh tindakan pembaikan terhadap aduan paip pecah dan bocor yang lambat serta kemajuan kerja NRW tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Antara kelemahan pengurusan syarikat Permodalan Kelantan Berhad (PKB) dari segi tadbir urus korporat adalah seperti dua orang ahli Lembaga Pengarahnya menganggotai Lembaga Pengarah syarikat subsidiari melebihi had ditetapkan dan pembayaran bonus yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan Y.A.B. Menteri Besar. Projek syarikat Akademi Yakin Sdn. Bhd. (AYSB) yang dijalankan dan dirancang untuk dilaksanakan seperti usaha sama pengusahasilan balak, pengeluaran pasir dan pembangunan perumahan campuran telah gagal untuk menjana pendapatan bagi AYSB.

4. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi tindakan susulan yang telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2008 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan isu yang telah dibangkitkan.

5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha menangani krisis ekonomi serta menjadikan perkhidmatan awam satu mekanisme dalam melaksana dan menterjemah segala program dan dasar awam seperti untuk memastikan pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber secara mampan, mengurangkan jurang digital masyarakat luar bandar dengan bandar, memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat, membasmi kemiskinan, menstrukturkan semula masyarakat Malaysia, meningkatkan aktiviti ekonomi negara, pengukuhan institusi kekeluargaan dan menyediakan kemudahan awam yang sempurna. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara bagi memenuhi slogan **“Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”** bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**20 Jun 2010**



# INTISARI LAPORAN

## BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI

### 1. **Pejabat Tanah Dan Galian, Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok Dan Machang – Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Sungai Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar**

Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) dan Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ) merupakan Pejabat Kerajaan Negeri yang diberi kuasa untuk mengurus dan memungut hasil Kerajaan Negeri Kelantan. Antara hasil yang dipungut ialah cukai tanah, cukai tali air, lesen menduduki sementara, permit batu batan, premium tanah dan lain-lain. Pejabat ini juga bertanggungjawab dalam pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir termasuk mengawal syarat permit. Hasil pengauditan mendapati Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Sungai adalah tidak memuaskan. Antara isu yang ditemui adalah syarat permit tidak dipatuhi dan aktiviti pengambilan pasir tanpa kebenaran. Antara kesan alam sekitar yang ditemui adalah kesan kepada kestabilan tanah dan tebing sungai, kerosakan zon penampungan ombak, kehidupan tumbuhan dan akuatik, serta infrastruktur dan utiliti. Perkara ini berlaku kerana kurangnya kerjasama daripada pengusaha pasir dan kelemahan penguatkuasaan yang menyebabkan syarat permit tidak dipatuhi. Bagi mengurangkan kesan kepada alam sekitar, pemantauan dan penguatkuasaan perlu ditingkatkan lagi dan tindakan tegas dikenakan terhadap pengusaha pasir tanpa kebenaran supaya alam sekitar terpelihara dan kutipan hasil tidak terjejas.

### 2. **Jabatan Pertanian Negeri Kelantan – Projek Pembangunan Tanah Terbiar**

Jabatan Pertanian bertanggungjawab membangun dan memajukan tanah terbiar di seluruh Negeri. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Jabatan ini telah diperuntukkan sejumlah RM5 juta untuk tujuan tersebut. Sehingga akhir tahun 2009, sebanyak 13 projek tanah terbiar seluas 476 hektar telah dibangunkan. Pada keseluruhannya, pelaksanaan projek pembangunan tanah terbiar adalah memuaskan. Bagaimanapun, didapati pembangunan tanah terbiar tidak mencapai sasaran sebagaimana yang dirancang kerana peruntukan yang tidak mencukupi. Sehingga akhir tahun 2009, Jabatan mensasarkan untuk membangunkan seluas 830 hektar tanah terbiar namun seluas 476 hektar sahaja dapat dibangunkan. Pada tahun 2007 hingga 2009, Jabatan mensasarkan sebanyak 12,674 metrik tan (mt) hasil pertanian diperolehi oleh peserta projek tanah terbiar, bagaimanapun perolehan sebenar adalah sebanyak 10,776 mt sahaja. Pengeluaran hasil pertanian terutamanya tanaman kelapa belum mencapai sasaran sebagaimana yang dirancang. Selain itu, didapati juga beberapa projek yang dilaksanakan mengalami beberapa masalah seperti ladang dan tanaman tidak disenggarakan dengan baik, kawasan projek dimasuki air masin serta sumber bekalan air yang terhad.

### **3. Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan - Program Memperelok Jalan-jalan Utama Negeri**

Program Memperelok Jalan-jalan Utama Negeri adalah projek pembangunan untuk kesejahteraan rakyat yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Program ini melibatkan pembinaan jalan baru, pembinaan jambatan, kerja menaik taraf jalan kampung kepada jalan Negeri, pemasangan lampu isyarat, kerja ukur dan juga reka bentuk. Pengauditan yang dijalankan mendapati perancangan dan pelaksanaan projek di bawah Program Memperelok Jalan-jalan Utama Negeri adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaannya yang memberi impak kepada prestasi kewangan dan prestasi projek. Antara kelemahan di bawah prestasi kewangan adalah perbelanjaan yang melebihi peruntukan, projek sejumlah RM0.76 juta dibiayai Kumpulan Wang Amanah dan kos pengambilan balik tanah berjumlah RM3.08 juta tidak sepatutnya dibayar di bawah Program ini. Kelemahan dari segi prestasi projek pula seperti projek tidak dapat disiapkan dan projek jambatan tertangguh pelaksanaannya.

### **4. Majlis Daerah Machang – Pengurusan Cukai Taksiran**

Cukai taksiran merupakan punca hasil utama Majlis pada setiap tahun yang dikenakan terhadap bangunan kediaman, perniagaan dan perkilangan sepertimana yang termaktub dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Pada tahun 2009, Majlis Daerah Machang mempunyai 7,874 pegangan kadar cukai yang dikenakan berjumlah RM0.53 juta. Pada keseluruhannya, Pengurusan Cukai Taksiran Majlis adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan dalam melaksanakan pungutan cukai. Antaranya wujud kelemahan dalam proses pengenaan cukai taksiran, senarai nilai tahunan dan kadar cukai taksiran tidak dikemas kini, prestasi kutipan cukai semasa tidak mencapai sasaran kerana kurang kesedaran di kalangan penduduk mengenai tanggungjawab untuk menjelaskan cukai dan kadar cukai pula berkurangan dikenakan. Selain itu, berlakunya peningkatan tunggakan cukai taksiran setiap tahun disebabkan pengeluaran notis dan penyitaan tidak dilaksanakan, tindakan undang-undang tidak dibuat, tindakan tidak berdasarkan tempoh tunggakan dan jadual bayaran ansuran tidak disediakan. Sungguhpun terdapat usaha untuk meningkatkan kutipan cukai seperti mengadakan pungutan cukai rumah ke rumah dan Program Ahli Majlis Bersama Penduduk tetapi tidak begitu berkesan.

### **5. Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) – Pengurusan Air Tidak Berhasil (Non-Revenue Water)**

*Non-Revenue Water* (NRW) ialah jumlah kuantiti air yang telah dirawat disalurkan ke dalam sistem bekalan air tetapi tidak memberi pulangan hasil. Negeri Kelantan telah menerima peruntukan di bawah program NRW di dalam RMKe-9 daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) iaitu sejumlah RM130 juta. Selaras dengan itu, pada bulan Mei 2008, AKSB telah menyediakan Projek NRW Holistik iaitu melaksanakan kerja reka bentuk dan menyiapkan kerja pemetaan *Geographic Information System* (GIS) bagi sistem bekalan air Negeri Kelantan dengan kos RM5.60 juta. Pada bulan Ogos 2008,

sebuah syarikat usaha sama telah dipilih untuk menjalankan kajian dan kerja pelaksanaan NRW seluruh Negeri Kelantan dengan kos kontrak berjumlah RM130 juta. Negeri Kelantan mencatatkan kadar NRW ketiga tertinggi di Malaysia iaitu 48.5% bagi tahun 2007. Berdasarkan jadual imbangan air bagi tahun 2008, kadar bacaan NRW ialah 49.4% setahun atau 61,567,985 m<sup>3</sup> air didapati hilang daripada sistem. Tempoh pembaikan terhadap aduan paip pecah dan bocor oleh AKSB adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan dari segi pengurusan kontrak seperti pemasangan *smart* meter tidak mengikut spesifikasi, kewujudan *District Metering Area* tidak mencapai sasaran, pemetaan GIS tidak lengkap dan tidak tepat serta kaedah *superimpose* tidak tepat. Secara keseluruhannya, kadar peratusan NRW yang direkodkan diragui ketepatannya dan program NRW yang sedang dalam pelaksanaan adalah kurang memuaskan.

## **BAHAGIAN II – PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

### **6. *Permodalan Kelantan Berhad (PKB)***

Permodalan Kelantan Berhad (PKB) telah ditubuhkan pada 30 April 1981 dengan modal dibenarkan berjumlah RM50 juta dan modal berbayar berjumlah RM24.74 juta. PKB dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Secara keseluruhannya, pengurusan syarikat ini adalah memuaskan. PKB berupaya memenuhi keperluan kredit individu berpendapatan rendah, peniaga dan pengusaha kecil untuk mendapatkan pinjaman segera yang berlandaskan syariah. PKB berjaya mencatatkan keuntungan bersih pada tahun 2006 dan 2007. Kerugian bersih yang dialami pada tahun 2008 adalah disebabkan oleh pembayaran pampasan kepada penggadai berikutan kes kecurian yang berlaku di Ar-Rahn Kota Bharu 1 pada 10 Ogos 2008. Selain itu, PKB mendapat pulangan daripada syarikat subsidiari yang mencatatkan keuntungan menerusi penerimaan dividen. Bagaimanapun, terdapat syarikat subsidiari yang dorman dan mengalami kerugian. Terdapat kelemahan dari segi tadbir urus korporat seperti dua orang ahli Lembaga Pengarah menganggotai Lembaga Pengarah syarikat subsidiari melebihi had yang ditetapkan dan pembayaran bonus yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan Y.A.B. Menteri Besar.

### **7. *Akademi Yakin Sdn. Bhd. (AYSB)***

Akademi Yakin Sdn. Bhd. (AYSB) telah ditubuhkan pada 3 April 1996 dengan modal dibenarkan berjumlah RM1 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.50 juta. AYSB dimiliki sepenuhnya oleh Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN). Bagi mematuhi Seksyen 12 (1) (c) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555), pada tahun 2002, AYSB telah memperbadankan sebuah anak syarikat iaitu KIAS Darulnaim Sdn. Bhd. (KDSB) untuk mengurus kolej pendidikan swasta bertaraf antarabangsa. Selain itu, AYSB juga mempunyai dua buah syarikat bersekutu dengan pegangan ekuiti sebanyak 30% dalam Yakin Mother Earth Sdn. Bhd. (YMESB) dan Naim Ventures Sdn. Bhd. (NVSBS) hasil usaha sama dengan Mother Earth Resources Sdn. Bhd. (MERSB) dan Bumi Geo Teknik Sdn. Bhd.

(BGTSB). Projek yang diperolehi dan dirancang untuk dilaksanakan seperti usaha sama pengusahaan balak, pengeluaran pasir dan pembangunan perumahan campuran telah gagal untuk menjana pendapatan bagi AYSB. Secara keseluruhannya, kemajuan prestasi AYSB setakat ini hanya berjaya menubuhkan kolej tersebut tetapi telah gagal dalam peranannya untuk membiayai dan menyelenggara KDSB. AYSB telah mengalami kerugian terkumpul bagi setiap tahun kewangannya dan tidak mampu untuk berdikari serta terus mengharapkan sumber kewangan daripada YAKIN dan Kerajaan Negeri untuk menampung kos operasi KDSB. AYSB juga tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk mengurus aktiviti yang diceburinya.



# BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI

### 1. PENDAHULUAN

Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap program, aktiviti dan projek Jabatan Kerajaan Negeri dan Agensinya. Pengauditan ini adalah untuk menilai sejauh mana program/aktiviti Kerajaan dan Agensinya telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Selain itu, pengauditan ini juga untuk menilai projek Jabatan Kerajaan Negeri dan Agensinya dilaksanakan dengan pendekatan yang berhemat bagi mengelakkan pembaziran wang rakyat di samping mendatangkan manfaat kepada golongan sasaran dan penduduk setempat khususnya dan Negeri amnya. Bagi memenuhi peruntukan akta ini, Jabatan Audit Negara telah memilih beberapa program/aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri dan Agensi untuk dikaji secara mendalam pada tahun 2009. Program/aktiviti yang dikaji pada tahun 2009 adalah melibatkan program/aktiviti di tujuh Jabatan, satu Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Syarikat Kerajaan Negeri seperti berikut:

- a) Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Sungai Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar.
- b) Projek Pembangunan Tanah Terbiar.
- c) Program Memperelok Jalan-jalan Utama Negeri.
- d) Pengurusan Cukai Taksiran.
- e) Pengurusan Air Tidak Berhasil (*Non-Revenue Water*).

Pemerhatian Audit hasil daripada kajian tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Pihak Berkuasa Tempatan/Syarikat berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di Bahagian ini.

## PEJABAT TANAH DAN GALIAN, PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU, PASIR MAS, BACHOK DAN MACHANG

### 2. PENGURUSAN AKTIVITI PERLOMBONGAN DAN PENGAMBILAN PASIR SUNGAI SERTA KESANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR

#### 2.1 LATAR BELAKANG

Pasir adalah butiran batu berdiameter antara 0.0625 mm hingga 2 mm dan berwarna putih cerah. Ia diperolehi di muara sungai, tepi pantai, bukit kecil, beting pasir di tengah laut dan kawasan yang berkaitan dengan aliran sungai. Pasir merupakan bahan utama dalam industri pembinaan bangunan dan jalan raya. Kaedah pengambilan pasir ialah seperti menggunakan kapal korek, pam, jengkaut dan dengan menggunakan tenaga manusia. Pengambilan pasir dijalankan di atas tanah kerajaan, tanah tamat pajakan melombong dan tanah bermilik. Jabatan yang bertanggungjawab ialah Pejabat Tanah Dan Galian (PTG), Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ) dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Undang-undang yang berkaitan ialah Kanun Tanah Negara (KTN), Peraturan Tanah Kelantan dan Pekeliling Kerajaan Negeri. Jumlah pengeluaran pasir dan hasil royalti Negeri Kelantan bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Pengeluaran Dan Hasil Royalti Pasir**

Tahun	Jumlah Pengeluaran (Meter Padu)	Jumlah Royalti (RM Juta)
2007	269,405	0.88
2008	496,628	1.19
2009	350,780	0.93

*Sumber: Rekod Bayaran Royalti Pejabat Tanah Dan Galian*

#### 2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir memberi kesan negatif kepada alam sekitar.

#### 2.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir bagi tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan ini dijalankan di empat Jajahan iaitu Kota Bharu (Sungai Kelantan dan Sungai Pengkalan Datu), Pasir Mas (Sungai Kelantan), Machang (Sungai Kelantan) dan Bachok (Muara Sungai Melawi). Jabatan yang terlibat ialah PTG dan PTJ. Kaedah pengauditan adalah seperti berikut:

- a) Menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen berhubung dengan pengurusan aktiviti perlombongan pasir.

- b) Lawatan ke tapak pengkalan pasir, meninjau keadaan persekitaran sungai dan jalan yang menjadi laluan lori mengangkut pasir, mengambil gambar, temu bual dengan pengusaha pasir serta penduduk berhampiran yang terlibat dengan aktiviti tersebut.
- c) Mendapatkan bantuan dan khidmat kepakaran bagi menjalankan ujian, mendapatkan pandangan dan kerjasama dengan agensi lain iaitu Jabatan Alam Sekitar (JAS), JPS, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Perikanan.
- d) Mengedar borang soal selidik kepada responden/orang awam untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan mengenai isu berkaitan.

## **2.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2009 mendapati pengurusan aktiviti perlombongan pasir adalah kurang memuaskan. Antara isu-isu yang ditemui adalah kesan kepada kestabilan tanah dan tebing sungai, zon penampan ombak, kehidupan tumbuhan dan akuatik serta infrastruktur dan utiliti.

### **2.4.1 Kesan Kepada Kestabilan Tanah Dan Tebing Sungai**

Pemeriksaan Audit terhadap aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir di Jajahan Pasir Mas, Kota Bharu dan Machang mendapati beberapa penemuan seperti berikut:

#### **a) Tebing Sungai Diteres**

Mengikut JPS, tebing sungai merupakan sempadan antara gigi air dan daratan sesebuah sungai. Mengikut syarat kelulusan permit pengeluaran pasir, pengusaha pasir tidak dibenarkan menebang segala pokok kayu, membuang rumput atau pelbagai tumbuhan dan membuat teres di atas cerun bagi mengelak berlakunya hakisan dan runtuhan tebing sungai. Bagaimanapun, tinjauan Audit bersama JPS Pasir Mas di tebing Sungai Kelantan, Mukim Sakar mendapati tebing sungai dibersihkan dan diteres sedalam antara lima hingga 10 kaki. Akibatnya tebing sungai menjadi rendah dan boleh menyebabkan banjir mudah berlaku. Kedudukan tebing sungai yang diteres seperti di **Foto 2.1** dan **Foto 2.2**.

Foto 2.1

Tebing Sungai Diteres



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tebing Sungai Kelantan Mukim Sakar, Pasir Mas  
Tarikh: 19 Ogos 2009

Foto 2.2



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tebing Sungai Kelantan Mukim Sakar, Pasir Mas  
Tarikh: 19 Ogos 2009

**Pada pendapat Audit, tebing sungai yang diteres akan memudahkan berlakunya banjir dan memberi kesan kepada alam sekitar.**

**b) Jarak *Stockpile* Pasir Dan Kolam Takungan Kurang 20 Meter Dari Tebing Sungai**


Mengikut syarat kelulusan permit, pengusaha pasir hendaklah membina kolam takungan/sejatan pasir dan *stockpile* pasir pada jarak tidak kurang 20 meter dari tebing sungai. Ia bertujuan untuk menapis pasir, menyalurkan air sejatan melalui saluran paip ke sungai dan memastikan pasir dari *stockpile* tidak masuk semula ke dalam sungai. Lawatan Audit bersama pegawai PTJ dan JPS Pasir Mas mendapati kolam sejatan dibina dua meter dari tebing sungai dan saluran paip ke sungai tidak disediakan. Selain itu, didapati *stockpile* juga diletakkan berhampiran dengan tebing sungai. Keadaan ini menyebabkan berlaku hakisan tebing dan kekeruhan kerana air berkelodak mengalir terus ke dalam sungai. Kedudukan *stockpile* dan tebing sungai yang terhakis seperti di **Foto 2.3** hingga **Foto 2.5**.

**Foto 2.3**  
**Stockpile Pasir Diletakkan Di Tepi Sungai**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tebing Sungai Kelantan, Mukim Sakar, Pasir Mas  
Tarikh: 19 Ogos 2009

**Foto 2.4**  
**Tebing Sungai Terhakis Dan Air Berkelodak Mengalir Ke Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tebing Sungai Kelantan, Mukim Sakar, Pasir Mas  
Tarikh: 19 Ogos 2009

**Foto 2.5**  
**Tebing Sungai Terhakis Dan Air Berkelodak Mengalir Ke Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tebing Sungai Kelantan, Mukim Sakar, Pasir Mas  
Tarikh: 19 Ogos 2009

Pada pendapat Audit, kedudukan *stockpile* dan kolam takungan yang berhampiran dengan tebing sungai menyebabkan berlaku hakisan tebing, sungai menjadi cetek dan keruh kerana aliran air sejatan masuk semula ke dalam sungai dan ini akan menjejaskan alam sekitar.

### c) Kerosakan Tebing Sungai

Mengikut Seksyen 71, KTN aktiviti pengambilan batu batan di atas tanah milik atau tanah kerajaan hendaklah mendapat permit. Lawatan Audit bersama pegawai PTJ, JPS dan JAS mendapati wujudnya aktiviti pengambilan pasir tanpa kebenaran di lokasi berikut:

- i) Tanah Kerajaan PT 517 Mukim Sakar, Pasir Mas.

- ii) Tanah Kerajaan PT 514 Mukim Sakar, Pasir Mas.
- iii) Tanah Kerajaan Mukim Limau Hantu, Machang.

Aktiviti pengambilan pasir di kawasan berkenaan telah menyebabkan berlaku perkara seperti berikut:

- i) Tebing sungai di PT 517, Mukim Sakar, Pasir Mas menjadi semakin rendah dan sama paras dengan permukaan sungai seperti di **Foto 2.7** dan **Foto 2.8**.

**Foto 2.7**

**Tebing Menyamai Paras Air Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Nombor PT 517, Tebing Sungai Kelantan,  
 Mukim Sakar, Pasir Mas  
 Tarikh: 9 September 2009

**Foto 2.8**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Nombor PT 517, Tebing Sungai Kelantan,  
 Mukim Sakar, Pasir Mas  
 Tarikh: 9 September 2009

- ii) Tebing sungai ditenggelami air di PT 514, Mukim Sakar, Pasir Mas seperti di **Foto 2.9**.

**Foto 2.9**  
**Kesan Tebing Sungai Yang Diceroboh**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Nombor PT 514, Tebing Sungai Kelantan,  
 Mukim Sakar, Pasir Mas  
 Tarikh: 19 Ogos 2009

iii) Struktur tebing sungai telah berubah menjadi lebih rendah daripada paras permukaan air sungai di Mukim Limau Hantu, Machang seperti di **Foto 2.10** dan **Foto 2.11**.

**Foto 2.10**  
**Tebing Lebih Rendah Daripada Paras Permukaan Air Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tebing Sungai Kelantan, Mukim Limau Hantu,  
Machang  
Tarikh: 14 Oktober 2009

**Foto 2.11**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tebing Sungai Kelantan, Mukim Limau Hantu,  
Machang  
Tarikh: 14 Oktober 2009

*Mengikut ulasan PTJ Pasir Mas, aktiviti pengambilan pasir tanpa kebenaran di PT 514 dan PT 517 Mukim Sakar telah diberhentikan dan siasatan sedang dijalankan.*

**Pada pendapat Audit, tindakan tegas hendaklah diambil terhadap aktiviti pengambilan pasir tanpa kebenaran kerana kerosakan struktur tebing sungai akan menyebabkan limpahan air sungai atau banjir.**

#### **2.4.2 Zon Penampakan Ombak Menjadi Rendah**

Zon penampakan ombak berperanan bagi menampakan ombak dan menahan hakisan pantai di sebelah daratan. Ia hendaklah dikekalkan dan tidak boleh diceroboh. Semakan Audit terhadap rekod mendapati pada tahun 2008, PTJ Bachok telah meluluskan permit untuk mendalamkan muara Sungai Melawi, Bachok bertujuan melancarkan aliran air sungai ke laut dan kemudahan laluan kepada nelayan keluar masuk. Projek ini telah mendapat sokongan daripada JPS tertakluk kepada syarat teknikal yang ditetapkan.

Bagaimanapun, laporan JPS pada 8 Oktober 2008 menyatakan bahawa pemegang permit telah menjalankan aktiviti pengambilan pasir di zon penampakan ombak iaitu di luar kawasan yang diluluskan. Garisan yang berwarna merah seluas 28,488 meter persegi menunjukkan zon penampakan ombak yang telah diusahakan seperti **Pelan Lokasi 2.1** serta **Foto 2.12** dan **Foto 2.13**.



**Foto 2.14**  
**Kawasan Zon Penampungan**  
**Sebelum Pengambilan Pasir**



Sumber: JPS Jajahan Bachok  
Lokasi: Muara Sungai Melawi Bachok  
Tarikh: April 2008

**Foto 2.15**  
**Kesan Selepas Pengambilan Pasir**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Muara Sungai Melawi Bachok  
Tarikh: 5 November 2009


Mengikut ulasan daripada PTJ Bachok, aktiviti ini telah dihentikan sejak 13 November 2008 dan kes ini sedang dalam proses perbicaraan di mahkamah.

**Pada pendapat Audit, aktiviti pengambilan dan pemindahan pasir di muara Sungai Melawi telah merosakkan zon penampungan ombak dan penduduk terdedah kepada risiko air pasang.**

### **2.4.3 Kesan Kepada Kehidupan Tumbuhan Dan Akuatik**

PTJ Kota Bharu telah meluluskan permit pengambilan pasir di atas Tanah Kerajaan PT 207 seluas 0.543 ekar dan tapak *stockpile* di atas tanah milik Lot 255 dan 2578 di Mukim Sering Kota Bharu. Mengikut syarat teknikal permit, semua tumbuhan tidak boleh ditebang atau dibersihkan tanpa kelulusan JPS. Lawatan Audit bersama pegawai JPS Jajahan Kota Bharu ke lokasi pengambilan pasir pada Ogos 2009 mendapati pemegang permit telah menjalankan aktiviti pengambilan pasir di PT 249, manakala *stockpile* pasir diletakkan di tapak PT 248 di luar lot yang diluluskan dengan kebenaran tuan tanah. Kebenaran diberi kerana kawasan tersebut hendak dibangunkan sebagai ekopelancongan dan pengusaha pasir membayar royalti. Untuk menjalankan aktiviti pengambilan pasir tersebut, pemegang permit telah menebang pokok nipah untuk membina jalan sepanjang 600 meter dan tapak *stockpile* di tebing sungai tanpa kebenaran JPS seperti di **Pelan Lokasi 2.2** serta **Foto 2.16** dan **Foto 2.17**.

## Pelan Lokasi 2.2 Pengambilan Pasir Di Luar Kawasan Diluluskan



Sumber: Pelan Lokasi Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu  
Lokasi: Sungai Pengkalan Datu Mukim Sering Kota Bharu

**Foto 2.16**

**Pokok Nipah Ditebang Untuk Dijadikan Laluan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Pengkalan Datu, Mukim Sering Kota Bharu  
Tarikh: 5 Ogos 2009

**Foto 2.17**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Pengkalan Datu, Mukim Sering Kota Bharu  
Tarikh: 5 Ogos 2009

Mengikut laporan Jabatan Perikanan, pengambilan pasir dan penebangan pokok nipah menyebabkan peningkatan kekeruhan air sungai, kehidupan akuatik terjejas dan mengganggu tumbesaran serta pembiakan hidupan akuatik.

**Pada pendapat Audit, aktiviti pengambilan pasir yang melibatkan penebangan pokok perlu mendapat pandangan JPS terlebih dahulu untuk memastikan alam sekitar tidak terjejas.**

### 2.4.4 Kesan Kepada Infrastruktur Dan Utiliti

Mengikut syarat permit pengambilan dan pemindahan pasir, pengusaha hendaklah membayar deposit sumbangan untuk penyelenggaraan jalan keluar masuk ke tapak

pengambilan pasir bagi memastikan jalan sentiasa dalam keadaan baik. Syarat teknikal pula menghendaki jarak minimum aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir daripada harta awam seperti jambatan, jeti, bangunan dan sebagainya hendaklah tidak kurang 500 meter ke hilir dan ke hulu sungai. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

**a) Kerosakan Jalan**

Lawatan Audit ke jalan Kampung Keladang, Lundang Paku pada Jun 2009 mendapati permukaan jalan telah rosak dan tidak diperbaiki. Kerosakan jalan ini disebabkan oleh laluan keluar masuk lori pengusaha pasir di pengkalan pasir yang berhampiran seperti di **Foto 2.18** hingga **Foto 2.21**.

**Foto 2.18**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Di Kampung Keladang, Lundang Paku, Salor, Kota Bharu  
Tarikh: 27 Jun 2009

**Jalan Rosak**

**Foto 2.19**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Di Kampung Keladang, Lundang Paku, Salor, Kota Bharu  
Tarikh: 27 Jun 2009

**Foto 2.20**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Di Kampung Keladang, Lundang Paku, Salor, Kota Bharu  
Tarikh: 27 Jun 2009

**Jalan Pecah Dan Berlubang**

**Foto 2.21**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Di Kampung Keladang, Lundang Paku, Salor, Kota Bharu  
Tarikh: 27 Jun 2009

Kerosakan jalan ini telah dibangkitkan oleh penduduk kampung melalui aduan awam dan pihak PTJ telah mengambil tindakan membaiki jalan tersebut sebanyak dua kali

pada tahun 2007 dan Mei 2009. Bagaimanapun, kerosakan jalan masih berlaku kerana aktiviti pengambilan pasir belum selesai dan menjejaskan keselesaan pengguna jalan berkenaan seperti yang dilaporkan oleh akhbar Berita Harian pada 14 Januari 2010 seperti di **Keratan Akhbar 2.1**.

**Keratan Akhbar 2.1**  
**Jalan Rosak Dilalui Lori Pasir**



*Sumber: Laporan Akhbar Berita Harian  
Tarikh: 14 Januari 2010*

*Mengikut ulasan PTJ Kota Bharu, beberapa pengkalan pasir di Kampung Keledang Lundang Paku telah ditutup.*

**Pada pendapat Audit, faktor persekitaran juga perlu diambil kira sebelum kelulusan permit pengambilan pasir dikeluarkan.**

**b) Pengambilan Pasir Berhampiran Jambatan**

Lawatan Audit bersama pegawai PTJ dan JPS Pasir Mas pada Ogos dan September 2009 ke lokasi pengambilan pasir Mukim Tendong mendapati aktiviti pengambilan pasir sedang dilakukan pada jarak 200 meter dari Jambatan Sultan Ismail Petra seperti di **Foto 2.22** dan **Foto 2.23**.

**Foto 2.22**  
**Pengambilan Pasir Berhampiran Dengan Jambatan**



*Sumber: Jabatan Audit Negara*  
*Lokasi: Mukim Tebing Sungai, Tendong Pasir Mas*  
*Tarikh: 19 Ogos 2009*

**Foto 2.23**



*Sumber: Jabatan Audit Negara*  
*Lokasi: Mukim Tebing Sungai, Tendong Pasir Mas*  
*Tarikh: 19 Ogos 2009*

Pengambilan pasir berhampiran jambatan berlaku kerana permit yang dikeluarkan pada tahun 2004 tidak menetapkan syarat jarak. Syarat tidak kurang 500 meter hanya dinyatakan bagi permit yang dikeluarkan pada tahun 2009. Mengikut JKR aktiviti pengambilan pasir pada jarak kurang dari 500 meter boleh menyebabkan struktur jambatan terjejas.

**Pada pendapat Audit, untuk menjamin struktur jambatan tidak terjejas tindakan segera hendaklah diambil untuk memastikan aktiviti pengambilan pasir tidak diluluskan di kawasan kurang 500 meter daripada jambatan.**

## **2.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir adalah kurang memuaskan dari segi mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar. Keadaan ini berlaku kerana penguatkuasaan yang telah dijalankan tidak mengambil kira kesan kepada alam sekitar tetapi lebih tertumpu kepada pengurusan hasil kerajaan. Adalah disyorkan langkah-langkah berikut diambil untuk memastikan aktiviti pengambilan pasir tidak menjejaskan alam sekitar:

- a) Jawatankuasa Penyelaras Aktiviti Pengambilan Pasir yang ditubuhkan pada tahun 2007 perlu diaktifkan semula dan keahliannya termasuk agensi lain seperti JPS, JAS, PBT dan JKR.
- b) Pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala dan bersepadu dengan agensi yang berkaitan perlu dipertingkatkan.
- c) Mendapatkan pandangan daripada agensi lain seperti JPS, JAS, JKR dan Jabatan Perikanan sebelum permit pengambilan pasir diluluskan.
- d) Mengenakan tindakan undang-undang yang tegas terhadap pengusaha yang melanggar syarat permit dan melakukan pengambilan pasir tanpa kebenaran.

### **3. PROJEK PEMBANGUNAN TANAH TERBIAR**

#### **3.1 LATAR BELAKANG**

**3.1.1** Menurut Jabatan Pertanian Negeri Kelantan (Jabatan), tanah terbiar bermaksud tanah yang telah diberi milik terutamanya tanah sawah yang mempunyai keluasan secara bersempadan (*contiguous*) tidak kurang daripada 10 hektar dan tidak diusahakan dengan tanaman selama tiga tahun berturut-turut. Mengikut bancian pada tahun 2000 oleh Jabatan Pertanian Negeri Kelantan (Jabatan) berdasarkan kepada tanah milik petani yang melebihi 10 hektar secara *contiguous*, keluasan tanah terbiar bagi Negeri Kelantan yang berada di luar kawasan pengairan adalah seluas 4,195 hektar. Bagaimanapun, daripada jumlah tersebut didapati hanya 1,980 hektar sahaja sesuai dimajukan dengan tanaman.

**3.1.2** Objektif pembangunan tanah terbiar ialah untuk memulihkan semula tanah terbiar yang berpotensi dibangunkan bagi menambah pengeluaran pertanian berasaskan makanan untuk keperluan rakyat dan negara. Selain itu, ia juga bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan menerusi usaha tani bagi meningkatkan pendapatan petani serta mempergiatkan proses pemodenan dalam usaha tani. Tanaman utama untuk projek tanah terbiar ialah kelapa matag, kelapa wangi, tembikai, tembikai wangi dan padi. Sehingga tahun 2009 seramai 527 petani/peserta terlibat dalam mengusahakan projek pembangunan tanah terbiar.

**3.1.3** Jabatan ini telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri bagi memaju dan membangunkan tanah terbiar di seluruh Negeri. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) iaitu dari tahun 2006 hingga tahun 2010, sejumlah RM5 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada Jabatan untuk projek pembangunan tanah terbiar. Bagi tempoh tersebut Jabatan mensasarkan untuk membangunkan 27 projek tanah terbiar dengan keluasan 1,030 hektar. Daripada jumlah yang diperuntukkan sejumlah RM3.77 juta telah dibelanjakan sehingga tahun 2009. Bagi membangunkan tanah terbiar, Jabatan memberi Nilai Insentif Amalan Teknologi sejumlah RM20,000 sehektar iaitu melibatkan 70% untuk infrastruktur dan peralatan serta 30% untuk input baja, racun dan benih. Insentif ini diberi kepada peserta untuk tempoh tiga tahun bermula dari projek dilaksanakan.

#### **3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sejauh mana program ini telah dirancang dengan sempurna, dilaksanakan dengan cekap dan berekonomi bagi mencapai objektif pembangunan tanah terbiar.

### 3.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan tanah terbiar bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan ditumpukan kepada lima Projek Pembangunan Tanah Terbiar (PPTT) yang telah dibangunkan. Projek berkenaan ialah PPTT Kampung Gosong dan Kampung Pangkal Chuit bagi Jajahan Machang, Kampung Nara dan Kampung Gong Kulim bagi Jajahan Pasir Puteh serta Kampung Kelong, Tumpat. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod berkaitan, minit mesyuarat dan dokumen lain berkaitan dengan program ini. Selain itu, lawatan ke lokasi projek, temu bual dengan pegawai dan petani juga dijalankan. Borang soal selidik juga diedarkan kepada petani.

### 3.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November tahun 2009 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan Projek Pembangunan Tanah Terbiar adalah memuaskan. Bagaimanapun, didapati masih ada beberapa kelemahan yang boleh menjejaskan kejayaan program ini. Antara kelemahan ini ialah keluasan tanah terbiar yang dibangunkan belum mencapai sasaran Jabatan. Ianya mensasarkan untuk membangunkan seluas 830 hektar tanah terbiar namun hanya seluas 476 hektar atau 57.4% sahaja berjaya dibangunkan. Jabatan juga mensasarkan perolehan pendapatan sebanyak 12,674 metrik tan bernilai RM8.52 juta namun sebanyak 10,776 metrik tan atau RM7.23 juta sahaja dicapai. Kelemahan pelaksanaan projek, masalah tanah dan kurang komitmen peserta menyebabkan hasil yang diperolehi tidak mencapai sasaran terutamanya yang melibatkan tanaman kelapa. Penjelasan lanjut adalah seperti perenggan berikut:

#### 3.4.1 Prestasi Pembangunan Tanah Terbiar

Sehingga tahun 2009 di bawah RMKe-9, Jabatan ini telah merancang untuk membangunkan seluas 830 hektar tanah terbiar yang melibatkan 22 projek. Semakan Audit mendapati hanya 13 projek dengan keluasan 476 hektar sahaja berjaya dibangunkan dalam tempoh tersebut. Seluas 354 hektar lagi yang melibatkan sembilan projek atau 42.6% daripada keluasan yang dirancang tidak dapat dibangunkan disebabkan faktor peruntukan kewangan yang tidak mencukupi. Kegagalan ini memberi impak kepada matlamat pembangunan tanah terbiar bagi menambahkan pengeluaran makanan negara, meningkatkan pendapatan petani serta mewujudkan peluang pekerjaan melalui usaha tani. Kedudukan cadangan pembangunan tanah terbiar dalam RMKe-9 adalah seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1**  
**Cadangan Dan Pembangunan Tanah Terbiar Dalam RMKe-9**

Tahun	Cadangan		Dibangunkan		Tidak Dibangunkan	
	Keluasan (ha)	Bil. Projek	Keluasan (ha)	Bil. Projek	Keluasan (ha)	Bil. Projek
2006	230	7	218	6	12	1
2007	200	5	198	5	2	-
2008	200	5	-	-	200	5
2009	200	5	60	2	140	3
<b>Jumlah</b>	<b>830</b>	<b>22</b>	<b>476</b>	<b>13</b>	<b>354</b>	<b>9</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kelantan

Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM1.30 juta kepada Jabatan untuk membiayai 10 projek baru yang dirancang untuk dibangunkan pada tahun 2008 dan 2009. Semakan Audit mendapati hanya dua projek pada tahun 2009 dapat dibangunkan iaitu dengan kos sejumlah RM321,075. Kesemua peruntukan tahun 2008 dan baki lebih dua projek baharu tahun 2009 telah digunakan oleh Jabatan bagi membiayai Insentif Amalan Teknologi bagi projek yang dibangunkan tahun-tahun sebelumnya. Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan untuk projek pembangunan tanah terbiar bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan Tanah Terbiar**  
**Bagi Tahun 2007 Hingga 2009**

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Bil. Projek Dirancang	Perbelanjaan (RM Juta)	Bil. Projek Dilaksana
2007	1.50	5	1.48	5
2008	0.65	5	0.65	-
2009	0.65	5	0.65	2
<b>Jumlah</b>	<b>2.80</b>	<b>15</b>	<b>2.78</b>	<b>7</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Dan Penyata Kewangan Negeri Kelantan

Jabatan memberi maklum balas bahawa lima projek yang dirancang pada tahun 2008 tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan yang diterima hanya berjumlah RM0.65 juta berbanding anggaran sebenar Jabatan berjumlah RM1.50 juta. Peruntukan yang diterima pada tahun tersebut hanya mencukupi untuk membiayai Insentif Amalan Teknologi bagi projek yang telah dibangunkan pada tahun-tahun sebelumnya.

**Pada pendapat Audit, keluasan tanah terbiar yang dapat dibangunkan adalah kurang memuaskan kerana 42.6% keluasan yang dirancang untuk dibangunkan tidak dapat dilaksanakan. Selain itu, kekurangan sumber kewangan juga menjejaskan pembangunan tanah terbiar yang telah dirancang.**

### 3.4.2 Sasaran Pendapatan Projek

Dalam tempoh tahun 2007 hingga 2009, Jabatan mensasarkan sebanyak 12,674 metrik tan produk pertanian bernilai RM8.52 juta dapat dihasilkan daripada 13 projek tanah terbiar yang telah dibangunkan. Analisis Audit mendapati pencapaian sebenar yang diperolehi ialah sebanyak 10,776 mt atau 85% berbanding sasaran Jabatan. Sasaran dan pencapaian sebenar mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Sasaran Dan Pencapaian Hasil Pertanian**  
**Daripada Projek Pembangunan Tanah Terbiar**

Tahun	Sasaran Pendapatan		Pencapaian Sebenar		Perbezaan	
	Kuantiti (mt)	Nilai (RM Juta)	Kuantiti (mt)	Nilai (RM Juta)	Kuantiti (mt)	Nilai (RM Juta)
2007	2,192	1.59	1,962	1.53	230	0.06
2008	5,573	3.55	4,844	2.99	729	0.56
2009	4,909	3.38	3,970	2.71	939	0.67
<b>Jumlah</b>	<b>12,674</b>	<b>8.52</b>	<b>10,776</b>	<b>7.23</b>	<b>1,898</b>	<b>1.29</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

Nilai pendapatan yang diperolehi pada tempoh tersebut berjumlah RM7.23 juta atau 85% berbanding sasaran Jabatan. Kekurangan pencapaian pungutan hasil pertanian berbanding sasaran disebabkan beberapa faktor seperti tanaman kelapa belum mengeluarkan hasil sepatutnya walaupun telah melangkaui tempoh matang. Faktor kesuburan tanah dan kekurangan infrastruktur ladang juga mempengaruhi pengeluaran hasil tanaman. Selain itu, tanaman singkat masa sebagai program integrasi dengan tanaman utama tidak diuruskan dengan baik.

*Jabatan memberi maklum balas bahawa pencapaian tersebut adalah memuaskan bagi pembangunan tanah terbiar kerana selain faktor di atas ada antara peserta kurang memberi komitmen terhadap projek yang disertainya.*

**Pada pendapat Audit, sasaran pendapatan secara keseluruhannya bagi projek pembangunan tanah terbiar adalah memuaskan. Bagaimanapun, pihak Jabatan perlu berusaha supaya hasil yang diperolehi mencapai tahap sebenar sebagaimana yang dirancang.**

### 3.4.3 Kriteria Pemilihan Peserta

Pemilihan peserta yang layak bagi menjayakan sesuatu program Jabatan adalah amat penting bagi memastikan kejayaan setiap program yang dirancang. Peserta yang berupaya menjalankan usaha pertanian serta mempunyai komitmen yang tinggi untuk berusaha memajukan projek mereka akan menjamin pulangan hasil yang memuaskan.

Semakan Audit mendapati pemilihan peserta bagi menyertai program pembangunan tanah terbiar tidak dilakukan. Ini adalah kerana model pelaksanaan pembangunan tanah terbiar yang diamalkan pada masa ini ialah dengan pendekatan tanah tersebut dipulihkan semula oleh pemiliknya sendiri. Ini membolehkan peserta yang mempunyai tanah terbiar di dalam kawasan projek yang dikenal pasti untuk dibangunkan serta bersetuju mengusahakan tanah berkenaan, dipilih secara automatik bagi mencukupkan keluasan 10 hektar tanah secara *contiguous*. Persetujuan peserta juga adalah kerana insentif Jabatan kepada petani selama tiga tahun dalam tempoh pelaksanaan projek. Akibat dari itu, dengan segala kemudahan yang disediakan oleh Jabatan, ada peserta yang mengambil sikap sambil lewa serta

mengabaikan tugas mereka terhadap tanaman dan ladang. Mereka dilihat tidak bersungguh-sungguh untuk memajukan bidang pertanian kerana faktor usia, ketidakupayaan dan kurang berminat untuk melakukan tugas di ladang atau sawah.

*Jabatan memaklumkan bahawa syarat dan kriteria pemilihan peserta telah diperketat sebagaimana yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Tanah Terbiar Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Edisi 2010.*

**Pada pendapat Audit, Jabatan telah mengambil langkah yang baik kerana menyediakan garis panduan tersebut bagi mengelakkan peserta mengambil sikap sambil lewa terhadap aktiviti pertanian mereka.**

#### **3.4.4 Tidak Ada Perjanjian/Aku Janji**

Perjanjian/aku janji adalah satu bentuk dokumen yang boleh menjamin kedua-dua pihak mematuhi sebarang syarat yang telah ditetapkan dalam sesuatu pelaksanaan projek. Tujuan perjanjian/aku janji dibuat adalah bagi memastikan peserta/petani dapat melaksanakan projek mengikut panduan yang diberikan, mematuhi peraturan yang ditetapkan serta dapat memberi komitmen sepenuhnya terhadap projek yang diusahakan.

Semakan Audit mendapati tidak ada perjanjian/aku janji antara Jabatan dengan peserta/petani bagi memastikan setiap peserta/petani terikat dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan. Perkara ini berbeza dengan Projek Tumpuan Pembangunan Pertanian (ACDA) bagi tanah terbiar yang dilaksanakan di Negeri Kelantan dengan pembiayaan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Melalui projek ACDA peserta dikehendaki menandatangani perjanjian/aku janji dengan Jabatan supaya pembangunan tanah terbiar dapat dibangunkan dengan lebih lancar dan tersusun. Ketiadaan sebarang ikatan antara Jabatan dan peserta telah mengakibatkan peserta mengamalkan sikap sambil lewa, cuai dan tidak bersungguh-sungguh untuk menjayakan projek pertanian di atas tanah terbiar milik mereka sendiri.

*Jabatan telah menyediakan borang Aku Janji Pelaksanaan Projek Pembangunan Jabatan Pertanian. Aku janji tersebut akan mula dikuatkuasakan kepada peserta pada tahun 2010.*

**Pada pendapat Audit, penyediaan borang aku janji tersebut adalah baik bagi Jabatan menjaga kepentingan kerajaan dan menghindari berlakunya pembaziran wang kerajaan melalui pemberian Nilai Insentif Amalan Teknologi.**

#### **3.4.5 Pelaksanaan Projek Pembangunan Tanah Terbiar**

Pemeriksaan Audit di tiga Pejabat Pertanian Jajahan iaitu Machang, Pasir Puteh dan Tumpat serta lawatan ke lima projek pembangunan tanah terbiar telah dilakukan antara bulan Ogos hingga November 2009. Lawatan tersebut bertujuan untuk menilai tahap kejayaan dan kelemahan pelaksanaan projek pembangunan tanah terbiar berkenaan. Hasil daripada pengauditan tersebut mendapati perkara berikut:

#### a) Pengeluaran Hasil Pertanian

Jabatan menetapkan bagi sesuatu projek yang dilaksanakan, ianya hendaklah mendapatkan pulangan hasil sebagaimana yang dirancang dan memberi pulangan yang lumayan kepada setiap peserta projek. Ia adalah selaras dengan objektif pembangunan tanah terbiar antaranya untuk meningkatkan pendapatan petani. Semakan Audit mendapati daripada lima projek pembangunan tanah terbiar yang diaudit, pengeluaran hasil bagi tahun 2009 terhadap empat projek telah mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan. Bagaimanapun pengeluaran hasil pertanian bagi satu lagi projek iaitu Projek Kg. Gosong, Machang belum mencapai sasaran. Kedudukan sasaran Jabatan dan pencapaian sebenar bagi lima projek untuk tempoh dua tahun adalah seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**  
**Sasaran Dan Pencapaian Tahun 2008 Hingga 2009 Bagi Lima Projek Tanah Terbiar**

Bil.	Nama Projek	Bil. Peserta	Tahun 2008			Tahun 2009		
			Sasaran (RM Juta)	Pencapaian (RM Juta) (%)		Sasaran (RM Juta)	Pencapaian (RM Juta) (%)	
1.	Kg. Gong Kulim, Pasir Puteh	33	0.82	0.83	101.2	0.70	0.92	131.4
2.	Kg. Nara, Pasir Puteh	51	1.12	1.01	90.2	0.58	0.58	100.0
3.	Kg. Pangkal Chuit, Machang	30	0.15	0.14	93.3	0.15	0.15	100.0
4.	Kg. Kelong, Tumpat	56	0.60	0.42	70.0	0.15	0.15	100.0
5.	Kg. Gosong, Machang	54	0.06	0.005	8.3	0.10	0.01	10.0

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kelantan

#### i) Pengeluaran Hasil Mencapai Sasaran

Pengeluaran hasil empat projek tanah terbiar iaitu Projek Tanah Terbiar Kg. Gong Kulim, Kg. Nara, Kg. Pangkal Chuit dan Kg. Kelong telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Kedudukan terperinci adalah seperti berikut:

- **Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Gong Kulim, Pasir Puteh**


Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Gong Kulim mula dibangunkan pada tahun 2007 di atas tanah seluas 46 hektar dan disertai oleh 33 peserta. Tanaman utama bagi projek ini ialah tembikai tanpa biji, tembikai wangi dan tembikai madu yang ditanam dua pusingan setahun. Pada tahun 2008, projek ini berjaya memperoleh pendapatan sejumlah RM0.83 juta iaitu melebihi 1.2% berbanding sasaran Jabatan berjumlah RM0.82 juta. Pada tahun 2009, pendapatan daripada projek ini telah meningkat sebanyak 31.4% iaitu RM0.92 juta berbanding sasaran Jabatan berjumlah RM0.70 juta. **Foto 3.1** dan **Foto 3.2** adalah sebahagian daripada tanaman tembikai dan tembikai wangi di Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Gong Kulim.

**Foto 3.1**  
**Tanaman Tembikai**



Sumber: Pejabat Pertanian Pasir Puteh  
Lokasi: Tanah Terbiar Kg. Gong Kulim, Pasir Puteh

**Foto 3.2**  
**Tanaman Tembikai Wangi**



Sumber: Pejabat Pertanian Pasir Puteh  
Lokasi: Tanah Terbiar Kg. Gong Kulim, Pasir Puteh

- **Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Nara, Pasir Puteh**

Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Nara mula dibangunkan pada tahun 2006 di atas tanah seluas 56 hektar. Projek ini ditanam dengan tanaman tembikai wangi, tembikai, labu, cili, jagung dan sayur-sayuran oleh 51 peserta sebanyak dua kali setahun. Pendapatan yang diperolehi daripada projek ini pada tahun 2008 berjumlah RM1.01 juta iaitu 90.2% berbanding sasaran Jabatan berjumlah RM1.12 juta. Pada tahun 2009, Jabatan telah meletakkan sasaran pendapatan lebih rendah iaitu RM0.58 juta kesan dari serangan penyakit kulat *downy mildew* pada tahun 2008 yang menyebabkan tanaman tidak dapat mengeluarkan hasil sepatutnya dan pemulihan tanah perlu dilakukan. Semakan Audit mendapati sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan pada tahun 2009 telah dapat dicapai 100%.

- **Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Pangkal Chuit, Machang**

Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Pangkal Chuit, Machang mula dibangunkan pada tahun 2006. Projek tanaman padi semusim setahun ini dibangunkan di atas tanah seluas 50 hektar dan disertai seramai 30 peserta. Jabatan mensasarkan perolehan pendapatan berjumlah RM150,000 setahun bagi tahun 2008 dan 2009 untuk projek ini. Jabatan juga mensasarkan hasil purata pengeluaran padi sebanyak empat metrik tan sehektar diperolehi bermula tahun 2008. Semakan Audit mendapati setelah mengambil kira pemberian harga subsidi padi, pencapaian pendapatan bagi tahun 2008 berjumlah RM141,096 iaitu 94.1% daripada sasaran Jabatan, manakala pencapaian tahun 2009 berjumlah RM146,868 atau 97.9% daripada sasaran Jabatan. Bagaimanapun, pengeluaran hasil purata sehektar belum mencapai sasaran iaitu hanya sebanyak 2.70 mt bagi tahun 2008 dan 2.60 mt tahun 2009. Keadaan ini berlaku disebabkan tanah di kawasan projek mempunyai tahap pH yang rendah, tanah yang tidak rata menyebabkan pengaliran air tidak sempurna dan seluas 10

hektar tanaman padi musnah akibat dilanda banjir pada tahun 2008 dan 2009.

- **Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Kelong, Tumpat**

Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Kelong, Tumpat dibangunkan atas tanah seluas 60 hektar melibatkan 56 peserta dengan tanaman utamanya kelapa wangi. Projek ini dilaksanakan melalui empat fasa dengan Fasa I dibangunkan pada tahun 2001 hingga 2003, Fasa II tahun 2004, Fasa III tahun 2006 dan Fasa IV dilaksanakan pada tahun 2007. Bagi Fasa I dan Fasa II pengeluaran hasil daripada tanaman kelapa wangi sepatutnya telah diperolehi pada tahun 2005, 2006 dan 2008.

Pada tahun 2008, Jabatan mensasarkan hasil sejumlah RM0.60 juta daripada pengeluaran kelapa wangi dan tanaman singkat masa. Bagaimanapun, pencapaian sebenar hanyalah RM0.42 juta sahaja. Bagi tahun 2009, sasaran Jabatan hasil daripada produk kelapa wangi seperti air nira dan manisan berjumlah RM150,000 telah tercapai. Jabatan juga mensasarkan pendapatan purata peserta dapat dipertingkatkan kepada melebihi RM1,000 sebulan berbanding pendapatan sebelum ini yang berjumlah RM380 sebulan. Semakan Audit terhadap Laporan Aktiviti, Hasil Dan Pendapatan Kelapa Wangi tahun 2008 dan 2009 oleh Pejabat Pertanian Jajahan Tumpat yang melibatkan 36 peserta bagi Projek Fasa I dan II mendapati pendapatan purata peserta adalah tidak memuaskan. Didapati hanya lima peserta yang memperoleh pendapatan purata melebihi RM1,000 sebulan hasil daripada jualan produk kelapa wangi, manakala 31 peserta lain memperoleh pendapatan purata berjumlah RM120 sebulan. Ini berlaku disebabkan peserta tidak memberi komitmen sepenuhnya terhadap penjagaan ladang dan tanaman mereka. **Foto 3.3** dan **Foto 3.4** adalah sebahagian pokok kelapa wangi yang telah mengeluarkan hasil serta produk daripadanya yang dihasilkan oleh salah seorang daripada lima peserta untuk dipasarkan.

**Foto 3.3**  
**Pokok Kelapa Wangi**  
**Yang Telah Mendatangkan Hasil**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Kg. Kelong, Tumpat  
Tarikh: 2 November 2009

**Foto 3.4**  
**Air Nira Daripada Pokok**  
**Kelapa Wangi Sedia Untuk Dipasarkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Kg. Kelong, Tumpat  
Tarikh: 2 November 2009

*Jabatan memaklumkan bahawa pencapaian pada paras 69.4% ini disebabkan oleh tanaman singkat masa tidak dapat ditanam kerana kemasukan air masin ke kawasan projek. Bagaimanapun, didapati sasaran bagi tahun 2009 berjumlah RM150,000 hasil daripada kelapa wangi serta produknya seperti air nira dan manisan telah tercapai.*

**ii) Pengeluaran Hasil Belum Mencapai Sasaran**

Semakan dan lawatan Audit mendapati pengeluaran hasil pertanian bagi Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Gosong Machang belum mencapai sasaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan. Projek ini dibangunkan pada tahun 2005 di atas tanah seluas 40 hektar dengan tanaman utamanya kelapa matag. Pembangunan dibuat melalui dua fasa yang melibatkan 54 peserta. Bagi Fasa I, tanaman kelapa matag bermula pada bulan Januari 2006, manakala Fasa II mula ditanam pada bulan Ogos 2007. Mengikut sumber Jabatan Pertanian dan Manual Tanaman Kelapa Matag, kelapa matag akan mula berbunga pada tahun ketiga ditanam dan penuaian boleh dilakukan pada tahun keempat. Lawatan Audit ke tapak projek Fasa I pada bulan Ogos 2009 mendapati hanya tanaman kelapa matag seorang peserta sahaja telah berjaya mengeluarkan hasil. Bagaimanapun, kelapa matag yang ditanam oleh 25 peserta lain masih belum mengeluarkan hasil. **Foto 3.5** dan **Foto 3.6** adalah sebahagian tanaman kelapa matag yang berumur hampir empat tahun tetapi belum lagi mengeluarkan bunga.

Foto 3.5

**Kelapa Matag Belum Berbunga**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa I, Kg. Gosong  
Tarikh: 16 Ogos 2009

Foto 3.6



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa I, Kg. Gosong  
Tarikh: 16 Ogos 2009

*Mengikut maklum balas yang diterima daripada Jabatan pada bulan Mac 2010 menjelaskan bahawa dua peserta telah berjaya memperoleh hasil berjumlah RM37,000 daripada projek ini pada tahun 2009. Bagaimanapun, tanaman kelapa matag bagi 24 peserta lain belum lagi mengeluarkan hasil.*

**b) Kawasan Projek Dimasuki Air Masin**

Pada tahun 2007, Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Kelong Fasa IV mula dilaksanakan dengan tanaman utamanya kelapa wangi. Sebelum pelaksanaan bermula, Bahagian Pengurusan Dan Pemuliharaan Tanah Jabatan Pertanian telah membuat kajian mengenai kesesuaian tanah. Mengikut Laporan yang dikeluarkan mendapati antara masalah yang dihadapi di kawasan tersebut ialah paras air yang tinggi dan air masin pada tahap pH3.0 – 3.5 di tapak projek. Laporan itu menyebut bahawa keadaan semasa tanah di kawasan berkenaan adalah tidak sesuai untuk tanaman kelapa wangi. Bahagian Pengurusan Dan Pemuliharaan Tanah mengesyorkan bahawa langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengawal paras air ialah dengan pembinaan benteng dan menurunkan paras air ke 50 – 75 cm dari permukaan tanah. Ekoran cadangan tersebut, Jabatan telah membina benteng sepanjang 600 meter, satu meter tinggi dan lima meter lebar serta 10 pembedung ladang yang kesemuanya dengan kos RM42,600 bagi menahan kemasukan air masin ke tapak projek pembangunan tanah terbiar ini.

Semakan Audit terhadap fail dan minit mesyuarat di Pejabat Pertanian Tumpat mendapati air masin masih memasuki kawasan projek kelapa wangi. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati benteng yang dibina adalah rendah dan Jabatan memaklumkan bahawa berlaku mendapan pada benteng tersebut menyebabkan kawasan projek dimasuki air masin dua kali sebulan ketika air pasang. Selain itu, pihak Audit juga mendapati paras air di tapak projek masih tinggi menyebabkan sebahagian besar batas yang dibina untuk tanaman kelapa wangi sering ditenggelami air. Perkara ini menyebabkan banyak anak pokok yang baharu ditanam telah mati dan hampir

keseluruhan ladang ditumbuhi pokok piai. Bagi menyelesaikan masalah ini Jabatan sedang berusaha supaya Jabatan Pengairan Dan Saliran membuat kajian anggaran kos untuk meninggikan benteng ini. **Foto 3.7** adalah sebahagian benteng yang dibina untuk menahan kemasukan air sungai ke kawasan projek, manakala **Foto 3.8** menunjukkan batas tanaman yang rendah mudah ditenggelami air serta ditumbuhi pokok piai.

**Foto 3.7**  
**Benteng Menahan Kemasukan Air Sungai**  
**Bersebelahnya**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa IV, Kg. Kelong  
Tarikh: 2 November 2009

**Foto 3.8**  
**Batas Tanaman Rendah**  
**Dan Ditutupi Pokok Piai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa IV, Kg. Kelong  
Tarikh: 2 November 2009

*Jabatan memberi maklum balas bahawa pihak JPS telah membuat anggaran kos untuk meninggikan benteng berkenaan. Permohonan untuk mendapatkan peruntukan telah dikemukakan kepada Bahagian Pengairan Dan Saliran Pertanian, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani namun kelulusan belum diperolehi.*

### **c) Ladang Dan Tanaman Tidak Disenggarakan Dengan Baik**

Sistem pengurusan ladang dan tanaman hendaklah dilaksanakan dengan cekap untuk meningkatkan produktiviti selaras dengan kehendak Amalan Pertanian Baik (APB) yang dipraktikkan oleh Jabatan. APB adalah satu sistem pengurusan pertanian yang dilaksanakan mengikut standard dan undang-undang/peraturan bagi mengawal dan mengurangkan risiko serta impak terhadap aktiviti pengeluaran pertanian antaranya bertujuan untuk meningkatkan produktiviti bahan pertanian.

Lawatan Audit ke projek tanaman kelapa matag di Tanah Terbiar Kg. Gosong, Machang Fasa I & II pada bulan Ogos 2009 mendapati hampir keseluruhan kelapa matag yang ditanam belum berbunga. Tanaman kelapa matag bagi Fasa I yang mula ditanam pada bulan Januari 2006 sepatutnya telah mengeluarkan bunga bermula awal tahun 2009. Jika APB dipraktikkan oleh peserta, kelapa matag pada peringkat tersebut telah mengeluarkan hasil. Perkara ini terbukti apabila tanaman kelapa matag seorang peserta berjaya mengeluarkan hasil dan telah memperoleh pendapatan daripada jualan air nira dan benih kelapa matag seperti di **Foto 3.9** dan **Foto 3.10**.

Foto 3.9

Tanaman Kelapa Matag Yang Telah Berbuah



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa I, Kg. Gosong  
Tarikh: 16 Ogos 2009

Foto 3.10



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa I, Kg. Gosong  
Tarikh: 16 Ogos 2009

Selain itu, lawatan Audit ke Projek berkenaan mendapati perkara berikut:

**i) Ladang Ditumbuhi Semak Samun**

Mengikut Manual Tanaman Kelapa, pembersihan di sekeliling setiap pokok hendaklah dilakukan sepanjang masa. Bagi pokok kelapa yang berumur antara satu hingga dua tahun, pembersihan daripada sebarang rumpai hendaklah dilakukan dalam lingkungan satu meter. Bagi pokok yang berumur melebihi tiga tahun lingkungan pembersihan adalah antara tiga hingga empat meter. Lawatan Audit mendapati sebahagian besar tanaman kelapa terutamanya bagi Fasa II tidak diuruskan dengan baik. Ladang kelapa matag dibiarkan ditumbuhi dan ditutupi semak samun yang membantutkan tumbesaran pokok kelapa seperti di **Foto 3.11** dan **Foto 3.12**.

Foto 3.11

Sebahagian Tanaman Kelapa Matag Berumur Dua Tahun Ditutupi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa II, Kg. Gosong  
Tarikh: 16 Ogos 2009

Foto 3.12



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa II, Kg. Gosong  
Tarikh: 16 Ogos 2009

Selain itu, lawatan Audit ke projek berkenaan juga mendapati sistem perparitan yang membekal dan mengawal keluar masuk air ke ladang juga tidak terurus. Adalah didapati hampir keseluruhan perparitan yang dibina antara batas-batas tanaman kelapa terutama di projek Fasa II telah ditutupi semak samun. Ini boleh menyebabkan aliran air tersekat dan mengakibatkan pokok kelapa mati. **Foto 3.13** dan **Foto 3.14** menunjukkan sebahagian parit yang tertimbus dan ditutupi semak samun.

**Foto 3.13** **Foto 3.14**  
**Sistem Perparitan Tidak Disenggara Dengan Sempurna**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa II, Kg. Gosong  
 Tarikh: 16 Ogos 2009



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa II, Kg. Gosong  
 Tarikh: 16 Ogos 2009

Jabatan memaklumkan bahawa kerja-kerja penjagaan ladang dan tanaman telah mula dijalankan oleh peserta setelah menerima teguran semasa lawatan Audit tempoh hari. **Foto 3.15** dan **Foto 3.16** adalah sebahagian daripada ladang kelapa matag dan parit yang telah dibersihkan.

**Foto 3.15** **Foto 3.16**  
**Kawasan Ladang Kelapa Matag Dan Parit Yang Telah Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kelantan  
 Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa I, Kg. Gosong




Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kelantan  
 Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa II, Kg. Gosong

## ii) Pembajaan Dan Kawalan Penyakit Tidak Dilakukan

Manual Tanaman Kelapa menetapkan bahawa proses pembajaan pada jarak yang ditetapkan dari pangkal pokok hendaklah dilakukan empat kali setahun bagi pokok yang berumur satu tahun dan tiga kali setahun bagi pokok yang berumur dua tahun ke atas. Bagi kawalan serangan penyakit dan serangga perosak pula, semburan racun atau suntikan pokok hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa sebagaimana yang ditetapkan dalam manual. Bagi membolehkan proses ini dijalankan, kawasan sekeliling pokok kelapa hendaklah bersih daripada rumpai dan semak samun.

Semakan Audit mendapati tiada pembajaan dan kawalan penyakit direkodkan. Hasil tinjauan Audit di lokasi projek bagi Fasa I dan Fasa II mendapati agak sukar bagi peserta untuk membaja di sekeliling pokok, meracun serta menyuntik batang pokok disebabkan semak samun menutupi pokok kelapa. **Foto 3.17** dan **Foto 3.18** menunjukkan sebahagian pokok kelapa yang telah berumur hampir empat tahun terbantut tumbesarannya akibat kurang pembajaan. Tanpa kawalan penyakit dan sistem pembajaan yang teratur, pokok kelapa terdedah kepada pelbagai serangan penyakit.

**Foto 3.17**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa I, Kg. Gosong  
Tarikh: 16 Ogos 2009

**Foto 3.18**

**Pokok Kelapa Tidak Diurus Dengan Baik**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa I, Kg. Gosong  
Tarikh: 16 Ogos 2009

*Jabatan memberi maklum balas bahawa pembajaan telah dilakukan oleh peserta projek, namun rekod pembajaan tidak dikemas kini dan peserta dalam proses mengemas kini rekod ladang.*

## iii) Pokok Kelapa Mati Tidak Ditanam Semula

Lawatan Audit juga mendapati ada pokok kelapa yang mati tidak ditanam semula. Ini boleh menyebabkan kerugian kepada peserta dan juga Jabatan yang telah banyak mengeluarkan insentif kepada setiap peserta. Pihak Audit dimaklumkan oleh Pembantu Pertanian yang memantau projek berkenaan bahawa ada peserta yang

hanya memberi komitmen pada peringkat awal pelaksanaan projek sahaja dan kemudiannya mengabaikan ladang tanaman mereka. Ini menyebabkan pokok kelapa yang ditanam terbiar tanpa diurus dengan sewajarnya. Sebahagian pokok kelapa mati yang sepatutnya telah berumur hampir empat tahun dan tidak ditanam semula adalah seperti di **Foto 3.19**.

**Foto 3.19**  
**Sebahagian Kawasan Tanaman Kelapa Yang Mati Dan Tidak Ditanam Semula**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa I, Kg. Gosong  
Tarikh: 16 Ogos 2009

*Maklum balas yang diterima daripada Jabatan menjelaskan bahawa penyulaman pokok yang mati tidak dapat dijalankan sepenuhnya disebabkan bekalan anak pokok yang tidak mencukupi.*

#### **iv) Tanaman Singkat Masa Tidak Diurus Dengan Baik**

Tanaman singkat masa adalah tanaman jangka pendek yang dilaksanakan sebagai program integrasi dengan tanaman utama di sesebuah ladang. Tanaman singkat masa dilaksanakan bagi membolehkan peserta memperoleh pendapatan segera sementara menunggu penuaian hasil kelapa dalam tempoh empat tahun. Bagi Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Gosong ini, tanaman singkat masa yang diamalkan ialah pisang.

Lawatan Audit ke tapak projek mendapati pokok pisang yang ditanam di batas kelapa matag tidak diurus dan dijaga dengan baik. Sekitar pokok pisang telah ditumbuhi semak samun dan sebahagiannya hampir menutupi pokok pisang. Keadaan ini mengakibatkan pokok tidak mengeluarkan buah yang banyak dan kualitinya adalah rendah serta mengakibatkan serangan penyakit. Pemeriksaan Audit terhadap rekod yang dikeluarkan oleh Pejabat Pertanian Jajahan Machang mendapati hasil yang diperolehi daripada tanaman pisang adalah tidak memuaskan. Pada tahun 2008 hanya 4.6 metrik tan diperolehi berbanding 63 metrik tan yang disasarkan oleh Jabatan, manakala bagi tahun 2009 hanya 10.6 metrik tan


diperolehi berbanding sasaran Jabatan sebanyak 80 metrik tan. **Foto 3.20** dan **3.21** adalah sebahagian tanaman pisang yang ditanam di batas tanaman kelapa matang.

**Foto 3.20**  
**Tanaman Singkat Masa (Pisang) Tidak Diurus Dengan Baik**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa I, Kg. Gosong  
Tarikh: 16 Ogos 2009


**Foto 3.21**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa II, Kg. Gosong  
Tarikh: 16 Ogos 2009

Ulasan yang diterima daripada Jabatan memaklumkan bahawa tanaman pisang bagi projek Fasa I sepatutnya telah ditebang kerana umur telah melebihi tiga tahun dan mengganggu tumbesaran tanaman kelapa. Tanaman pisang bagi projek Fasa II terjejas tumbesarnya dan 50% rosak akibat banjir yang melanda kawasan tersebut. Jabatan juga memaklumkan bahawa sebahagian kawasan tanaman pisang telah dibersihkan seperti di **Foto 3.22**.

**Foto 3.22**  
**Sebahagian Kawasan Tanaman Pisang Telah Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kelantan  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Fasa II, Kg. Gosong


#### d) Sistem Pengairan Tidak Sempurna

Sumber air adalah antara komponen utama dalam penanaman padi. Sistem pengairan dan saluran yang baik dapat membekalkan sumber air ke petak sawah dan menahan penyaluran air ketika tidak diperlukan. Bagi Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Pangkal Chuit, Machang sumber bekalan air merupakan masalah utama peserta untuk

menanam padi. Projek seluas 50 hektar ini telah dibangunkan pada tahun 2006 dengan disertai seramai 30 peserta. Padi hanya ditanam sekali setahun iaitu pada musim hujan yang bermula pada bulan September setiap tahun. Bagi mengatasi masalah tersebut, pada tahun 2007 Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) telah membina sebuah pintu air dan tali air konkrit sepanjang 350 meter. JPS juga telah membekalkan sebuah pam air bagi menyedut air dari alur sungai yang dikawal oleh pintu air ke tali air konkrit untuk mengairi kawasan sawah padi.


Lawatan Audit ke projek berkenaan antara bulan Ogos dan Oktober 2009 mendapati pam air dan tali air konkrit yang dibina tidak berfungsi kerana paras air yang rendah untuk disedut oleh pam seperti di **Foto 3.23** hingga **Foto 3.26**.

**Foto 3.23**  
**Pam Air Tidak Beroperasi**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Kg. Pangkal Chuit  
Tarikh: 16 Ogos 2009

**Foto 3.24**  
**Paras Air Rendah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Kg. Pangkal Chuit  
Tarikh: 28 Oktober 2009

**Foto 3.25**  
**Tali Air Konkrit Yang Tidak Berfungsi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Kg. Pangkal Chuit  
Tarikh: 3 September 2009


**Foto 3.26**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Kg. Pangkal Chuit  
Tarikh: 3 September 2009

Temu bual dengan peserta projek mendapati pam air tersebut tidak beroperasi semenjak tahun 2007 lagi. Akibat dari itu, peserta terpaksa menebuk dan membuat lorongan air di bawah jalan ladang dan tali air konkrit bagi mengalirkan air keluar dari alur sungai ke sawah padi seperti di **Foto 3.27** dan **Foto 3.28**.

**Foto 3.27** Lorongan Air Keluar Dibina Peserta Di Bawah Jalan Ladang Dan Tali Air Konkrit



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Kg. Pangkal Chuit  
Tarikh: 28 Oktober 2009

**Foto 3.28**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Kg. Pangkal Chuit  
Tarikh: 3 September 2009

Kekurangan sumber bekalan air menyebabkan projek tanah terbiar ini tidak dapat ditanam padi dua kali setahun. Lawatan Audit juga mendapati sawah padi ditumbuhi rumput yang panjang dan semak samun akibat sawah yang hanya diusahakan sekali setahun seperti di **Foto 3.29** dan **Foto 3.30**. Ini menyebabkan kesukaran untuk aktiviti membajak dan memerlukan kos yang tinggi. Selain itu, mengikut rekod Jabatan, tanah sawah di kawasan projek tidak rata dan menyukarkan air untuk sampai ke kawasan tanah sawah yang agak tinggi.

**Foto 3.29**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Kg. Pangkal Chuit  
Tarikh: 3 September 2009

**Foto 3.30**

**Aktiviti Pembajakan Sukar Dilakukan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Tanah Terbiar Kg. Pangkal Chuit  
Tarikh: 3 September 2009

*Mengikut ulasan yang diberikan oleh Jabatan, kawasan tanaman padi ini tidak dapat ditanam dua kali setahun kerana berada di luar kawasan skim pengairan JPS. Tanaman padi di kawasan projek ini bergantung 100% kepada sumber air hujan dan padi mulai ditanam pada akhir bulan September setiap tahun.*

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan Projek Pembangunan Tanah Terbiar belum memuaskan kerana didapati masih ada kelemahan terutamanya melibatkan pengeluaran hasil belum mencapai sasaran, ladang dan tanaman tidak disenggara dengan baik serta sistem pengairan yang tidak sempurna.**

### **3.4.7 Pemantauan**

Pemantauan yang berterusan adalah penting bagi memastikan program ini dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai sasaran dan matlamat yang ditetapkan. Jabatan Pertanian telah mewujudkan mekanisme pemantauan pembangunan tanah terbiar dilaksanakan di peringkat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan dan Pejabat Pertanian Jajahan.

#### **a) Peringkat Setiausaha Kerajaan Negeri**

Setiausaha Kerajaan Negeri memantau kemajuan serta prestasi pelaksanaan projek pembangunan tanah terbiar Negeri Kelantan yang dikendalikan oleh Jabatan. Mesyuarat Tahunan Tanah Terbiar Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri membincangkan status dan laporan kemajuan pelaksanaan serta tindakan yang perlu diambil mengenai tanah terbiar di Negeri Kelantan. Mesyuarat ini melibatkan Jabatan Pertanian, Pejabat Pertanian peringkat jajahan serta JPS.

#### **b) Peringkat Jabatan Dan Jajahan**

Di peringkat Jabatan, pemantauan dilaksanakan melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek Pembangunan Tanah Terbiar dan Mesyuarat Pembangunan Tanah Terbiar. Kedua-dua mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Pertanian Negeri dan melibatkan semua Pegawai Pertanian Jajahan dan JPS. Melalui mesyuarat ini laporan bulanan, laporan tahunan kemajuan pelaksanaan projek, laporan kewangan dan cadangan pelaksanaan projek tanah terbiar akan dibentangkan oleh Pegawai Pertanian Jajahan.

#### **c) Peringkat Pejabat Pertanian Jajahan**

Pegawai Pertanian Jajahan bertanggungjawab menyediakan laporan kewangan serta fizikal setiap bulan untuk tindakan dan pemantauan Pengarah Pertanian Negeri. Pembantu Pertanian ditugaskan untuk pemantauan pelaksanaan setiap projek tanah terbiar di peringkat jajahan. Jadual Lawatan Dan Pemantauan Mingguan disediakan oleh Pegawai Pertanian Jajahan untuk tujuan tersebut. Setiap Pembantu Pertanian akan mencatat dalam Buku Catatan Kerja Pengembangan mengenai lokasi perkhidmatan pengembangan pertanian yang diberikan serta tugas-tugas yang dilakukan di lokasi berkenaan.

#### **d) Maklum Balas Peserta**

Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada setiap peserta melalui Pembantu Pertanian yang memantau projek berkaitan. Soal selidik ini bagi menentukan sejauh mana projek pembangunan tanah terbiar memberi manfaat dan kebaikan kepada peserta serta mengenal pasti masalah dihadapi. Soal selidik berkenaan juga ialah untuk menentukan kekerapan pemantauan, khidmat nasihat dan lawatan yang dilakukan oleh Pembantu Pertanian dan Pegawai yang terlibat dalam projek di sesuatu kawasan. Hasil analisis daripada soal selidik yang diterima mendapati pemantauan, khidmat nasihat dan lawatan yang diberi terhadap empat projek adalah memuaskan. Bagaimanapun, soal selidik yang dikembalikan semula oleh 41 daripada 54 peserta Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kg. Gosong mendapati lawatan pemantauan yang dilakukan tidak memuaskan. Adalah didapati hanya lima peserta atau 12.2% memberi jawapan pemantauan dilakukan melebihi enam kali setahun. Seramai 19 peserta atau 46.3% memberi jawapan lima hingga enam kali dan 17 peserta atau 41.5% antara satu hingga empat kali sahaja setahun.

*Sebagai maklum balas kepada soal selidik ini, Jabatan menjelaskan bahawa kekerapan lawatan untuk Pemantauan Sistem Pengembangan Tekno Pertanian yang telah ditetapkan adalah lapan kali setahun bagi Projek Tanah Terbiar Kg. Gosong. Pada setiap kali lawatan yang diadakan tidak semua peserta yang dapat ditemui di peringkat ladang.*

### **3.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, Projek Pembangunan Tanah Terbiar terutamanya melibatkan tanaman singkat masa seperti tembikai tanpa biji, tembikai wangi, tembikai madu dan sayuran-sayuran telah mencapai objektifnya. Secara tidak langsung ia memberi sumber pendapatan yang amat baik kepada peserta projek. Bagaimanapun, sasaran pengeluaran padi sebanyak empat metrik tan sehektar belum tercapai disebabkan masalah punca air yang terhad. Bagi tanaman kelapa, pihak Audit mendapati penjagaan di peringkat awal sebelum pokok mengeluarkan buah adalah tidak memuaskan menyebabkan tumbesarnya terbantut yang mengakibatkan pokok kelapa lewat berbuah daripada masa sepatutnya. Sehubungan dengan itu, adalah disyorkan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan mengambil langkah seperti berikut untuk mengatasi kelemahan yang dikenal pasti:

- a)** Penyelarasan dan koordinasi antara Jabatan Pertanian dengan Jabatan Pengairan Dan Saliran perlu dipertingkatkan supaya program dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan. Perkara ini dapat mengelakkan sistem pengairan yang tidak sempurna seperti berlaku di projek tanaman padi di Kg. Pangkal Chuit, Machang dan kemasukan air masin ke tapak projek tanaman kelapa wangi Fasa IV di Kg. Kelong, Tumpat.
- b)** Pemantauan hendaklah dilakukan dengan lebih kerap terhadap tanaman kelapa terutamanya semasa proses tumbesaran supaya ladang kelapa tidak ditutupi semak samun di samping sistem pembajaan dan kawalan penyakit dilakukan dengan teratur.

- c) Jabatan Pertanian hendaklah mempergiatkan promosi dan khidmat sokongan supaya petani diberi kesedaran untuk menguruskan ladang mereka dengan mengamalkan APB.
- d) Jabatan Pertanian perlu menggandakan usaha untuk mengubah minda petani supaya mereka mempunyai komitmen yang tinggi untuk mengubah taraf hidup dan meningkatkan pendapatan mereka selaras dengan slogan Jabatan, 'Pertanian Satu Perniagaan'. Usaha ini boleh dibuat melalui program kursus, bengkel dan lawatan ke projek yang telah berjaya.

#### **4. PROGRAM MEMPERELOK JALAN-JALAN UTAMA NEGERI**

##### **4.1 LATAR BELAKANG**

**4.1.1** Program Memperelok Jalan-jalan Utama Negeri adalah projek pembangunan untuk kesejahteraan rakyat yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Program ini melibatkan pembinaan jalan baru, pembinaan jambatan, kerja menaik taraf jalan kampung kepada jalan Negeri dan pemasangan lampu isyarat. JKR adalah Jabatan yang bertanggungjawab dalam melaksana dan menyenggara projek bangunan dan jalan. Perbelanjaan yang dibenarkan di bawah Program ini adalah termasuk pembinaan jalan atau jambatan baru, pelebaran jalan atau penggantian jambatan, kerja ukur dan juga reka bentuk. Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (tahun 2006 hingga 2010) sejumlah RM60 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini.

**4.1.2** Matlamat Program ini adalah untuk menyediakan rangkaian perhubungan darat yang bermutu, selesa dan selamat kepada pengguna jalan raya. Perbelanjaan bagi melaksanakan Program Memperelok Jalan-jalan Utama Negeri adalah dibayar melalui peruntukan Negeri iaitu di bawah Peruntukan Pembangunan.

**4.1.3** Bagi tempoh 2007 hingga 2009, JKR telah diperuntukkan sejumlah RM34 juta bagi melaksanakan Program Memperelok Jalan-jalan Utama Negeri. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM30.89 juta atau 90.9% telah dibelanjakan bagi melaksanakan Program ini yang melibatkan 39 projek. Butiran lanjut mengenai peruntukan Program Memperelok Jalan-jalan Utama Negeri yang telah diterima dan dibelanjakan oleh JKR pada tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan**  
**Program Memperelok Jalan-Jalan Utama Negeri Pada Tahun 2007 Hingga 2009**

<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM Juta)</b>	<b>Perbelanjaan (RM Juta)</b>	<b>Perbelanjaan (%)</b>
2007	13.00	11.74	90.3
2008	12.00	10.59	88.3
2009	9.00	8.56	95.1
<b>Jumlah</b>	<b>34.00</b>	<b>30.89</b>	<b>90.9</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan*

##### **4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sejauh mana Program ini telah dirancang dengan sempurna dan dilaksanakan dengan cekap, berekonomi serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

### 4.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

4.3.1 Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program ini bagi tempoh tiga tahun iaitu mulai tahun 2007 hingga 2009. Daripada 39 projek yang dirancang, sebanyak 10 (25.6%) projek telah dipilih untuk diaudit iaitu tiga projek yang dilaksanakan pada tahun 2007, tiga projek pada tahun 2008 dan sebanyak empat projek pada tahun 2009. Kedudukan projek tersebut adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**  
**Senarai Projek Yang Diaudit**

Bil.	Nama Projek/Tahun/ Peruntukan Asal Bagi Tahun	Perbelanjaan Dalam Tahun (RM)	Status Pada 31.12.2009	Catatan
1.	Jalan Telipot ke Pasir Hor, Kota Bharu/2007/RM1,300,000	1,277,759	Siap	Projek sambungan dari tahun 2005.
2.	Jalan Pasar Wakaf Che Yeh ke Pintu Geng, Kota Bharu/2007/RM200,000	309,108	Siap	Tambahan peruntukan RM100,000 dan berlaku lebih perbelanjaan.
3.	Jalan Jelor ke Lubok Tualang, Pasir Puteh/2007/RM300,000	295,855	Siap	Jalan siap dibina.
4.	Jambatan Kelar ke Chicha Tinggi, Pasir Mas/2008/RM750,000	849,651	Siap	Projek dibawa daripada tahun 2007. Tambahan peruntukan RM200,000.
5.	Jalan Kg. Tok Ku ke Kedai Lalat, Kota Bharu/2008/RM500,000	940,984	Peringkat kerja tambun tanah dan <i>crusher run</i>	Projek belum disiapkan dan peruntukan lain juga telah digunakan untuk projek ini.
6.	Jalan Kelewek ke Bechah Laut, Tanah Merah/2008/RM600,000	603,767	Siap	Projek sambungan daripada tahun 2007.
7.	Jalan Taman Uda Murni, Kota Bharu: Jambatan Tg. Anis – Alor C /2009/RM300,000	849,374	Siap	Projek sambungan tahun 2007 dan tambahan peruntukan RM549,374.
8.	Jalan dan Jambatan Panchor – Pengkalan Datu, Kota Bharu/2009/RM3,700,000	5,287,787	Siap	Projek sambungan dari tahun 2008 dan tambahan peruntukan sejumlah RM1,283,398.
9.	Jambatan Tok Din, Pasir Puteh/2009/RM300,000	Tidak dapat ditentukan	Belum dilaksanakan	Projek dibawa daripada tahun 2008.
10.	Jalan Bendang Nyior, Tanah Merah/2009/RM200,000	197,035	Siap	Projek sambungan daripada tahun 2007.
<b>Jumlah</b>		<b>10,611,320</b>		

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan

4.3.2 Pengauditan ini melibatkan Ibu Pejabat JKR Negeri Kelantan dan tiga Pejabat JKR Jajahan iaitu Pasir Puteh, Pasir Mas dan Tanah Merah. Antara rekod yang disemak ialah dokumen kewangan, dokumen kontrak, fail tender/sebut harga, fail projek, laporan kemajuan projek, Buku Harian Tapak Projek dan fail-fail lain yang berkaitan serta rekod pengambilan balik tanah. Lawatan juga dibuat ke tapak projek bagi menjalankan pemeriksaan fizikal dan menemu bual pegawai yang berkaitan.

### 4.3.3 Kriteria Pemilihan

Pihak Audit telah memilih 10 projek sebagai sampel bagi kajian ini dan kriteria pemilihan adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
**Kriteria Pemilihan Projek**

Bil.	Projek	Tahun Dirancang/ Dibina	Kriteria Pemilihan
1.	Jalan Telipot ke Pasir Hor, Kota Bharu	2007	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bayaran bagi kes pengambilan balik tanah dilakukan walaupun melanggar garis panduan projek yang dibenarkan di bawah peruntukan Pembangunan.</li> </ul>
2.	Jalan Pasar Wakaf Che Yeh ke Pintu Geng, Kota Bharu	2007	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek disiapkan menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri.</li> </ul>
3.	Jalan Jelor ke Lubok Tualang, Pasir Puteh	2007	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek siap dalam tempoh yang ditetapkan.</li> </ul>
4.	Jambatan Kelar ke Chicha Tinggi, Pasir Mas	2008	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbelanjaan melebihi anggaran kos projek dan terpaksa menggunakan peruntukan dari Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi menjelaskan bayaran kemajuan.</li> <li>Pembinaan <i>box culvert</i> bagi menggantikan rancangan asal membina jambatan.</li> </ul>
5.	Jalan Kg. Tok Ku ke Kedai Lalat, Kota Bharu	2008	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek belum disiapkan walaupun peruntukan dari Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri digunakan bagi projek ini.</li> <li>Bayaran kos pengambilan balik tanah digunakan dari peruntukan ini.</li> </ul>
6.	Jalan Kelewek ke Bechah Laut, Tanah Merah	2008	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek sambungan daripada tahun 2007.</li> <li>Kerja disiapkan pada tahun 2008 dengan sedikit lebihan perbelanjaan.</li> </ul>
7.	Jalan Taman Uda Murni, Kota Bharu	2009	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek siap dalam tempoh yang ditetapkan.</li> <li>Projek sambungan daripada tahun 2007.</li> </ul>
8.	Jalan Panchor, Kota Bharu	2009	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek siap dalam tempoh yang ditetapkan.</li> <li>Projek sambungan daripada tahun 2008.</li> </ul>
9.	Jambatan Tok Din, Pasir Puteh	2009	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek tidak dilaksanakan.</li> <li>Projek dibawa daripada tahun 2008.</li> </ul>
10.	Jalan Bendang Nyior, Tanah Merah	2009	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek disiapkan pada tahun 2009.</li> <li>Projek sambungan daripada tahun 2008.</li> </ul>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan

## 4.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Ogos hingga November 2009 mendapati perancangan dan pelaksanaan projek di bawah Program Memperelok Jalan-jalan Utama Negeri adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaannya yang memberi impak kepada prestasi kewangan dan prestasi projek. Antara kelemahan di bawah prestasi kewangan adalah perbelanjaan melebihi peruntukan sejumlah RM0.76 juta, kos projek sejumlah RM0.57 juta menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Negeri dan kos pengambilan balik tanah sejumlah RM3.08 juta menggunakan peruntukan di bawah Program ini yang tidak sepatutnya dilakukan. Kelemahan dari segi prestasi projek pula terdapat projek yang tidak

dapat disiapkan dan projek jambatan yang tertangguh pelaksanaannya. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti di perenggan berikut:

#### 4.4.1 Prestasi Pelaksanaan Projek

Bagi tempoh 2007 hingga 2009, sebanyak 27 (69.2%) daripada 39 projek telah siap dilaksanakan di bawah Program ini yang melibatkan peruntukan sejumlah RM34 juta. Empat projek masih dalam pembinaan dan lapan projek belum dilaksanakan. Pada umumnya, kontraktor yang melaksanakan projek di bawah Program ini telah dilantik secara undian, sebut harga dan tender manakala dua projek telah dilaksanakan sendiri oleh Jabatan. Butiran terperinci mengenai status projek adalah seperti di **Jadual 4.4**.

**Jadual 4.4**  
**Kedudukan Projek Pada Tahun 2007 Hingga 2009**

Tahun	Bilangan Projek				Projek Siap (%)
	Diluluskan	Disiapkan	Dalam Pembinaan	Belum Dilaksana	
2007	29	24	1	4	82.8
2008	5	3	1	1	60.0
2009	5	-	2	3	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>39</b>	<b>27</b>	<b>4</b>	<b>8</b>	<b>69.2</b>

*Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan*

**Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan. Ini adalah berdasarkan masih terdapat empat projek dalam pembinaan dan lapan projek belum dilaksanakan.**

##### a) Jalan Tidak Dapat Disiapkan

Daripada 10 projek yang dipilih untuk diaudit, terdapat satu projek yang tidak dapat disiapkan. Projek tersebut ialah pembinaan Jalan Kg. Tok Ku/Kedai Lalat yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2008. Anggaran kos untuk projek ini ialah sejumlah RM1.5 juta tetapi peruntukan yang diluluskan hanya sejumlah RM0.5 juta. Pembinaan projek ini dilaksanakan sendiri oleh JKR. Bagaimanapun peruntukan tersebut telah digunakan untuk membayar kos pengambilan balik tanah dan bukannya untuk membiayai pembinaan projek. Ini telah menyebabkan jalan tersebut masih belum siap dibina sehingga tarikh pengauditan dijalankan sepertimana di **Foto 4.1** dan **Foto 4.2**.

**Foto 4.3**  
**Jalan Kg. Tok Ku/Kedai Lalat Masih Belum Siap Dibina**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kg. Tok Ku/Kedai Lalat, Kota Bharu  
Tarikh: 31 Disember 2009

**Foto 4.4**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kg. Tok Ku/Kedai Lalat, Kota Bharu  
Tarikh: 31 Disember 2009

*Mengikut ulasan JKR, projek ini dilaksanakan oleh Jabatan dan dibuat secara berperingkat kerana peruntukan yang diluluskan tidak mencukupi.*

**Pada pendapat Audit, perancangan JKR tidak mencapai matlamat kerana jalan masih tidak dapat disiapkan walaupun beberapa usaha telah dibuat untuk menyiapkan projek ini.**

**b) Pelaksanaan Projek Jambatan Tertangguh**

Projek pembinaan Jambatan Kg. Tok Din, Pasir Puteh telah diluluskan pada tahun 2008 dengan peruntukan awal sejumlah RM100,000 walaupun kos yang dianggarkan bagi projek ini berjumlah RM1.2 juta. Peruntukan ini tidak digunakan kerana kerja yang dilaksanakan hanya setakat proses reka bentuk. Pada tahun 2009, peruntukan sejumlah RM300,000 telah diluluskan namun sehingga akhir tahun 2009 pelaksanaan projek ini masih di peringkat penyediaan reka bentuk dan tiada sebarang perbelanjaan dilakukan terhadap peruntukan yang diluluskan. Sebahagian daripada peruntukan yang diluluskan pada tahun 2009 tersebut telah dipindahkan kepada projek lain iaitu Jambatan Sungai Puyu, Pasir Puteh.

Di antara sebab projek pembinaan jambatan tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2009 ialah penyediaan dokumen tender oleh JKR bagi projek ini belum lengkap. Buat masa ini penduduk setempat terpaksa menggunakan jambatan *bailey* yang dibina sebagai laluan sementara sehingga projek ini siap dilaksanakan. Lawatan Audit ke tapak projek ini mendapati keadaan jambatan sementara yang dibina adalah sempit dan tidak selesa seperti di **Foto 4.3**. Pihak Kerajaan Negeri sebagaimana disiarkan dalam sebuah akhbar tempatan iaitu Sinar Harian bertarikh 23 Mac 2010 telah menyatakan akan melaksanakan projek ini selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 2010 setelah menerima banyak aduan daripada pengguna jalan raya.

**Foto 4.3**  
**Jambatan Sementara Yang Dibina**  
**Di Kg. Tok Din, Sungai Puyu**



*Sumber: Jabatan Audit Negara*  
*Lokasi: Jambatan Sementara Kg. Tok Din,*  
*Sungai Puyu, Pasir Puteh*  
*Tarikh: 30 Disember 2009*

*Pihak JKR memaklumkan bahawa projek ini akan dilaksanakan dalam tahun 2010 dan tender telah dibuat pada bulan Mac 2010. Bagaimanapun, dengan jumlah peruntukan yang diluluskan hanya sejumlah RM400,000 ianya dijangkakan sekadar dapat menampung kos bagi kerja permulaan seperti kerja-kerja piling dan sebagainya.*

**Pada pendapat Audit, pihak JKR sepatutnya memberi keutamaan kepada projek ini kerana ia telah tertangguh sejak tahun 2008.**

**c) Perubahan Skop Kerja**

Semakan Audit mendapati bahawa pembinaan *box culvert* di Jalan Kelar/Chicha Tinggi, Pasir Mas adalah untuk menggantikan rancangan asal membina jambatan dengan anggaran kos berjumlah RM1.5 juta pada tahun 2007. Pembinaan *box culvert* di tiga tempat di sepanjang Jalan Kelar/Chicha Tinggi telah dilaksanakan dengan perbelanjaan sejumlah RM0.85 juta pada tahun 2008.

Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa pembinaan *box culvert* tersebut adalah bagi mengurangkan kos projek dan pembinaannya adalah memadai bagi mengalirkan air daripada anak sungai/alur di kawasan berkenaan dan ia mampu menampung had berat kenderaan dengan muatan sehingga 20 tan. Pembinaan *box culvert* yang telah siap dilaksanakan adalah seperti di **Foto 4.4** dan **Foto 4.5**.

Foto 4.4  
Pembinaan *Box Culvert* Di Jalan Kelar/Chicha Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kelar/Chicha Tinggi, Pasir Mas  
Tarikh: 6 Januari 2010

Foto 4.5



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kelar/Chicha Tinggi, Pasir Mas  
Tarikh: 6 Januari 2010

Mengikut ulasan JKR, perubahan skop projek ini daripada jambatan kepada jenis *box culvert* adalah bertujuan untuk mengurangkan kos pembinaan tanpa mengurangkan keupayaan jalan sebagai laluan utama Jalan Kelar/Chicha Tinggi.

Pada pendapat Audit, pembinaan *box culvert* di atas telah berjaya mengurangkan kos projek sejumlah RM0.65 juta berbanding kos asal projek berjumlah RM1.5 juta. Tindakan ini merupakan langkah yang baik dalam melaksanakan perbelanjaan berhemat selaras dengan kehendak Kerajaan.

#### 4.4.2 Prestasi Kewangan

Peruntukan sejumlah RM34 juta telah diluluskan pada tahun 2007 hingga 2009 bagi melaksanakan sebanyak 39 projek yang dirancang di bawah Program ini. Semakan Audit mendapati jumlah yang dibelanjakan bagi tempoh tersebut berjumlah RM30.89 juta iaitu 90.9% daripada peruntukan yang diluluskan. Butiran terperinci mengenai jumlah peruntukan yang diluluskan, jumlah perbelanjaan dan kedudukan terkini projek adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5  
Kedudukan Projek Dan Peruntukan/Perbelanjaan Pada Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Bilangan Projek			Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan	
	Siap	Dalam Pembinaan	Belum Dilaksana		(RM Juta)	(%)
2007	24	1	4	13.00	11.74	90.3
2008	3	1	1	12.00	10.59	88.3
2009	-	2	3	9.00	8.56	95.1
<b>Jumlah</b>	<b>27</b>	<b>4</b>	<b>8</b>	<b>34.00</b>	<b>30.89</b>	<b>90.9</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

**a) Prestasi Kewangan Projek**

Berdasarkan 10 sampel projek yang dipilih, pihak Audit mendapati lapan projek (80%) telah berjaya disiapkan, satu projek dalam pembinaan dan satu projek lagi belum dilaksanakan. Bagi tujuan ini, sejumlah RM10.61 juta daripada peruntukan berjumlah RM10.28 juta telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 4.6**.

**Jadual 4.6**  
**Kedudukan Projek Dan Peruntukan/Perbelanjaan**  
**Pada Tahun 2007 Hingga 2009 Berdasarkan Sampel**

Tahun	Bilangan Projek			Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan	
	Siap	Dalam Pembinaan	Belum Dilaksana		(RM Juta)	(%)
2007	3	-	-	1.90	1.88	99.1
2008	2	1	-	2.05	2.39*	116.8
2009	3**	-	1	6.33	6.33	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>8</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>10.28</b>	<b>10.60</b>	<b>103.1</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan

Nota: \*Ditampung menggunakan peruntukan projek lain di bawah Program ini

\*\*Projek sambungan

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan projek adalah baik di mana JKR membelanjakan hampir keseluruhan peruntukan yang diluluskan pada tahun 2007 dan 2009. Bagaimanapun pada tahun 2008 perbelanjaan telah melebihi peruntukan.**

**b) Perbelanjaan Melebihi Peruntukan**

Semakan Audit terhadap projek yang dipilih mendapati perbelanjaan bagi empat projek berjumlah RM7.14 juta telah melebihi peruntukan sejumlah RM0.76 juta (11.9%) berbanding jumlah peruntukan yang diluluskan hanya sejumlah RM6.38 juta. Lebihan perbelanjaan tersebut ditampung menggunakan peruntukan projek lain di bawah Program ini. Butirannya adalah seperti di **Jadual 4.7**.

**Jadual 4.7**  
**Perbelanjaan Melebihi Peruntukan Pada Tahun 2007 Hingga 2009**

Bil.	Nama Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Lebihan Perbelanjaan	
				(RM)	(%)
1.	Jalan Pasar Wakaf Che Yeh/Pintu Geng, Kota Bharu (2007)	300,000	309,108	9,108	3.0
2.	Jalan Kg. Tok Ku/Kedai Lalat, Kota Bharu (2008)	500,000	940,984	440,984	88.2
3.	Jalan Kelewek/Bechah Laut/Terasil, Tanah Merah (2008)	600,000	603,767	3,767	0.6
4.	Jalan Dan Jambatan Panchor/Pengkalan Datu, Kota Bharu (2009)	4,983,398	5,287,787	304,389	6.1
<b>Jumlah</b>		<b>6,383,398</b>	<b>7,141,646</b>	<b>758,248</b>	<b>11.9</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan

Sebelum perbelanjaan dilakukan pihak JKR sepatutnya membuat pindah peruntukan kerana jumlah peruntukan keseluruhan di bawah Program ini masih mencukupi.

Mengikut ulasan JKR, jumlah perbelanjaan keseluruhan bagi Program ini pada tahun berkenaan tidak melebihi peruntukan yang diluluskan kerana beberapa projek tidak dapat dilaksanakan disebabkan masih dalam peringkat reka bentuk dan proses pengambilan balik tanah. Pihak JKR memaklumkan akan memastikan setiap projek diberi peruntukan secukupnya untuk memenuhi semua perbelanjaan yang dilakukan pada masa hadapan.

**Pada pendapat Audit, pindah peruntukan hendaklah dibuat sebelum perbelanjaan dilakukan bagi memastikan tidak berlaku perbelanjaan melebihi peruntukan.**

**c) Projek Dibiayai Daripada Kumpulan Wang Amanah**

Pemeriksaan Audit mendapati perbelanjaan sejumlah RM0.57 juta bagi tiga projek dibiayai daripada Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri (KAPJN). Projek terlibat adalah dua di Jajahan Kota Bharu dan satu di Jajahan Pasir Mas seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8**  
**Projek Dibiayai Menggunakan KAPJN**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Perbelanjaan Di Bawah KAPJN (RM)</b>
1.	Jalan Pasar Wakaf Che Yeh/ Pintu Geng, Kota Bharu (2007)	160,558
2.	Jalan Kg. Tok Ku/Kedai Lalat, Kota Bharu (2008)	307,900
3.	Jalan Kelar/Chicha Tinggi, (km 1.3), Pasir Mas (2008)	99,686
<b>Jumlah</b>		<b>568,144</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan

Penggunaan KAPJN bagi membiayai projek di bawah Program ini adalah tidak mematuhi Arahan Amanah yang sepatutnya hanya digunakan untuk membiayai penyelenggaraan jalan sahaja dan bukan bagi pembinaan jalan baru. Dua daripada tiga projek yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 4.6** dan **Foto 4.7**.

**Foto 4.1**  
**Jalan Pasar Wakaf Che Yeh/Pintu Geng**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Wakaf Che Yeh, Kota Bharu  
Tarikh: 31 Disember 2009

**Foto 4.2**  
**Jalan Kg. Tok Ku/Kedai Lalat Masih  
Belum Siap**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kg. Tok Ku/Kedai Lalat, Kota Bharu  
Tarikh: 31 Disember 2009

Pihak JKR menggunakan KAPJN untuk membiayai perbelanjaan bagi tiga projek tersebut kerana peruntukan yang ada tidak mencukupi. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati jumlah peruntukan keseluruhan di bawah Program ini masih mencukupi dan tidak perlu menggunakan KAPJN.

*Mengikut ulasan JKR, jumlah baki peruntukan bagi Program ini pada tahun berkenaan yang ditunjukkan dalam penyata perbelanjaan JKR hanya diketahui pada akhir tahun berkenaan dan pelarasan tidak dibuat pada masa itu. Pihak JKR memaklumkan akan mengambil tindakan mengenai perkara ini pada masa akan datang.*

**Pada pendapat Audit, KAPJN hanya boleh digunakan untuk tujuan sebagaimana Arahan Amanah tanpa pengecualian.**

**d) Kos Pengambilan Balik Tanah**

Semakan Audit mendapati pada tahun 2007 dan 2008, pihak JKR telah menggunakan peruntukan di bawah Program ini bagi bayaran kos pengambilan balik tanah berjumlah RM3.08 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM2.09 juta telah dibayar pada tahun 2007 dan sejumlah RM0.99 juta pada tahun 2008. Butiran projek terlibat adalah seperti di **Jadual 4.9**.

**Jadual 4.9**  
**Kos Pengambilan Balik Tanah Dibayar**  
**Menggunakan Peruntukan Program Pada Tahun 2007 Dan 2008**

<b>Bil.</b>	<b>Projek</b>	<b>Tahun 2007 (RM)</b>	<b>Tahun 2008 (RM)</b>
1.	Jalan Binjai/Kedai Lalat, Kota Bharu	1,971,043	-
2.	Jalan Kg. Tok Ku/Kedai Lalat, Kota Bharu	-	940,984
3.	Jalan Pulau Melaka/Kedai Lalat, Kota Bharu	101,684	44,750
4.	Jalan Telipot/Pasir Hor, Kota Bharu	18,324	-
5.	Jalan Pasar Wakaf Che Yeh, Kota Bharu	7,032	-
<b>Jumlah</b>		<b>2,098,083</b>	<b>985,734</b>

*Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan*

Berdasarkan maklumat di atas, sejumlah RM2.09 juta (16.1%) daripada keseluruhan peruntukan Program pada tahun 2007 berjumlah RM13 juta telah digunakan bagi tujuan bayaran kos pengambilan balik tanah. Pada tahun 2008 pula sejumlah RM0.99 juta (8.2%) daripada peruntukan berjumlah RM12 juta digunakan bagi tujuan yang sama. Pihak Audit dimaklumkan bahawa adalah menjadi amalan pihak JKR menggunakan peruntukan yang diluluskan bagi sesuatu projek di bawah Program ini untuk membayar kos pengambilan balik tanah terhadap projek berkenaan. Keadaan ini berlaku kerana pihak JKR tidak menyedari ada peruntukan khusus bagi membayar kos pengambilan balik tanah di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Amalan membayar kos pengambilan balik tanah menggunakan peruntukan di bawah Program ini bukan sahaja tidak mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan Negeri Yang Dibenarkan Di Bawah Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup tetapi juga telah menyebabkan peruntukan bagi sesuatu projek itu tidak mencukupi, manakala projek tidak dapat disiapkan kerana kehabisan peruntukan atau projek tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancang pada tahun berkenaan.

*Mengikut ulasan JKR, pihaknya tidak menyedari akan adanya peruntukan bagi membayar kos pengambilan balik tanah di bawah peruntukan SUK dan pihak JKR akan memohon peruntukan ini bagi projek akan datang.*

**Pada pendapat Audit, bayaran pengambilan balik tanah bagi Program ini hendaklah menggunakan peruntukan yang dikhaskan iaitu peruntukan Pengambilan Balik Tanah Untuk Projek Negeri.**

#### **4.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pihak Audit berpendapat bahawa Program ini telah berjaya dilaksanakan kerana 69.2% daripada projek yang diluluskan telah berjaya disiapkan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaannya yang telah menyebabkan objektif Program ini tidak dapat dicapai sepenuhnya. Bagi memastikan objektif Program ini tercapai dan mendatangkan manfaat kepada umum, adalah disyorkan JKR mempertimbangkan perkara berikut:

- a)** Pindahan peruntukan hendaklah dibuat sebelum perbelanjaan dilakukan bagi memastikan tidak berlaku perbelanjaan melebihi peruntukan bagi setiap projek.
- b)** KAPJN hanya boleh digunakan untuk tujuan sebagaimana Arahan Amanah tanpa pengecualian.
- c)** Bayaran pengambilan balik tanah bagi Program ini hendaklah menggunakan peruntukan yang dikhaskan iaitu peruntukan Pengambilan Balik Tanah Untuk Projek Negeri.
- d)** Memberi keutamaan kepada projek yang telah lama tertangguh dan mendapat rungutan daripada orang awam selaras dengan Konsep 1 Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

## MAJLIS DAERAH MACHANG

### 5. PENGURUSAN CUKAI TAKSIRAN

#### 5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Majlis Daerah Machang (Majlis) ditubuhkan pada 1 Januari 1979 di bawah Akta 171 yang mempunyai kawasan seluas 130 km persegi dan seramai 70,000 penduduk. Antara punca hasil tetap Majlis adalah cukai taksiran, sewaan dan pajakan. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1**  
**Jumlah Pendapatan Dan Perbelanjaan Majlis**  
**Bagi Tahun 2007 Hingga 2009**

Bil.	Butiran	Tahun		
		2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
<b>Pendapatan:</b>				
1.	Cukai Taksiran dan Caruman Ganti Cukai	756,310	766,521	777,427
2.	Lesen Pendaftaran dan Permit	290,455	310,143	330,406
3.	Bayaran Perkhidmatan	700,926	1,262,472	678,138
4.	Sewaan Dan Pajakan	540,223	402,942	417,333
5.	Jualan, Keuntungan dan Denda	750,317	2,795,810	141,474
6.	Sumbangan dan Bayaran Balik	14,174	24,609	264,691
7.	Geran dan Pemberian	1,444,799	1,634,097	1,425,313
<b>Jumlah Pendapatan</b>		<b>4,497,204</b>	<b>7,196,594</b>	<b>4,034,782</b>
<b>Perbelanjaan:</b>				
1.	Emolumen	1,707,324	1,940,151	1,979,472
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	1,133,132	1,352,368	1,385,605
3.	Pemberian dan Kenaan Tetap	85,533	42,074	27,000
4.	Lain-lain Perbelanjaan	113,243	93,611	90,209
5.	Susutnilai dan Hapus kira	204,474	132,704	173,775
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>3,243,706</b>	<b>3,560,908</b>	<b>3,656,061</b>
<b>Lebih Pendapatan</b>		<b>1,253,498</b>	<b>3,635,686</b>	<b>378,721</b>

Sumber: Penyata Kewangan Majlis

5.1.2 Seksyen 127, Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada Majlis untuk mengutip cukai taksiran terhadap pegangan berkadar yang berada dalam kawasan pentadbirannya. Sehingga akhir tahun 2009, Majlis mempunyai 7,874 pegangan berkadar yang dibahagi kepada tiga kategori iaitu bangunan kediaman, perniagaan dan perkilangan. Cukai terhak daripada pegangan tersebut berjumlah RM0.53 juta berdasarkan kadar yang dikenakan kepada pegangan perniagaan dan perkilangan sebanyak 10%, kediaman dalam bandar sebanyak 6% dan kediaman luar bandar sebanyak 2%. Jumlah tunggakan pada akhir tahun 2009 berjumlah RM4.02 juta berbanding tahun 2007 berjumlah RM3.48 juta. Jabatan yang bertanggungjawab secara langsung dalam urus tadbir cukai taksiran di Majlis Daerah Machang adalah Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Perancangan Dan Pembangunan dan Jabatan Penguatkuasaan.

## **5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sejauh mana pengurusan cukai taksiran telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan untuk meningkatkan kutipan dan mengurangkan tunggakan selaras dengan peraturan mengenainya.

## **5.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan adalah meliputi aspek pengurusan kutipan cukai taksiran dan proses pengenaan kadar cukai taksiran bagi tahun 2007 hingga 2009. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak senarai nilai cukai taksiran, lejar perseorangan cukai taksiran, proses pengenaan cukai, tindakan memungut tunggakan, permohonan mendirikan bangunan, pengeluaran Sijil Layak Menduduki (SKD), notis kompaun dan minit mesyuarat Majlis. Selain itu, lawatan ke lokasi pegangan juga dibuat untuk menilai penyenggaraan dan kemudahan yang disediakan di kawasan tersebut.

## **5.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengurusan cukai taksiran yang cekap dan berkesan akan membantu Majlis meningkatkan kutipan hasil cukai dan mengurangkan tunggakan. Pengurusan cukai dilaksanakan dengan berpandukan kepada undang-undang, peraturan dan arahan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan melalui Mesyuarat Majlis. Semakan Audit bermula dari Oktober 2009 hingga Januari 2010 terhadap aktiviti pengurusan cukai taksiran mendapati bangunan yang dikeluarkan SKD belum dikenakan cukai sepenuhnya, tambahan bangunan belum dipinda cukai taksirannya, kutipan cukai taksiran tidak mencapai sasaran dan kutipan tunggakan adalah tidak memuaskan. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti berikut:

### **5.4.1 Proses Pengenaan Cukai Dan Kadar Cukai Taksiran**

#### **a) Proses Pengenaan Cukai Taksiran**

##### **i) Bangunan Yang Dikeluarkan SKD Belum Dikenakan Cukai Sepenuhnya**

Mengikut Seksyen 25(1) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, Majlis boleh mengeluarkan SKD terhadap bangunan yang siap atau sebahagian siap dibina berdasarkan permohonan bertulis oleh pemilik kepada Majlis. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2006 hingga 2008, Majlis telah mengeluarkan sebanyak 592 SKD terhadap bangunan yang siap dibina tetapi hanya 324 bangunan yang telah dikenakan cukai, manakala sebanyak 268 buah bangunan lagi belum dikenakan cukai. Perkara ini berlaku kerana perjawatan bagi dua Pembantu Penilaian yang sepatutnya membuat penilaian terhadap bangunan tersebut tidak diisi sejak tahun 2007. Kedudukan bilangan pengeluaran SKD dan bangunan yang dikenakan cukai adalah seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Kedudukan Keluaran SKD Berbanding Bilangan Yang Dikenakan Cukai Taksiran**  
**Bagi Tempoh 2006 Hingga 2009**

Tahun	Bilangan SKD Dikeluarkan	Bilangan Pegangan Dikenakan Cukai	Tahun Cukai Dikenakan	Baki Belum Dikenakan Cukai
2006	369	162 30	2007 2008	177
2007	89	89	2008	-
2008	134	43	2009	91
<b>Jumlah</b>	<b>592</b>	<b>324</b>		<b>268</b>

Sumber: Daftar SKD Dan Senarai Nilai Majlis

Akibatnya, Majlis telah kekurangan hasil cukai taksiran yang dianggarkan berjumlah RM44,500 pada tahun 2007 hingga 2009.

**ii) Tambahan Bangunan Belum Dipinda Cukai Taksiran**

Seksyen 144(1)(b), Akta 171 menyatakan sebarang pindaan terhadap sesuatu bangunan yang menyebabkan nilai tahunannya berubah akan dikenakan pindaan cukai taksiran. Lawatan Audit bersama pegawai Majlis ke Taman Sri Sentosa, Taman Sri Delima dan Taman Alia mendapati tiga buah pegangan telah dibuat tambahan tetapi pindaan terhadap cukai taksiran bangunan berkenaan belum dibuat. Pindaan cukai terhadap bangunan tambahan belum dibuat kerana kekurangan pegawai di Jabatan Penilaian. Bangunan yang dilawati adalah seperti di **Foto 5.1** hingga **Foto 5.3**.

**Foto 5.1**

**Bangunan Tambahan Belum Dikenakan Cukai Taksiran**

**Foto 5.2**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Lot PT 2130, Taman Alia, Machang  
 Tarikh: 6 Januari 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Lot 2760, Taman Sri Delima, Machang  
 Tarikh: 6 Januari 2010

**Foto 5.3**  
**Bangunan Tambahan Belum Dikenakan**  
**Cukai Taksiran**



*Sumber: Jabatan Audit Negara*  
*Lokasi: Lot 3118, Taman Sri Sentosa, Machang*  
*Tarikh: 25 Oktober 2009*

Akibatnya, Majlis kehilangan hasil cukai dianggarkan sejumlah RM150 bagi setiap buah bangunan berkenaan sejak bangunan tersebut diduduki.

*Mengikut ulasan Majlis, ianya telah membuat penilaian semula terhadap tiga pegangan tambahan dan baki pegangan yang dikeluarkan SKD akan dikenakan cukai pada tahun 2010.*

**Pada pendapat Audit, pengenaan cukai taksiran terhadap bangunan yang dikeluarkan SKD dan bangunan yang dibuat tambahan perlu dibuat segera bagi meningkatkan hasil Majlis.**

**b) Kadar Cukai Taksiran**

Seksyen 130, Akta 171 menjelaskan bahawa kadar cukai yang akan dikenakan pada setiap tahun adalah ditetapkan oleh PBN. Sebarang perubahan kadar cukai hendaklah dikemas kini dalam senarai nilai sebelum bil cukai taksiran dikeluarkan. Pada tahun 2009, kadar cukai taksiran untuk pegangan kediaman bagi kawasan Pulai Chondong, Temangan, Mukim Batu 30 dan Mukim Ulu Sat telah dinaikkan. Kadar cukai yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3**  
**Kadar Cukai Taksiran Yang Diluluskan Oleh PBN**  
**Bagi Tahun 2007 Hingga 2009**

Bil.	Kawasan	Kadar Cukai Yang Diluluskan Oleh PBN Bagi Tahun		
		2007 (%)	2008 (%)	2009 (%)
1.	Pegangan Kilang/Institusi Perniagaan	10	10	10
2.	Pegangan Perniagaan/bengkel Perniagaan/Stesen Minyak	10	10	10
3.	Pegangan Kediaman bagi Kawasan Bandar dan Mukim Machang	6	6	6
4.	Pegangan Kediaman bagi Pekan Pulai Chondong, Temangan, Mukim Batu 30 dan Mukim Ulu Sat	4	4	6
5.	Pegangan Kediaman Bagi Kawasan Luar Bandar	2	2	2
6.	Tanah Kosong dan Estet	1	1	1

Sumber: Rekod Kadar Cukai Majlis

Semakan Audit terhadap kadar yang dikenakan adalah seperti berikut:

**i) Bangunan Perniagaan Belum Dipinda Kadar Cukai**

Bangunan kediaman yang dijadikan premis perniagaan hendaklah dikenakan kadar cukai mengikut kategori premis perniagaan. Kadar cukai yang ditetapkan terhadap bangunan kediaman dalam bandar adalah 6% manakala kadar cukai bagi premis perniagaan pula ialah 10%. Lawatan Audit bersama pegawai Majlis ke Taman Sri Delima di Bandar Machang mendapati terdapat dua buah kediaman yang digunakan untuk tujuan perniagaan masih dikenakan kadar cukai kediaman dan belum dipinda kepada kadar perniagaan. Pegangan tersebut adalah seperti di **Foto 5.4** dan **Foto 5.5**.

**Foto 5.4**

**Bangunan Kediaman Dijadikan Tadika Dan Homestay**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Lot PT 2765, Taman Sri Delima, Machang  
 Tarikh: 6 Januari 2010

**Foto 5.5**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Lot 2761, Taman Sri Delima, Machang  
 Tarikh: 6 Januari 2010

## ii) Kadar Cukai Terkurang Dikenakan

Semakan Audit mendapati Jabatan Penilaian tidak mengemas kini kadar kenaikan cukai taksiran di kawasan Pulau Chondong, Temangan, Mukim Batu 30 dan Mukim Ulu Sat dalam senarai nilai tahun 2009. Akibatnya cukai taksiran tahun 2009 telah terkurang dikenakan sejumlah RM27,599. Bilangan pegangan dan cukai taksiran yang terkurang dikenakan adalah seperti di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.4**  
**Bilangan Pegangan Dan Kadar Cukai Taksiran Terkurang Dikenakan Pada Tahun 2009**

Bil.	Kawasan	Bilangan Pegangan	Kadar Cukai Dikenakan (%)	Kadar Cukai Sepatutnya (%)	Jumlah Terkurangan Dikenakan Cukai (RM)
1.	Pekan Pulau Chondong	587	4	6	9,274
2.	Mukim Gading Galoh	347	2-4	6	7,987
3.	Mukim Tengah	203	4	6	2,183
4.	Pekan Temangan	82	4	6	1,327
5.	Mukim Kuala Kerak	341	4	6	3,774
6.	Mukim Ulu Sat	67	2	6	1,733
7.	Mukim Machang	4	4	6	160
8.	Harta Khas	41	4	6	1,130
9.	Taman Riong	1	4	6	31
<b>Jumlah</b>		<b>1,673</b>			<b>27,599</b>

Sumber: Rekod Cukai Taksiran Majlis

Mengikut ulasan, Majlis telah mengambil langkah mengemaskinikan kadar cukai kediaman kepada perniagaan dan juga terhadap kadar cukai yang terkurang dikenakan.

Pada pendapat Audit, kadar cukai taksiran hendaklah dikemas kini dengan segera dalam senarai nilai tahunan bagi menentukan cukai yang dikenakan adalah tepat.

### 5.4.2 Kutipan Cukai Taksiran Semasa Tidak Mencapai Sasaran

Mengikut Bajet Tahunan, Majlis telah membuat sasaran untuk mengutip sebanyak 70% cukai taksiran semasa pada setiap tahun. Semakan Audit mendapati kutipan cukai taksiran semasa tidak mencapai sasaran iaitu peratus pungutan cukai terhak antara 17.3% pada tahun 2007 meningkat kepada 17.8% pada tahun 2008 dan 19.5% pada tahun 2009. Kedudukan pungutan cukai taksiran semasa bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 5.5**.


**Jadual 5.5**  
**Kedudukan Pungutan Hasil Cukai Taksiran Semasa Pada Tahun 2007 hingga 2009**

Bil.	Butiran	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
1.	Cukai Taksiran Terhak Bagi Tahun	513,783	524,029	531,615
2.	Pungutan Sebenar Bagi Tahun	88,939	93,122	103,858
3.	Peratusan Pungutan	17.3%	17.8%	19.5%
4.	Tunggakan Cukai Taksiran Semasa	424,844	430,907	427,757

Sumber: Rekod Cukai Taksiran Majlis

Prestasi kutipan cukai taksiran semasa dalam bentuk carta adalah seperti di **Carta 5.1**.

**Carta 5.1**  
**Kutipan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2007 Hingga 2009**



Sumber: Rekod Kutipan Cukai Majlis

Antara sebab kutipan cukai semasa tidak mencapai sasaran adalah seperti berikut:

**a) Pengeluaran Bil Cukai Taksiran**

Mengikut Seksyen 147 Akta 171, cukai taksiran hendaklah dijelaskan oleh pemilik pada akhir bulan Februari dan Ogos setiap tahun. Bagi membolehkan pemilik menyedari cukai yang perlu dijelaskan, bil cukai tahunan hendaklah dikeluarkan dan disampaikan kepada pemilik melalui pos atau serahan tangan. Semakan Audit mendapati peratus keluaran bil adalah kurang memuaskan iaitu antara 28.7% pada tahun 2007 meningkat kepada 46.5% pada tahun 2008 dan menurun kepada 24.9% pada tahun 2009 seperti butiran lengkap di **Jadual 5.6**.

**Jadual 5.6**  
**Bilangan Keluaran Bil Taksiran Bagi Tahun 2007 Hingga 2009**

Bil.	Perkara	Jumlah Bil Taksiran		
		2007	2008	2009
1.	Jumlah bil mengikut senarai nilai	7,712	7,831	7,874
2.	Bilangan bil dikeluarkan melalui serahan tangan	1,697	3,030	1,343
3.	Bilangan bil dikeluarkan melalui pos	519	609	617
4.	Bilangan bil tidak diserahkan	5,496	4,192	5,914
5.	Peratus keluaran bil	28.73	46.47	24.89

Sumber: Rekod Penyerahan Bil Cukai Majlis

Pada tahun 2009, sebanyak 2,399 bil bagi 10 mukim dan 20 taman perumahan tidak dikeluarkan. Bil tidak dapat dikeluarkan sepenuhnya kerana kekurangan pegawai di Jabatan Penilaian Majlis. Mengikut penjelasan Majlis, bil akan dikeluarkan sepenuhnya melalui pos pada tahun 2010.

**b) Prestasi Pungutan Cukai Tidak Memuaskan**

Majlis mempunyai 7,874 pegangan yang terletak dalam 20 kawasan atau mukim dan 29 taman perumahan. Daripada jumlah ini 4,236 pegangan terletak dalam mukim/kawasan yang ada kemudahan asas yang lengkap, manakala sebanyak 3,638 pegangan lagi terletak dalam kawasan yang tidak disediakan kemudahan asas. Semakan Audit mendapati pada tahun 2009 prestasi pungutan cukai bagi kawasan yang ada kemudahan asas dan penyenggaraan ini adalah sebanyak 15.5% iaitu berjumlah RM72,634 yang melibatkan 657 pemilik sahaja. Bagi kawasan/mukim yang tiada kemudahan asas pula prestasi pungutan cukai adalah lebih rendah iaitu 6.8% berjumlah RM31,225 yang melibatkan 249 pemilik. Butiran lengkap pungutan cukai tersebut seperti di **Jadual 5.7**.

**Jadual 5.7**  
**Perbandingan Kutipan Cukai Antara Kawasan**

Kawasan/Mukim	Tahun	Jumlah Pegangan	Cukai Terhak (RM)	Kutipan Cukai Semasa		Peratusan Pembayar (%)
				Jumlah (RM)	Pegangan (Bil.)	
<b>Kawasan Disediakan Kemudahan Asas/Penyenggaraan:</b> Bandar Machang, Mukim Machang, Pulai Chondong, Pekan Temangan dan 15 Taman Perumahan	2009	4,236	375,078	72,634	657	15.5
	2008	4,220	370,230	65,139	684	16.2
	2007	4,220	364,653	63,245	480	11.4
<b>Kawasan Tiada Kemudahan Asas/ Penyenggaraan:</b> 16 Mukim dan 14 Taman Perumahan	2009	3,638	156,537	31,225	249	6.8
	2008	3,637	153,642	27,973	247	6.8
	2007	3,637	151,586	26,657	187	5.1
<b>Jumlah Bagi Tahun</b>	<b>2009</b>	<b>7,874</b>	<b>531,615</b>	<b>103,859</b>	<b>906</b>	<b>11.5</b>
	<b>2008</b>	<b>7,857</b>	<b>523,872</b>	<b>93,112</b>	<b>931</b>	<b>11.9</b>
	<b>2007</b>	<b>7,857</b>	<b>516,239</b>	<b>89,902</b>	<b>667</b>	<b>8.5</b>

Sumber: Rekod Cukai Taksiran Majlis

Peratus pembayar cukai yang disediakan kemudahan asas adalah tidak memuaskan dan lebih serius lagi bagi kawasan yang tiada kemudahan asas. Oleh itu Majlis perlu mengambil langkah yang lebih proaktif dalam memberi kesedaran terhadap tanggungjawab pemilik pegangan supaya menjelaskan cukai.

Majlis telah menyedari kedudukan ini dan sebagai langkah untuk meningkatkan prestasi pungutan cukai taksiran, Majlis telah memutuskan beberapa kaedah pendekatan untuk dilaksanakan seperti menyediakan kemudahan asas dan penyenggaraan menggunakan peruntukan Projek Kesejahteraan Rakyat, kutipan dari rumah ke rumah dan Program Ahli Majlis Bersama Penduduk. Semakan Audit terhadap program yang dirancang mendapati perkara seperti berikut:

**i) Penyediaan Kemudahan Asas Dan Penyelenggaraan**

Program ini melibatkan perancangan menyediakan perkhidmatan pungutan sampah, projek seperti mengetar jalan, pemasangan lampu jalan dan pembaikan longkang melalui peruntukan Projek Kesejahteraan Rakyat. Sehingga Mei 2010, kerja menaiktaraf Jalan Taman Desa Arif telah disiapkan dan pemasangan lampu jalan belum dilakukan serta pembaikan longkang belum disenggarakan.

**ii) Pungutan Cukai Dari Rumah Ke Rumah**

Majlis telah meluluskan kutipan cukai dari rumah ke rumah dibuat pada awal atau akhir bulan terutama di taman perumahan bagi memudahkan penduduk menjelaskan cukai taksirannya. Semakan Audit mendapati pada tahun 2008 kutipan rumah ke rumah yang telah dijalankan di 12 taman perumahan di kawasan bandar telah dapat memungut cukai sejumlah RM6,850. Bagaimanapun pada tahun 2009, hanya dua taman perumahan sahaja yang dibuat kutipan cukai sejumlah RM2,387. Sungguhpun kaedah ini didapati berkesan menambahkan kutipan hasil tetapi jadual pungutan yang meliputi semua taman perumahan tidak dilaksanakan secara sistematik.

**iii) Program Ahli Majlis Bersama Penduduk**

Pada tahun 2009, Majlis memutuskan untuk mengadakan Program Ahli Majlis Bersama Penduduk bertujuan memberi penjelasan mengenai kepentingan menjelaskan cukai taksiran. Semakan Audit mendapati Majlis telah mengadakan program ini di Masjid Mukim Pemanok, Kg. Jakar dan Pulau Chondong namun masih tidak berkesan memberi kesedaran kepada penduduk mengenai tanggungjawab untuk menjelaskan cukai taksiran. Ini terbukti berdasarkan penduduk Mukim Pemanok dan Kg. Jakar yang masih tidak menjelaskan tunggakan cukai sejumlah RM37,935. Sehingga Mei 2010, program ini telah diadakan di empat taman iaitu Taman Damai, Sri Makmur, Sri Machang dan Sri Sentosa.

**Pada pendapat Audit, prestasi kutipan cukai taksiran semasa adalah kurang memuaskan kerana bil tidak dikeluarkan sepenuhnya dan gagal memberi kesedaran kepada pemilik tentang tanggungjawab menjelaskan cukainya.**

**5.4.3 Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran Tidak Memuaskan**

Majlis telah menganggarkan untuk mengutip sebanyak 15% tunggakan pada setiap tahun. Kedudukan tunggakan cukai pada akhir tahun 2006 berjumlah RM3.16 juta dan telah meningkat menjadi RM4.02 juta pada akhir tahun 2009. Bagi mencapai sasaran ini, Majlis telah menetapkan beberapa kaedah untuk dilaksanakan bagi mengurangkan tunggakan seperti berikut:

- a) Mengeluarkan notis peringatan dan operasi sita terhadap pegangan yang tidak menjelaskan tunggakan. Tumpuan diberi kepada pegangan harta khas, taman-taman perumahan dan kawasan bandar.
- b) Mengambil tindakan undang-undang melalui Mahkamah.
- c) Mengambil tindakan terhadap tunggakan lama.
- d) Menyediakan jadual bayaran ansuran.

Semakan Audit mendapati pungutan sebenar tunggakan pada tahun 2007 hingga 2009 adalah antara 3.5% hingga 4.6% sahaja. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 5.8**.

**Jadual 5.8**  
**Kedudukan Pungutan Tunggakan Cukai Taksiran**  
**Bagi Tahun 2007 Hingga 2009**

Tunggakan Cukai Terkumpul	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
Tunggakan Pada Awal Tahun	3,163,664	3,478,288	3,768,446
Cukai Taksiran Semasa	513,783	524,029	531,615
Tolak: Pungutan Cukai Semasa Pungutan Tunggakan	(88,939) (110,220)	(93,122) (140,749)	(103,858) (173,413)
Peratusan Pungutan Tunggakan	3.5%	4.0%	4.6%
Tunggakan Pada Akhir Tahun	3,478,288	3,768,446	4,022,790

*Sumber: Rekod Cukai Taksiran Majlis*

Semakan Audit terhadap kaedah yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

**i) Pengeluaran Notis Tunggakan Dan Notis Penyitaan**

Mengikut Seksyen 148(1), Akta 171 menetapkan notis (Borang E) hendaklah dikeluarkan setelah bil cukai taksiran tidak dijelaskan pada bulan Februari dan Ogos pada setiap tahun. Jika Borang E tersebut masih diingkari, waran tahanan (Borang F) untuk menyita pegangan berkenaan boleh dibuat oleh Majlis. Semakan Audit mendapati sebanyak 7,045 pegangan yang tertunggak pada tahun 2007 tidak dikeluarkan Borang E. Pada tahun 2008, daripada 6,900 jumlah pegangan yang tertunggak hanya 134 Borang E (1.94%) sahaja dikeluarkan. Pada tahun 2009, daripada 6,424 jumlah pegangan yang tertunggak hanya 187 Borang E (2.91%) sahaja yang dikeluarkan. Peratusan pengeluaran Borang E ini adalah terlalu kecil berbanding dengan bilangan pegangan yang tertunggak. Selain itu, Borang F untuk penyitaan tidak dilaksanakan dalam tempoh 2007 hingga 2009. Keadaan ini menunjukkan bahawa langkah-langkah pengeluaran notis peringatan Borang E dan Borang F untuk penyitaan seperti yang telah dirancang tidak dilaksanakan dengan berkesan. Ini menyebabkan pemilik tidak menyedari jumlah tunggakan yang perlu dijelaskan dan tunggakan semakin meningkat pada setiap tahun.

**ii) Tindakan Undang-undang**

Pada tahun 2007, Majlis telah menyenaraikan 22 orang pemilik pegangan yang tertunggak melebihi RM1,000 untuk diambil tindakan undang-undang. Pihak peguam telah mengeluarkan notis kepada 22 orang pemilik pegangan tersebut dan hasilnya 15 orang telah menjelaskan tunggakan cukai manakala tujuh pemilik lagi belum menjelaskannya disebabkan notis tidak dapat disampaikan kerana alamat tidak lengkap. Berdasarkan pengeluaran notis oleh peguam ini bilangan pembayarannya adalah memuaskan tetapi tindakan melalui peguam ini tidak diteruskan pada tahun 2008 dan 2009.

**iii) Tindakan Tidak Berdasarkan Tempoh Tunggakan**

Jawatankuasa Kecil Tunggakan Cukai Taksiran Majlis telah memberi keutamaan supaya tindakan diambil terhadap tunggakan lama. Semakan Audit mendapati bahawa pada akhir tahun 2009 tunggakan cukai adalah berjumlah RM4.02 juta bagi 7,361 pegangan. Daripada jumlah ini sebanyak 1,668 pegangan (22.7%) melibatkan tempoh tunggakan antara satu hingga enam tahun, 1,933 pegangan (26.3%) bagi tempoh tunggakan tujuh hingga 10 tahun dan 3,760 pegangan (51.1%) bagi tempoh tunggakan 10 hingga 21 tahun. Kedudukan pegangan mengikut tempoh tunggakan adalah seperti di **Jadual 5.9**.


**Jadual 5.9**  
**Kedudukan Tunggakan Mengikut Tempoh Pada 31 Disember 2009**

Bil.	Tempoh Tunggakan	Bilangan Pegangan	Jumlah Tunggakan (RM)
1.	Tunggakan 1 hingga 6 tahun	1,668	560,564
2.	Tunggakan 7 hingga 10 tahun	1,933	737,292
3.	Tunggakan 10 hingga 21 tahun	3,760	2,724,936
<b>Jumlah</b>		<b>7,361</b>	<b>4,022,792</b>

Sumber: Ringkasan Tunggakan Cukai Taksiran Majlis

Pecahan tempoh tunggakan dalam bentuk carta adalah seperti di **Carta 5.2**.

**Carta 5.2**  
**Pecahan Tunggakan Mengikut Tempoh Pada 31 Disember 2009**



Sumber: Rekod Cukai Taksiran Majlis

Majlis sepatutnya memberi keutamaan terhadap tunggakan yang melebihi 10 tahun ketika mengambil tindakan undang-undang seperti notis dan sita.

#### iv) Jadual Bayaran Ansuran Tunggakan

Sebagai kemudahan kepada pembayar cukai, Jawatankuasa Kecil Tunggakan memutuskan supaya disediakan jadual bayaran secara ansuran terhadap tunggakan yang besar jumlahnya bagi memudahkan pembayar menjelaskan tunggakan. Bagaimanapun jadual bayaran ansuran ini belum lagi disediakan.

*Mengikut ulasan Majlis, ianya akan mengambil tindakan undang-undang seperti notis amaran, menyita dan tindakan mahkamah dengan mengambil kira tunggakan melebihi RM1,000 dan berdasarkan tempoh tunggakan pada tahun 2010.*

**Pada pendapat Audit, prestasi kutipan tunggakan adalah tidak memuaskan kerana notis Borang E tidak dikeluarkan kepada semua pegangan yang tertunggak dan tindakan tidak berdasarkan tempoh tunggakan. Pengeluaran Borang F iaitu notis penyitaan tidak dibuat dan jadual bayaran tunggakan secara ansuran tidak disediakan.**

#### 5.4.4 Bangunan Tidak Diduduki/Dirobohkan Masih Dikenakan Cukai

Seksyen 162 Akta 171 menjelaskan jika sesuatu bangunan yang tidak diduduki atau disewakan tidak kurang dari satu bulan boleh diremitkan atau dipulang balik cukai taksirannya dan bangunan yang tidak wujud kerana telah dirobohkan tidak boleh dikenakan cukai taksirannya. Semakan Audit mendapati bangunan yang tidak diduduki dan tidak wujud lagi kerana telah dirobohkan masih lagi dikenakan cukai taksiran. Ini terbukti semasa lawatan Audit bersama pegawai Majlis ke Taman Desa Arif adalah didapati 13 unit bangunan yang tidak diduduki semenjak tahun 2000 masih dikenakan cukai taksiran berjumlah RM5,460. Selain itu, lawatan Audit ke Mukim Baka pula mendapati enam buah bangunan di Lot 2491, Kampong Air Merah telah lama dirobohkan tetapi masih dikeluarkan bil cukai taksiran tahunannya. 13 unit bangunan tidak diduduki adalah seperti di **Foto 5.6**.

**Foto 5.6**  
**13 Unit Bangunan Tidak Diduduki**  
**Sejak Tahun 2000**



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Desa Arif, Machang  
Tarikh: 17 November 2009*

*Mengikut ulasan Majlis, Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Pengurusan Harta kali ke 2/2010 yang bersidang pada 18 April 2010 telah meluluskan untuk menghapus kira cukai bagi harta yang tidak diduduki dan telah dirobohkan.*

**Pada pendapat Audit, Majlis hendaklah sentiasa mengemas kini senarai tunggakan terhadap bangunan yang tidak diduduki dan dirobohkan.**

## **5.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada umumnya, pengurusan cukai taksiran adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti proses pengenaan cukai tidak teratur, kadar cukai tidak kemas kini, pungutan cukai semasa tidak mencapai sasaran, pungutan tunggakan cukai tidak memuaskan dan bangunan yang tidak diduduki atau telah dirobohkan masih dikenakan cukai taksiran. Bagi mengatasi kelemahan tersebut adalah disyorkan Majlis mengambil langkah segera seperti berikut:

- a)** Majlis hendaklah memastikan semua bangunan yang dikeluarkan SKD dikenakan cukai.
- b)** Majlis hendaklah mengemas kini kadar cukai dalam senarai nilai.
- c)** Majlis hendaklah mematuhi sepenuhnya kehendak akta dan peraturan.
- d)** Mengisi dengan segera semua perjawatan di Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta supaya tugas membuat penilaian semula, penyerahan bil dan notis cukai tunggakan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

## **6. PENGURUSAN AIR TIDAK BERHASIL (*NON-REVENUE WATER*)**

### **6.1 LATAR BELAKANG**

**6.1.1** Air merupakan satu keperluan asas dalam kehidupan dan perlu diuruskan sebaik mungkin supaya mencukupi sepanjang masa. Kehilangan air di dalam sistem bekalan air merupakan masalah yang perlu diatasi dengan cekap dan berkesan. Kehilangan air bukan sahaja merupakan pembaziran sumber semula jadi, malah dari segi ekonomi ia adalah satu kerugian kepada negara. *Non-Revenue Water* (NRW) ialah jumlah kuantiti air yang telah dirawat dan disalurkan ke dalam sistem bekalan air tetapi tidak memberi pulangan hasil. Secara teknikal, NRW ialah jumlah pengeluaran air bersih (terawat) yang dibekalkan dan ditolak dengan jumlah penggunaan yang dibilkan menggunakan meter dan penggunaan yang dibilkan tanpa meter.

$$\text{NRW \%} = \frac{P - (M + N)}{P} \times 100\%$$

Di mana;

P = Pengeluaran Air Terawat

M = Penggunaan Yang Dibilkan Bermeter


N = Penggunaan Yang Dibilkan Tanpa Meter

Unit yang digunakan adalah peratus (%)

Selain daripada unit peratus (%), unit lain yang digunakan ialah meter padu (m<sup>3</sup>/bagi suatu tempoh), liter/sambungan/hari, liter/km/hari dan Indeks Kebocoran Infrastruktur (ILI).

**Rajah 6.1** menunjukkan skop NRW dalam sistem bekalan air.

**Rajah 6.1**  
**Skop NRW Dalam Sistem Bekalan Air**



Sumber: Manual Pengauditan NRW Jabatan Audit Negara

**6.1.2** Di Negeri Kelantan, pengurusan air dilaksanakan oleh Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) iaitu sebuah anak syarikat kepada Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Mengikut rekod Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA), kadar NRW di Negeri Kelantan pada tahun 2005, 2006 dan 2007 ialah masing-masing berjumlah 36.3%, 38% dan 37.7%. Bagaimanapun, laporan daripada AKSB menunjukkan kadar NRW di negeri ini melebihi 40% yang mana menunjukkan NRW adalah satu perkara serius yang memerlukan tindakan yang proaktif. Negeri Kelantan telah menerima peruntukan di bawah program NRW dalam RMKe-9 daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) iaitu sejumlah RM130 juta. Selaras dengan itu, pada bulan Mei 2008, AKSB telah menyediakan Projek NRW Holistik iaitu melaksanakan kerja mereka bentuk dan menyiapkan kerja pemetaan *Geographic Information System* (GIS) bagi sistem bekalan air Negeri Kelantan dengan kos bernilai RM5.60 juta. Pada bulan Ogos 2008, sebuah syarikat usaha sama telah dipilih untuk menjalankan kajian dan kerja pelaksanaan NRW seluruh Negeri Kelantan dengan nilai kontrak berjumlah RM130 juta. Berdasarkan **Jadual 6.1** purata kadar NRW nasional ialah 37.7% manakala Negeri Kelantan mencatatkan kadar NRW ketiga tertinggi di Malaysia iaitu 48.5% bagi tahun 2007.

**Jadual 6.1**  
**Kadar Peratus NRW Negeri**  
**Di Malaysia Bagi Tahun 2007**

Bil.	Negeri	Kadar Peratus NRW (%)
1.	Sabah	55.00
2.	N. Sembilan	53.15
<b>3.</b>	<b>Kelantan</b>	<b>48.49</b>
4.	Pahang	45.20
5.	Kedah	45.17
6.	Selangor	34.75
7.	WP. Labuan	34.72
8.	Perlis	34.16
9.	Terengganu	31.60
10.	Sarawak	31.50
11.	Johor	31.12
12.	Perak	29.97
13.	Melaka	28.60
14.	Pulau Pinang	16.86
<b>Purata Nasional</b>		<b>37.70</b>

Sumber: KeTTHA

## 6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pelaksanaan dan pemantauan pengurusan NRW telah diuruskan dengan cekap, ekonomik dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 6.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pelaksanaan program NRW di Jajahan Kota Bharu dan Jajahan Pasir Mas bagi tahun 2006 hingga 2009.

Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen entiti yang berkaitan dengan program NRW. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat serta lawatan tapak ke Loji Rawatan Air (LRA) dan Zon Meter Kawasan - *District Metering Area* (DMA) yang dipilih turut dijalankan.

## 6.4 PENEMUAN AUDIT

Jadual Imbangan Air merupakan jadual yang disediakan mengandungi komponen asas untuk mengira NRW berdasarkan amalan terbaik (*best practice*) yang dibangunkan oleh *International Water Association* (IWA). Berdasarkan jadual imbangan air bagi tahun 2008, kadar bacaan NRW ialah 49.4% atau 61,567,985 m<sup>3</sup> air didapati hilang daripada sistem. Jumlah ini merangkumi hampir separuh daripada jumlah 124,655,008 m<sup>3</sup> kemasukan isi

padu air ke dalam sistem (Q in). Ini bermakna air yang boleh dibilkan hanyalah sebanyak 50.6% atau 63,087,023 m<sup>3</sup> setahun. Kehilangan ini adalah berpunca daripada kehilangan fizikal seperti kebocoran sesalur utama, agihan dan retikulasi iaitu 43.1% atau 53,679,947 m<sup>3</sup> setahun dan kehilangan komersial iaitu 5.8% atau 7,257,168 m<sup>3</sup> setahun seperti di Jadual 6.2.

Jadual 6.2  
Pencapaian NRW AKSB Pada Tahun 2008

<b>System Input Volume 124,655,008 m<sup>3</sup>/tahun</b>	<b>Authorized Consumption 63,717,893 m<sup>3</sup>/tahun (51.1%)</b>	<b>Billed Authorized Consumption 63,087,023 m<sup>3</sup>/ tahun (50.6%)</b>	<b>Billed Metered Consumption 63,087,023 m<sup>3</sup>/tahun (50.6%)</b>	<b>Revenue Water 63,087,023 m<sup>3</sup>/tahun (50.6%)</b>
			<b>Billed Unmetered Consumption 0 m<sup>3</sup>/tahun</b>	
	<b>Water Losses 60,937,115 m<sup>3</sup>/year (48.9%)</b>	<b>Unbilled Authorized Consumption 630,870 m<sup>3</sup>/ tahun (0.5%)</b>	<b>Unbilled Metered Consumption 0 m<sup>3</sup>/tahun</b>	<b>Non-Revenue Water (NRW) 61,567,985 m<sup>3</sup>/tahun (49.4%)</b>
		<b>Commercial Losses 7,257,168 m<sup>3</sup>/tahun (5.8%)</b>	<b>Unbilled Unmetered Consumption 630,870 m<sup>3</sup>/tahun (0.5%)</b>	
			<b>Unauthorized Consumption 2,160 m<sup>3</sup>/tahun (0.0%)</b>	
		<b>Customer Meter Inaccuracies and Data Handling Errors 7,255,008 m<sup>3</sup>/tahun (5.8%)</b>		
	<b>Physical Losses 53,679,947 m<sup>3</sup>/tahun (43.1%)</b>			

Sumber: Rekod AKSB

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2009 hingga Januari 2010 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan kawalan NRW di Negeri Kelantan adalah kurang memuaskan dan masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan dengan memberi tumpuan terutama kepada aspek pemantauan dan pengawasan terhadap pengeluaran air dari LRA dan kehilangan fizikal. Di bawah program NRW iaitu menjalankan kajian dan kerja pelaksanaan NRW seluruh Negeri Kelantan yang mula dilaksanakan pada tahun 2008 telah mensasarkan peratusan NRW akan dapat diturunkan kepada 40% pada tahun 2009. **Semakan Audit terhadap laporan pencapaian NRW menunjukkan nilai peratusan NRW yang dicatat pada tahun 2009 masih tinggi iaitu 48.3% dan tidak menepati sasaran seperti di Jadual 6.3.**

Jadual 6.3  
Peratus Kadar Pencapaian NRW Bagi Negeri Kelantan  
Dari Tahun 2006 Hingga 2009

Tahun	2006	2007	2008	2009
Sasaran (%)	Tiada	Tiada	45.0	40.0
Kadar NRW (%)	44.6	48.4	49.4	48.3

Sumber: AKSB

AKSB memaklumkan anggaran kehilangan hasil adalah RM17.83 juta bagi tahun 2008.

Berdasarkan Imbangan Air di atas, aspek-aspek yang boleh dipertingkatkan adalah dari segi kemasukan isi padu air ke dalam sistem agihan, penggunaan sah yang dibilkan, kehilangan fizikal dan komersil yang begitu tinggi serta pelaksanaan projek NRW secara holistik. Penjelasan lanjut mengenai aspek di atas adalah seperti di perenggan berikut:

#### 6.4.1 Kemasukan Isi padu Air Ke Dalam Sistem (*Q in*)

Kemasukan isi padu air ke dalam sistem (*Q in*) adalah jumlah pengeluaran air bermeter dari LRA. Setiap LRA hendaklah mempunyai meter pengeluaran yang berfungsi menyukat kuantiti pengeluaran air bersih dengan tepat dan berterusan. Mengikut manual pembuat/pengilang, verifikasi terhadap meter pengeluaran ini hendaklah dilaksanakan setiap enam hingga 12 bulan dan diselenggara secara berkala bagi menjamin ketepatan bacaannya. Semakan Audit mendapati sungguhpun verifikasi terhadap meter pengeluaran dilaksanakan tetapi bacaan kemasukan isi padu air ke dalam sistem berjumlah 124,655,008 m<sup>3</sup> yang direkodkan pada tahun 2008 diragui ketepatannya kerana dua unit meter pengeluaran tidak beroperasi. Maklumat mengenai status meter pengeluaran adalah seperti di **Jadual 6.4**.

**Jadual 6.4**  
**Status Meter Pengeluaran (*Production Meter*) LRA**

Negeri	Jumlah Loji Rawatan Air	Jumlah Bilangan Keseluruhan Meter Pengeluaran/Kemasukan Air Ke Dalam Sistem ( <i>Outlet Inflow</i> )	Verifikasi Meter (Bilangan)		Status Operasi Meter (Bilangan)	
			Ada	Tiada	Beroperasi	Tidak Beroperasi
Kelantan	33	<i>Electromagnetic</i> meter : 21 Nos	/		20	1
		Mekanikal : 17 Nos	/		17	/
		<i>Insertion flowmeter</i> : 10 Nos		/	9	1

Sumber: AKSB

Selaras dengan itu, di bawah kontrak NRW, AKSB telah menetapkan 33 unit meter pengeluaran akan ditukar pada tahun 2009. Bagaimanapun, kerja penukaran meter pengeluaran tersebut hanya dilaksanakan pada 22 Februari 2010 dan selesai pada 23 Mac 2010. Sebanyak 32 unit dari 33 unit meter pengeluaran telah ditukar sementara satu unit tidak dapat ditukar iaitu di LRA Ciku yang disebabkan oleh perbezaan saiz paip.

**Pada pendapat Audit, tindakan penukaran meter kepada jenis *electromagnetic* adalah wajar bagi menjamin ketepatan bacaan kemasukan isi padu air ke dalam sistem.**

#### 6.4.2 Penggunaan Sah Yang Dibilkan

Penggunaan Sah Yang Dibilkan dalam Imbangan Air diperolehi dari sistem pengurusan pengebilan. Semakan Audit terhadap jadual imbangan air tahun 2008 mendapati pengeluaran air yang dapat disalurkan kepada pengguna adalah sebanyak 51.1% manakala selebihnya merupakan kehilangan. Daripada jumlah ini, adalah didapati sejumlah 50.6% atau 63,087,623 m<sup>3</sup> dibilkan dan sejumlah 0.5% tidak dibilkan. Pengebilan air merupakan

aktiviti yang menjana hasil kepada pihak AKSB dan melibatkan dua aspek utama iaitu pengeluaran bil air (*bill issued*) dan bil yang dikutip (*bill collected*). Proses pengebilan yang baik ialah apabila semua pemegang akaun aktif menerima bil dan membuat pembayaran. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, peratusan bil yang dikeluarkan bagi pengguna domestik dan industri adalah baik kerana peratusan pengeluaran bil hampir mencapai 100% seperti di **Jadual 6.5**.

**Jadual 6.5**  
**Kekerapan Pengebilan Di Negeri Kelantan**

Bil.	Jenis Pengguna	Bilangan Akaun Pengguna (2008)	Peratus Bil Dikeluarkan ( <i>Bill Issue</i> )				Peratus Bil Kutipan ( <i>Collection Bill</i> )			
			2006	2007	2008	2009	2006	2007	2008	2009
1.	Domestik	149,982	96.3	99.4	99.7	99.6	55.5	54.7	51.1	44.5
2.	Industri	926	96.6	98.3	98.1	100.3	71.5	67.5	54.7	46.5

Sumber: AKSB

Walaupun peratusan kutipan bil rendah iaitu di dalam lingkungan 55.8% tetapi kutipan hasil hampir mencapai 100% daripada jumlah bil yang dikeluarkan seperti di **Jadual 6.6**.

**Jadual 6.6**  
**Kekerapan Pengebilan Di Negeri Kelantan**

Bilangan Akaun Pengguna (2008)	Bil Dikeluarkan ( <i>Bill Issue</i> ) (RM)				Bil Kutipan ( <i>Collection Bill</i> ) (RM)			
	2006	2007	2008	2009	2006	2007	2008	2009
Pengguna Domestik								
149,982	25,755,323	26,784,971	27,310,397	27,712,791	26,104,720	27,124,006	27,575,496	27,084,250
Pengguna Industri								
926	2,627,565	3,006,445	3,311,218	3,548,587	2,563,680	2,974,676	3,239,815	3,536,677

Sumber: AKSB

*Mengikut ulasan dan penjelasan pihak AKSB, peratus kekerapan pembayaran bil rendah adalah disebabkan oleh corak pembayaran pengguna AKSB yang gemar membayar bil untuk tempoh dua bulan sekali iaitu purata enam kali dalam setahun.*

**Pada pendapat Audit, Penggunaan Sah Yang Dibilkan adalah tidak memuaskan kerana 50.6% sahaja pengeluaran air yang menjanakan pendapatan, manakala 49.4% lagi merupakan peratusan kehilangan dan seterusnya merupakan kehilangan hasil.**

### 6.4.3 Kehilangan Fizikal

Kehilangan fizikal ialah kehilangan air dalam bentuk yang dapat dilihat, boleh dikesan dan juga kehilangan bawah tanah yang tidak dapat dikesan. Ia terbahagi kepada tiga iaitu kebocoran dan pecah pada sesalur utama, agihan dan retikulasi, kebocoran pada paip perhubungan hingga ke meter pelanggan serta kebocoran dan limpahan tangki simpanan. Jadual imbalan air bagi tahun 2008 menunjukkan peratusan kehilangan fizikal merupakan penyumbang utama kepada kehilangan air iaitu sebanyak 43.1%. Bagi memastikan pengurusan strategi pengawalan kehilangan fizikal yang efisien, tumpuan harus diberikan kepada empat komponen utama iaitu pengurusan tekanan air yang baik, tindakan pembaikan yang pantas dan berkualiti (*speed and quality of repair work*), pengurusan aset (*pipeline and asset management*) serta pengawalan kebocoran (*active leakage control*).

#### a) Pembaikan Paip Pecah Dan Bocor

Aduan paip pecah dan bocor oleh pengguna hendaklah diambil tindakan segera bagi mengelakkan kehilangan air semakin bertambah. Kehilangan air yang berlaku adalah kehilangan hasil dan merupakan pembaziran yang boleh diminimumkan dengan mempercepatkan tempoh tindakan pembaikan diambil. Mengikut piagam pelanggan AKSB, tempoh kerja pembaikan sesuatu kerosakan seperti kerosakan meter ialah satu hari bekerja, kebocoran paip utama ialah 10 jam dan kebocoran paip perhubungan adalah antara satu hingga dua hari bekerja. Semakan Audit terhadap aduan kerosakan di Jajahan Kota Bharu dan Pasir Mas mendapati tindakan pembaikan yang diambil terutama kebocoran lambat kerana mengambil masa antara dua hingga enam hari dan tidak bertepatan dengan piagam yang ditetapkan. Maklumat terperinci mengenai tempoh tindakan terhadap aduan kerosakan adalah seperti di **Jadual 6.7**.

**Jadual 6.7**  
**Kehilangan Fizikal**  
**Tempoh Tindakan Pembaikan Diambil Terhadap Aduan Paip Pecah Dan Bocor**

Bil.	Daerah	Tindakan Pembaikan Diambil Dari Tarikh Aduan (Hari)	Bilangan Sampel Aduan Diambil Tindakan			Jumlah Sampel Aduan
			2007	2008	2009	
1.	Kota Bharu	1	7	12	6	25
		2 hingga 3	3	7	6	16
		4 hingga 6	4	1	1	6
		Lebih 6	6	1	7	14
2.	Pasir Mas	1	7	10	3	20
		2 hingga 3	Tiada kes	Tiada kes	Tiada kes	Tiada
		4 hingga 6	1	Tiada kes	1	2
		Lebih 6	12	10	16	38

Sumber: AKSB

Kelewatan mengambil tindakan terhadap paip pecah dan bocor menyebabkan kehilangan fizikal tinggi dan seterusnya menjadi penyumbang kepada kadar peratusan NRW.

#### b) Kebocoran Dan Limpahan Tangki Air

Pada masa ini, terdapat sejumlah 154 tangki air di seluruh Negeri Kelantan dan daripada jumlah ini sejumlah 113 tangki air yang aktif. Pemantauan berterusan terhadap struktur tangki dan pengawalan limpahan air yang berterusan diperlukan bagi memastikan tidak berlaku kehilangan akibat kebocoran dan limpahan tangki. Lawatan Audit ke kawasan DMA Taman Binaraya di Pasir Tumbuh mendapati berlakunya kebocoran dan limpahan air dari tangki menara yang membekalkan air di kawasan tersebut seperti di **Foto 6.1** dan **Foto 6.2**.

Foto 6.1

Tangki *Elevated* Yang Bocor Di Taman Binaraya



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasir Tumbuh  
Tarikh: 24 Januari 2010

Foto 6.2



Kebocoran ini telah dimaklumkan oleh pihak AKSB berlaku sejak dua tahun yang lalu disebabkan oleh tangki lama dan juga tiada pemantauan berkala dibuat.

*Mengikut maklum balas AKSB, kerja membaik pulih tangki tertanggung disebabkan peruntukan terhad. Kerja-kerja baik pulih tangki tersebut kini sedang dijalankan di mana pelantikan kontraktor telah dibuat pada 4 April 2010 dan dijangka siap pada 24 Julai 2010.*

**Pada pendapat Audit, peratusan Kehilangan Fizikal iaitu 43.1% adalah tinggi dan pihak AKSB perlu mengambil tindakan segera untuk mengurangkannya. Tempoh pembaikan terhadap aduan paip pecah dan bocor oleh AKSB adalah kurang memuaskan.**

#### 6.4.4 Kehilangan Komersial

Kehilangan komersial ialah kehilangan air yang melibatkan penggunaan air yang tidak dapat direkodkan. Semakan Audit terhadap Jadual Imbangan Air pada tahun 2008 mendapati nilai kehilangan komersial ialah sebanyak 5.8%. Kehilangan ini berlaku adalah disebabkan oleh dua faktor iaitu penggunaan tanpa kebenaran dan meter di bawah bacaan serta kesilapan pengendalian data.

##### a) Meter Di Bawah Bacaan

Mengikut amalan AKSB, penggantian meter akan dibuat terhadap meter yang berusia melebihi tujuh tahun. Selaras dengan pelaksanaan program NRW pada tahun 2009, AKSB telah menjalankan ujian terhadap 500 buah meter untuk menentukan ketepatan bacaannya. Ujian meter ini dijalankan berdasarkan beberapa kriteria seperti umur meter, jenis serta punca bekalan air. Hasil ujian sampel menunjukkan peratusan meter di bawah bacaan bagi meter yang berumur tujuh tahun ialah 42% manakala peratusan meter di bawah bacaan bagi meter yang berumur 10 tahun pula ialah 60% seperti di **Jadual 6.8**.

**Jadual 6.8**  
**Meter Di Bawah Bacaan**

<b>Umur</b>	<b>Meter Di Bawah Bacaan Dari Bench Test (%)</b>	<b>Purata Meter Di Bawah Bacaan (%)</b>
7 Tahun	42	25%
>10 Tahun	60	

Sumber: AKSB

Keputusan ujian tersebut juga menunjukkan purata meter di bawah bacaan yang berlaku bagi Negeri Kelantan ialah sebanyak 25%. Ekoran daripada itu, sejumlah RM13.50 juta telah diperuntukkan di bawah program NRW untuk tujuan penukaran 80,000 unit meter pengguna jenis mekanikal berumur melebihi tujuh tahun kepada jenis *electromagnetic* iaitu *smart* meter.

Mengikut maklum balas AKSB, sejumlah 34,036 unit meter pengguna berjaya ditukarkan termasuk sejumlah 16,730 unit di Jajahan Kota Bharu dan 8,055 unit di Jajahan Pasir Mas oleh pihak kontraktor pada tahun 2009 iaitu telah melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak 25,000 unit.

**Pada pendapat Audit, peruntukan yang disediakan di bawah program NRW bagi tujuan penggantian meter berusia yang dilaksanakan adalah baik dan penukaran meter berusia telah dilaksanakan melebihi sasaran.**

#### **6.4.5 Pengurusan Kontrak**

Pengurusan kontrak hendaklah cekap dan teratur serta dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Ekoran daripada kadar peratusan NRW yang tinggi, AKSB telah mengambil langkah dengan menyediakan program untuk tujuan pengurangannya. Program NRW AKSB melibatkan dua kontrak utama iaitu kontrak menjalankan kajian dan kerja pelaksanaan NRW seluruh Negeri Kelantan dan kontrak mereka bentuk dan menyiapkan projek GIS bagi sistem bekalan air Negeri Kelantan.

Semakan Audit terhadap pengurusan kontrak NRW AKSB mendapati beberapa isu seperti di bawah:

##### **a) Projek Menjalankan Kajian Dan Kerja Pelaksanaan NRW Seluruh Negeri Kelantan**

Kontrak menjalankan kajian dan kerja pelaksanaan NRW seluruh Negeri Kelantan yang bernilai RM130 juta ini bermula pada 27 Ogos 2008 dan akan disiapkan pada 26 Ogos 2011. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 6.9**.

**Jadual 6.9**  
**Projek Pengurangan NRW Seluruh Negeri Kelantan**

<b>No. Kontrak</b>	AKSB/P&P/UK/NRW/08/09
<b>Harga Kontrak</b>	RM129,883,562.00
<b>Tempoh Kontrak</b>	27 Ogos 2008 Hingga 26 Ogos 2011
<b>Kemajuan Kerja</b>	22.2%
<b>Sasaran Pencapaian (%)</b>	28.3%

Sumber: AKSB

Kerja-kerja kontrak ini terbahagi kepada tiga Fasa seperti berikut:

- Fasa I : Kerja *preliminary* bermula Ogos 2008 hingga Februari 2009
- Fasa II : Kerja pengurangan NRW bermula Mac 2009 hingga Ogos 2011
- Fasa III: Kerja penyelenggaraan dan pemantauan Ogos 2011 hingga Ogos 2012

Secara keseluruhannya, kemajuan kerja atau prestasi kontrak ini didapati telah ketinggalan sebanyak 6.1%. Analisis Audit terhadap status kemajuan kerja mengikut laporan kemajuan kerja yang ke-16 menunjukkan kedudukan seperti berikut:

**i) Pelaksanaan Kerja Tidak Mengikut Jadual**

Kerja GIS dan yang berkaitan hanyalah di antara 1% hingga 71.5% berbanding mengikut jadual ialah di antara 18.9% sehingga 100%. Kerja pemetaan penubuhan DMA seperti kerja mengukur aliran dan tekanan air (*initial flow and pressure measurement*) hanya mencapai 16% berbanding 30.3%. Menurut AKSB, keadaan ini berlaku kerana kebanyakan kawasan di Kota Bharu didapati bertekanan rendah iaitu di antara 0 hingga 10 *meterhead* sedangkan tekanan yang diperlukan untuk kerja berkenaan ialah 22 *meterhead*. Keadaan ini mengakibatkan kerja mengukur tekanan air tidak dapat dibuat dan seterusnya menjejaskan pelaksanaan kerja NRW. Maklumat terperinci mengenai kemajuan kerja yang ketinggalan jadual adalah seperti di **Jadual 6.10**.

**Jadual 6.10**  
**Senarai Kerja Tidak Mengikut Jadual**

<b>Bil.</b>	<b>Kerja</b>	<b>Jadual (%)</b>	<b>Sebenar (%)</b>
1.	<i>GIS &amp; WDMS</i>	29.5	20.5
2.	<i>Receiving GIS Data/Map from others</i>	51.4	35.0
3.	<i>Auditing of Maps</i>	50.2	25.3
4.	<i>Procurement of Software</i>	100.0	71.5
5.	<i>Network Hydraulic Analysis</i>	25.4	4.0
6.	<i>Integrate with the Billing System by others</i>	34.8	1.0
7.	<i>Carry out Zero Pressure Test (ZPT)</i>	34.1	26.0
8.	<i>Initial Flow and Pressure Measurement</i>	30.3	16.0
9.	<i>Establish DMZ</i>	22.2	8.7
10.	<i>Leakage Detection &amp; Leak Repairs</i>	18.9	5.6
11.	<i>Carryout 1st DMZ baseline</i>	23.7	1.3
12.	<i>Compile and Analysis Data</i>	19.2	1.0
13.	<i>Analysis of Gains in Metered Consumption</i>	25.7	7.8


Sumber: Laporan Kemajuan Kerja Kontraktor Ke-16

Mengikut maklum balas AKSB, pelaksanaan kerja lewat adalah disebabkan kelewatan pihak kontraktor GIS mengemukakan data yang disahkan sebagaimana yang disyaratkan dalam kontrak GIS. Keadaan ini berlaku disebabkan kontraktor GIS menghadapi masalah untuk mencerap imej satelit Quickbird yang digunakan untuk kerja pendigitalan data landbase seperti water body, jalan raya serta building foot print dan kerja pengesahan kedudukan data rangkaian dan fasiliti paip. Bagaimanapun, persetujuan telah dicapai antara pihak AKSB dan kontraktor GIS supaya imej daripada Google Earth digunakan bagi mengatasi kelewatan berlarutan.

## ii) Pemasangan *Smart Meter* Tidak Mengikut Spesifikasi

Mengikut syarat kontrak, sejumlah 80,000 meter pengguna jenis mekanikal yang berumur melebihi tujuh tahun akan ditukarkan kepada jenis elektromagnetik iaitu *smart meter* seperti di **Foto 6.3**.


**Foto 6.3**  
**Smart Meter**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Kontraktor NRW  
Tarikh: 21 Mac 2010

Pada tahun 2009, AKSB mensasarkan sebanyak 25,000 unit meter pengguna akan ditukarkan kepada *smart meter*. Semakan Audit mendapati kerja penggantian meter ini telah melebihi sasaran yang mana sejumlah 34,036 unit meter pengguna telah diganti termasuk sejumlah 16,730 unit di Jajahan Kota Bharu dan 8,055 unit di Jajahan Pasir Mas. Bagaimanapun, terdapat kerja penggantian yang telah dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi iaitu penggantian meter tanpa *couplings* baru. Maklumat daripada juruperunding menganggarkan sebanyak 10% hingga 12% penggantian meter telah dibuat tanpa *couplings* di Kota Bharu dan Pasir Mas. Pemasangan tanpa *couplings* baru telah menyebabkan punca kebocoran pada meter berkenaan seperti yang berlaku pada meter yang dipasang di premis perniagaan di Jalan Kuala Krai seperti di **Foto 6.4**.

Foto 6.4  
Couplings Dan Kebocoran Pada Smart Meter



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Premis Perniagaan Jalan Kuala Krai  
Tarikh: 3 Februari 2010

Semakan Audit mendapati sebanyak 91 kes kebocoran telah dilaporkan berlaku pada meter yang ditukarkan di Kota Bharu. Selain itu, terdapat 196 aduan telah diterima mengenai masalah penggunaan *smart* meter. Antaranya ialah bacaan pada *Liquid Crystal Display* tidak boleh dibaca, bil tinggi, meter tersekat (*meter stuck*) dan bacaan kurang jelas. Kebocoran dan masalah penggunaan *smart* meter telah menjejaskan usaha mengurangkan kadar NRW walaupun tidak ada rekod kehilangan air mengenainya.

Mengikut ulasan AKSB, perkara ini berlaku disebabkan pada peringkat awal, *Standard Operating Procedures (SOP)* bagi penukaran meter tersebut adalah menggunakan *couplings* sedia ada sekiranya masih elok. Bagaimanapun, *couplings* yang sedia ada didapati tidak sesuai dengan jenis meter baru yang ditukar. Pindaan telah dibuat kepada *SOP* yang sedia ada dan pihak kontraktor telah menjalankan kerja memasang *couplings* baru beserta dengan meter baru termasuk meter yang dipasang *couplings*. Menurut AKSB lagi, peratusan aduan terhadap *smart* meter (0.6%) adalah masih kecil berbanding dengan kadar default sesuatu produk mengikut piawai pengilang iaitu sejumlah 2%.

### iii) Kewujudan DMA Tidak Mencapai Sasaran

Sistem zon diwujudkan untuk memudahkan pemantauan kebocoran kerana ia menentukan sempadan untuk menyukat isi padu aliran air bagi sesuatu kawasan yang dipecahkecilkan. Mengikut syarat kontrak program NRW, sebanyak 150 DMA yang bernilai RM21.40 juta akan direka bentuk dan diwujudkan di seluruh Negeri Kelantan. Daripada jumlah ini, sebanyak 40 DMA dikehendaki disiapkan pada tahun 2009 termasuklah 16 DMA di Jajahan Kota Bharu dan lapan DMA di Jajahan Pasir Mas. Lawatan Audit bersama pihak AKSB dan kontraktor ke tapak pemasangan DMA di sekitar Kota Bharu dan juga Pasir Mas mendapati kewujudan DMA di kedua-

dua Jajahan ini tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Setakat ini, hanya 10 DMA telah dapat diwujudkan iaitu lapan di Kota Bharu dan dua di Pasir Mas. Bagaimanapun, sehingga kini tidak ada satu pun DMA ini telah berfungsi seperti DMA Taman Uda Murni yang ditunjukkan di **Foto 6.5**.

**Foto 6.5**  
**DMA Taman Uda Murni**



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Uda Murni  
Tarikh: 13 Januari 2010*

Kegagalan untuk mewujudkan 40 DMA seperti yang disasarkan telah mengakibatkan sasaran untuk menurunkan nilai bacaan NRW sebanyak 10% pada tahun 2009 tidak berjaya.

*Mengikut ulasan AKSB, antara sebab kegagalan kontraktor untuk mencapai sasaran ialah seperti berikut:*

- *Kekurangan tenaga pakar dalam negeri.*
- *Subkontraktor tempatan tiada kemahiran.*
- *Ketiadaan lukisan retikulasi sistem bekalan air yang tepat untuk kerja Zero Pressure Test.*
- *Ketiadaan data paip seperti saiz dan jenis yang tepat untuk memesan dan membuat (fabricate) alat perkakasan DMA meter point.*
- *Tekanan air yang rendah.*

*Pihak AKSB telah mendapatkan khidmat pakar syarikat dari luar negara bermula Januari 2010 yang berpengalaman dalam pembentukan DMA bagi kawasan bertekanan rendah.*

**Pada pendapat Audit, projek pengurangan NRW Negeri Kelantan adalah kurang memuaskan kerana keseluruhan pencapaian kemajuan kerja tidak menepati sasaran dan seterusnya pengurangan NRW tidak tercapai.**

**b) Kerja Mereka Bentuk Dan Menyiapkan Projek GIS Bagi Sistem Bekalan Air Negeri Kelantan**

Pada 4 Mei 2008, AKSB telah melantik kontraktor untuk mereka bentuk dan menyiapkan projek GIS bagi sistem bekalan air Negeri Kelantan bagi tempoh dua tahun bermula pada 4 Mei 2008 dan akan disiapkan pada 3 Mei 2010 yang bernilai RM5.60 juta. Maklumat terperinci mengenainya adalah seperti di **Jadual 6.11**.

**Jadual 6.11**  
**Kerja Mereka Bentuk Dan Menyiapkan Projek GIS**  
**Bagi Sistem Bekalan Air Negeri Kelantan**

<b>No. Kontrak</b>	AKSB/JP/KONT/GIS/08/04
<b>Harga Kontrak</b>	RM5,550,793.52
<b>Tempoh Kontrak</b>	4.5.2008 – 3.5.2010
<b>Kemajuan Kerja</b>	68.4% setakat Oktober 2009
<b>Sasaran Pencapaian (%)</b>	77.5% setakat Oktober 2009

*Sumber: AKSB*

**i) Kontrak Kerja GIS Lewat Ditandatangani**

Kontrak perlu ditandatangani untuk menjamin kepentingan kedua-dua belah pihak dari segi perundangan dan juga kerja yang dilaksanakan adalah menepati apa yang dipersetujui.

Semakan Audit mendapati sungguhpun tempoh kerja GIS ini hampir tamat tetapi kontrak mengenainya masih belum ditandatangani. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pihak kontraktor mendapati beberapa item dan terma draf perjanjian yang disediakan lebih menjurus kepada kerja kejuruteraan awam serta memerlukan perbincangan lanjut. Keadaan ini telah menyebabkan kemajuan kerja terjejas dan bayaran kemajuan kerja terhenti.

*Mengikut ulasan AKSB, Kontraktor GIS dan pihak AKSB telah bersetuju dan bersedia untuk menandatangani kontrak tersebut dengan sedikit pindaan. Dokumen kontrak telah ditandatangani pada 17 Mei 2010 iaitu selepas tempoh kontrak tamat.*

**ii) Pemetaan GIS – Kerja Semakan Dan Verifikasi Di Tapak**

Setiap kerja program NRW memerlukan GIS yang lengkap dan tepat. Semakan Audit mendapati komponen sistem pemasangan bekalan air berbeza di lukisan dengan yang di tapak.

Semakan Audit yang dilaksanakan bersama pihak AKSB, Kontraktor NRW dan GIS terhadap koordinat rangkaian dan fasiliti paip berasaskan sumber maklumat yang diperolehi daripada Kontraktor NRW dan GIS di tapak DMA Taman Desa Wira dan Kampung Sabak mendapati koordinat paip, *hydrant*, *sluice valve* dan *pipe junction* yang ditunjukkan di peta adalah berbeza berbanding dengan koordinat di tapak. Maklumat terperinci mengenai perbezaan adalah seperti di **Jadual 6.12**.

**Jadual 6.12**  
**Semakan Koordinat Rangkaian Dan Fasiliti Paip**

DMA	Lokasi	Item	Sumber Maklumat	Koordinat (GIS) Kontraktor GIS	Koordinat Sebenar (Semakan Audit bersama Kontraktor NRW Dan GIS)	Catatan
DMA Taman Desa Wira	Kawasan Tangki	Tangki 1	Kontraktor GIS	X=102°17'52.664" Y=6° 8' 54.343"	X=102°17'52.771" Y=6° 8' 54.713"	Perbezaan tidak ketara
		Tangki 2	Kontraktor GIS	X=102°17'53.336" Y=6° 8' 53.901"	X=102°17'53.449" Y=6° 8' 54.449"	Perbezaan tidak ketara
	Kedudukan Valve	Sluice Valve	Kontraktor GIS	X=102°17'50.985" Y=6° 8' 56.023"	X=102°17'51.045" Y=6° 8' 56.001"	Perbezaan tidak ketara
	Paip Baru	Retic Pipe (Start)	Kontraktor NRW	X=102°17'52.664" Y=6° 8' 54.343"	Tiada	Tidak wujud
	Paip Baru	Retic Pipe (End)	Kontraktor NRW	X=102°17'52.664" Y=6° 8' 54.343"	Tiada	Tidak wujud
	Pipe Junction	Hydrant	Kontraktor GIS	X=102°17'52.217" Y=6° 9' 0.546"	X=102°17'51.815" Y=6° 9' 0.080"	Tidak tepat
DMA Kampung Sabak	Kedudukan Hydrant	Hydrant	Kontraktor GIS	X=102°19'31.229" Y=6° 10' 21.095"	Tiada	Tidak wujud
	Kedudukan Valve	Sluice Valve	Kontraktor GIS	X=102°19'44.589" Y=6° 10' 12.550"	X=102°19'44.560" Y=6° 10' 12.637"	Perbezaan tidak ketara
	Kedudukan Hydrant	Hydrant	Kontraktor GIS	X=102°19'40.696" Y=6° 9' 30.374"	Tiada	Hydrant tidak wujud
	Kedudukan Valve	Sluice Valve	Kontraktor NRW	X=102°20'4.988" Y=6° 9' 46.772"	X=102°20'4.212" Y=6° 9' 45.397"	Sluice Valve tidak tepat

Sumber: Kontraktor NRW dan GIS

Mengikut maklum balas AKSB, koordinat bagi fittings dan specials tidak tepat adalah disebabkan oleh Kontraktor GIS memasukkan data daripada lukisan terbina (as built drawing) yang diberikan oleh pihak AKSB. Data yang dipamerkan adalah pada tahap satu di mana pengesahan di tapak belum dilakukan oleh Kontraktor GIS. Sehingga Disember 2009, sebanyak lapan jajahan telah siap data pada tahap dua yang boleh digunakan oleh pihak kontraktor NRW.

Pengesahan Audit juga menunjukkan terdapat lokasi saluran paip yang ditunjukkan pada peta bagi DMA Taman Desa Wira Pengkalan Chepa sebenarnya tidak wujud seperti di **Foto 6.6**.

**Foto 6.6**  
**Lokasi Saluran Paip Yang Sebenarnya Tidak Wujud**



Sumber: Kontraktor GIS  
Lokasi: Taman Desa Wira Pengkalan Chepa  
Tarikh: 2 Disember 2009  
Petunjuk:  
— Saluran paip

### iii) Kaedah *Superimpose* Tidak Tepat

Selain GIS, imej satelit jenis *archive* telah digunakan oleh AKSB untuk mendapatkan gambaran yang jelas dan tepat kawasan yang akan diwujudkan DMA. Sungguhpun begitu, Kontraktor GIS telah menggunakan imej daripada *Google Earth* sebagai *backdrop* sehingga memperolehi data satelit imej jenis *quickbird* yang bertepatan dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak AKSB. Hasil lawatan dan tinjauan Audit bersama AKSB dan pihak Kontraktor NRW di tapak mendapati kedudukan jajaran saluran paip adalah tidak tepat kerana berbeza dengan kedudukan di tapak seperti di **Foto 6.7** manakala **Foto 6.8** menunjukkan lokasi cerapan GPS di atas imej *Quickbird*.

**Foto 6.7**  
**Kedudukan Jajaran Saluran Paip Diperolehi Dari Pelan GIS Oleh Kontraktor GIS**



Sumber: Kontraktor GIS  
 Lokasi: DMA Taman Kurnia Jaya  
 Tarikh: 2 Disember 2009  
 Petunjuk:

→ kedudukan jajaran saluran paip yang diragui

**Foto 6.8**  
**Kedudukan Jajaran Saluran Paip Yang Ditunjukkan Melalui Satelit Diperolehi Dari Pelan GIS Geoinfo Setelah Data Dicerap Dengan GPS Di Lapangan**



Sumber: AKSB  
 Lokasi: DMA Taman Kurnia Jaya  
 Tarikh: 5 April 2010

Keadaan ini berlaku disebabkan oleh ketiadaan pemeriksaan dan semakan susulan (*double checking*) di tapak. Penyediaan maklumat yang salah akan menyukarkan kerja DMA diwujudkan dan seterusnya menjejaskan program kerja NRW.

**Pada pendapat Audit, kerja GIS yang dilaksanakan adalah kurang memuaskan kerana kelewatan sebanyak 9.1% berbanding jadual asal.**

**c) Kelewatan Pelantikan Juruperunding**

Pelantikan juruperunding sepatutnya dibuat sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Semakan Audit mendapati juruperunding hanya dilantik pada Januari 2010 iaitu setahun selepas kerja menjalankan kajian dan kerja pelaksanaan NRW seluruh Negeri Kelantan dimulakan. Kelewatan ini disebabkan oleh kelewatan ahli Lembaga Pengarah membuat keputusan mengenainya. Pelantikan ini telah mengakibatkan AKSB terpaksa menanggung peningkatan kos pelaksanaan NRW sebanyak RM4.50 juta.

*Mengikut ulasan AKSB, pada peringkat penyediaan tender kontrak NRW, pengurusan AKSB telah memutuskan untuk meletakkan kerja penyeliaan projek di bawah AKSB manakala perunding yang dilantik untuk kontrak NRW adalah sehingga ke peringkat penyediaan dokumen kontrak. Namun pada bulan Jun 2009 setelah lebih setahun projek ini berjalan, Lembaga Pengarah AKSB telah memutuskan supaya penyelia projek kontrak NRW diletakkan di bawah pihak perunding yang terlibat pada peringkat reka bentuk dilantik untuk peringkat penyeliaan.*

**Pada pendapat Audit, keputusan untuk melantik perunding setelah setahun projek NRW berjalan adalah tidak memuaskan kerana perunding sepatutnya dilantik sebelum projek ini dilaksanakan.**

## **6.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, program NRW yang sedang dalam pelaksanaan adalah kurang memuaskan. AKSB masih lagi mencatatkan kadar NRW yang tinggi iaitu melebihi 40% dan kemajuan kerja NRW adalah 22.2% berbanding dengan yang dijadualkan 28.3%. Memandangkan kerja kontrak ini masih dalam pelaksanaan, tindakan segera hendaklah diambil untuk memastikan program NRW ini berjalan lancar serta siap mengikut tempoh yang ditetapkan seperti berikut:

- a)** AKSB hendaklah memastikan kontraktor mematuhi syarat kontrak yang ditandatangani.
- b)** AKSB hendaklah memastikan pihak kontraktor menumpukan kepada kerja yang utama ke arah menurunkan kadar NRW seperti menyiapkan DMA seperti yang dirancang.
- c)** AKSB hendaklah memastikan wujudnya kerjasama dan persefahaman di antara kontraktor yang menjalankan kerja NRW dengan kontraktor yang melaksanakan kerja GIS bagi membolehkan kerja NRW dapat berjalan dengan lancar.
- d)** Pemantauan di tapak secara berkala perlu dilaksanakan oleh AKSB terhadap setiap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor untuk memastikan kualiti kerjanya bermutu.
- e)** Pengiraan Iimbangan Air oleh AKSB perlu mengambil kira setiap komponen untuk memastikan ia tepat dan mengikut standard yang ditetapkan.



# BAHAGIAN II PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

## **7. PENDAHULUAN**

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Satu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Syarikat Permodalan Kelantan Berhad yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan. Selain itu, pengauditan turut dijalankan terhadap Syarikat Akademi Yakin Sdn. Bhd. yang merupakan salah sebuah syarikat dimiliki penuh oleh Yayasan Kelantan Darulnaim.


### **PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**

## **8. PERMODALAN KELANTAN BERHAD**

### **8.1 LATAR BELAKANG**

Permodalan Kelantan Berhad (PKB) telah ditubuhkan pada 30 April 1981 dengan modal dibenarkan berjumlah RM50 juta dan modal berbayar berjumlah RM24.74 juta. PKB dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Misi PKB adalah untuk menjadi peneraju dalam sektor perkhidmatan. Visi PKB adalah untuk menjadi pelopor dan pemacu utama pembiayaan mikro kredit berlandaskan syariah di Malaysia dan rantau. Objektif utama PKB adalah untuk menjadi syarikat induk kepada aktiviti syarikat, menjalankan perniagaan, melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan meningkatkan pulangan dalam pelaburan. Selain itu, PKB ingin meningkatkan jumlah cawangan melalui permohonan lesen baru, program francais, projek usaha sama tempatan dan luar negeri, penambahbaikan sistem, pembangunan sumber insan serta perkhidmatan pelanggan. Kegiatan utama PKB adalah perniagaan pajak gadai Islam, pegangan pelaburan, penyewaan aset, perkhidmatan pengurusan, penganjuran seminar dan rekreasi. Struktur korporat Kumpulan PKB adalah seperti di **Carta 8.1**.

**Carta 8.1**  
**Struktur Korporat Kumpulan PKB**



Sumber: PKB

Butiran mengenai syarikat subsidiari PKB adalah seperti di **Jadual 8.1**.

**Jadual 8.1**  
**Syarikat Subsidiari PKB**

Bil.	Syarikat Subsidiari	Tarikh Penubuhan	Aktiviti	Peratus Pegangan (%)
1.	Perkel Sdn. Bhd.*	18.6.1981	Pelaburan dalam pinjaman pasaran dan simpanan jangka pendek	100
2.	Ascii Line Sdn. Bhd.	12.6.1986	Perniagaan komputer dan penyediaan perkhidmatan berkaitan dengannya serta pakar perunding menara telekomunikasi	100
3.	Rangkaian Hotel Islam Sdn. Bhd.*	24.1.1995	Perniagaan hotel	100
4.	Hostcare Sdn. Bhd.	28.5.1995	Perkhidmatan bersalin dan perubatan	100
5.	Infra Quest Sdn. Bhd.	23.1.1997	Pakar perunding menara telekomunikasi serta pemilikan menara telekomunikasi untuk disewa kepada syarikat telekomunikasi	100
6.	Sistem Gadaian Ar-Rahn Sdn. Bhd.*	11.1.1994	Syarikat belum beroperasi sejak ditubuhkan	100
7.	Prokel Management Sdn. Bhd.	30.10.1986	Pengurusan bangunan, khidmat nasihat pembinaan, penyelenggaraan projek dan hal berkaitan dengan urusan sewa	100
8.	Kelkon Sdn. Bhd.	11.10.1980	Projek pembinaan dan pembangunan hartanah	51
9.	Binaraya PKINK Sdn. Bhd.	22.6.1981	Pembangunan serta pembinaan perumahan dan agen pemasaran	51
10.	SPP Development Sdn. Bhd.	16.3.1974	Projek pembangunan hartanah	51

Sumber: Profil Syarikat Subsidiari PKB

Nota: \* Syarikat Dorman

## 8.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

## 8.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan pengurusan syarikat PKB ini meliputi aspek perancangan strategik, tadbir urus korporat, pengurusan risiko, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan aktiviti dan pemantauan oleh agensi/syarikat induk bagi tahun 2007 hingga 2009. Prestasi kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2006 hingga 2008. Semakan terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail perancangan, bajet, fail kesetiausahaan dan dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tiga tahun. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang berkenaan telah diadakan. Lawatan ke cawangan Ar-Rahn juga dilakukan. Analisis kewangan juga dijalankan ke atas maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat bagi tempoh tiga tahun.

## 8.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2009 mendapati keuntungan bersih selepas cukai PKB menurun daripada RM1.87 juta pada tahun 2006 kepada RM1.86 juta pada tahun 2007. Bagaimanapun, PKB mencatatkan kerugian bersih selepas cukai iaitu sejumlah RM12.95 juta bagi tahun kewangan 2008. Pengurusan aktiviti utamanya yang meliputi perniagaan pajak gadai Islam adalah memuaskan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat serta pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

### 8.4.1 Prestasi Kewangan

- a) Keuntungan sebelum cukai PKB meningkat sejumlah RM0.71 juta atau 41.5% daripada RM1.71 juta pada tahun 2006 kepada RM2.42 juta pada tahun 2007. Bagaimanapun, PKB mencatatkan kerugian sebelum cukai sejumlah RM12.95 juta pada tahun 2008 setelah mengambil kira kerugian luar biasa sejumlah RM13.20 juta. Kerugian luar biasa adalah disebabkan oleh pembayaran pampasan kepada penggadai berikutan kes kecurian yang berlaku di Ar-Rahn cawangan Kota Bharu 1 pada 10 Ogos 2008. Prestasi kewangan PKB adalah seperti di **Jadual 8.2**.

**Jadual 8.2**  
**Prestasi Kewangan PKB Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)		2008 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)	
			(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(%)
Jumlah Pendapatan	7.05	7.99	0.94	13.3	6.65	(1.34)	(16.8)
Jumlah Perbelanjaan	(5.34)	(5.57)	0.23	4.3	(6.40)	0.83	14.9
Keuntungan Sebelum Perkara Luar Biasa	1.71	2.42	0.71	41.5	0.25	(2.17)	(89.7)
Kerugian Luar Biasa	-	-	-	-	(13.20)	13.20	100
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai Selepas Perkara Luar Biasa	1.71	2.42	0.71	41.5	(12.95)	(15.37)	(>100)
Cukai	0.16	(0.56)	0.72	>100	-	(0.56)	(100)
Keuntungan/(Kerugian) Bersih	1.87	1.86	(0.01)	(0.5)	(12.95)	(14.81)	(>100)

Sumber: Penyata Kewangan PKB

### i) Analisis Pendapatan

Punca pendapatan utama PKB adalah daripada operasi perniagaan pajak gadai Islam. Jumlah pendapatan PKB meningkat daripada RM7.05 juta pada tahun 2006 kepada RM7.99 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan upah gadai yang diterima dan lain-lain pendapatan kendalian seperti saham bonus yang berjumlah RM1 juta pada tahun 2007. Bagaimanapun, jumlah pendapatan PKB menurun kepada RM6.65 juta pada tahun 2008. Pengurangan upah gadai yang diterima dan lain-lain pendapatan kendalian telah menyumbang kepada penurunan jumlah pendapatan. Butiran mengenai perubahan ini adalah seperti di **Jadual 8.3**.

**Jadual 8.3**  
**Perbandingan Pendapatan Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)		2008 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)	
			(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(%)
Upah Gadai	3.27	3.55	0.28	8.6	2.81	(0.74)	(20.9)
Lain-lain Pendapatan Kendalian	3.00	4.27	1.27	42.3	3.48	(0.79)	(18.5)

Sumber: Penyata Kewangan PKB

### ii) Analisis Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan PKB meningkat daripada RM5.34 juta pada tahun 2006 kepada RM5.57 juta pada tahun 2007 dan ia terus meningkat kepada RM6.40 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan kos pekerja dan kos kewangan bagi menampung serta membiayai operasi cawangan Ar-Rahn yang baru dibuka dan semakin berkembang. Pertambahan susut nilai ekoran daripada pembelian aset bagi kegunaan sembilan cawangan Ar-Rahn yang baru dibuka pada tahun 2008 turut menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan PKB. Butiran mengenai perubahan ini adalah seperti di **Jadual 8.4**.

**Jadual 8.4**  
**Perbandingan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)		2008 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)	
			(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(%)
Kos Pekerja	1.67	1.78	0.11	6.6	1.79	0.01	0.6
Kos Kewangan	0.27	0.47	0.20	74.1	0.52	0.05	10.6
Susut Nilai	0.57	0.65	0.08	14.0	0.88	0.23	35.4

Sumber: Penyata Kewangan PKB


- b) Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi PKB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 8.5** dan **Carta 8.2**.

**Jadual 8.5**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Serta Untung Rugi**  
**Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)		2008 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)	
			(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(%)
Pendapatan	4.05	3.72	(0.33)	(8.2)	3.17	(0.55)	(14.8)
Kos Langsung Operasi	(1.91)	(2.06)	0.15	7.9	(2.17)	0.11	5.3
Untung Kasar	2.14	1.66	(0.48)	(22.4)	1.00	(0.66)	(39.8)
Lain-lain Pendapatan Kendalian	3.00	4.27	1.27	42.3	3.48	(0.79)	(18.5)
Kos Pekerja	(1.67)	(1.78)	0.11	6.6	(1.79)	0.01	0.6
Lain-lain Belanja Kendalian	(0.92)	(0.61)	(0.31)	(33.7)	(1.04)	0.43	70.5
Kos Kewangan	(0.27)	(0.47)	0.20	74.1	(0.52)	0.05	10.6
Susut Nilai	(0.57)	(0.65)	0.08	14.0	(0.88)	0.23	35.4
Keuntungan Sebelum Perkara Luar Biasa	1.71	2.42	0.71	41.5	0.25	(2.17)	(89.7)
Kerugian Luar Biasa	-	-	-	-	(13.20)	13.20	100
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai Selepas Perkara Luar Biasa	1.71	2.42	0.71	41.5	(12.95)	(15.37)	(>100)
Cukai	0.16	(0.56)	0.72	>100	-	(0.56)	(100)
Keuntungan/(Kerugian) Bersih	1.87	1.86	(0.01)	(0.5)	(12.95)	(14.81)	(>100)

Sumber: Penyata Kewangan PKB

**Carta 8.2**  
**Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Sebelum Cukai**  
**Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**



Sumber: Penyata Kewangan PKB

### c) Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PKB, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan PKB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 8.6**.

**Jadual 8.6**  
**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2006	2007	2008
1.	Nisbah Semasa	1.22 kali	1.24 kali	0.91 kali
2.	Margin Keuntungan	46%	50%	(>100%)
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	4%	4%	(24%)
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	11%	11%	(>100%)
5.	Nisbah Hutang	0.69	0.67	0.91
6.	Nisbah Hutang/Ekuiti	2.20	1.98	10.52

Sumber: Penyata Kewangan PKB

#### i) Nisbah Semasa

Nisbah semasa diperolehi dengan membahagikan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan sesebuah syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutangnya dalam jangka masa pendek. Semakin tinggi nisbah semasa bermakna semakin baik tahap kecairan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, tahap kecairan PKB pada tahun 2006 adalah 1.22 kali dan ia meningkat kepada 1.24 kali pada tahun 2007. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pengurangan pinjaman jangka pendek. Nisbah semasa PKB yang lebih daripada 1 pada tahun 2006 dan 2007 menunjukkan syarikat berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya. Bagaimanapun, nisbah ini menurun kepada 0.91 kali pada tahun 2008. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pertambahan pinjaman jangka pendek daripada RM2.56 juta pada tahun 2007 kepada RM8.53 juta pada tahun 2008. Selain itu, pertambahan amaun terhutang kepada PKINK daripada RM15.94 juta pada tahun 2007 kepada RM23.19 juta pada tahun 2008 turut menyumbang kepada penurunan nisbah ini.

#### ii) Margin Keuntungan

Margin keuntungan diperolehi dengan membahagikan untung bersih dengan jualan. Margin ini menunjukkan jumlah sen keuntungan bagi setiap ringgit jualan. Margin ini digunakan untuk mengukur keupayaan pihak pengurusan mengawal perbelanjaan operasinya dan menghasilkan keuntungan daripada jualan. Semakin tinggi margin bermakna syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap sen jualan. Mengikut perkiraan Audit, PKB memperolehi keuntungan 46 sen bagi setiap ringgit jualan pada tahun 2006 dan ia meningkat kepada keuntungan 50 sen pada tahun 2007. Bagaimanapun, PKB mengalami kerugian RM4.09 bagi setiap ringgit jualan pada tahun 2008. Margin kerugian dicatatkan adalah disebabkan oleh kerugian luar biasa sejumlah RM13.20 juta yang dialami ekoran kes kecurian.

### **iii) Nisbah Pulangan Ke Atas Aset**

Nisbah pulangan ke atas aset diperolehi dengan membahagikan untung bersih dengan jumlah aset. Nisbah ini mengukur keupayaan pihak pengurusan menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi. Semakin tinggi nisbah bermakna syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan bagi setiap ringgit yang dilaburkan. Mengikut perkiraan Audit, PKB mencatatkan pulangan ke atas aset iaitu 4% pada tahun 2006 dan 2007. Pulangan positif ke atas aset menunjukkan kecekapan pengurusan dalam menjana keuntungan daripada penggunaan aset. Bagaimanapun, pulangan negatif atas aset iaitu 24% dicatatkan pada tahun 2008. Penurunan nisbah ini adalah disebabkan oleh kerugian luar biasa sejumlah RM13.20 juta.

### **iv) Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Nisbah pulangan ke atas ekuiti diperolehi dengan membahagikan untung bersih dengan jumlah ekuiti. Nisbah ini menunjukkan pulangan yang diperolehi oleh pemilik/pemegang saham bagi setiap ringgit yang dimiliki oleh syarikat. Semakin tinggi nisbah bermakna syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemilik/pemegang saham. Mengikut perkiraan Audit, PKB mencatatkan pulangan ke atas ekuiti iaitu 11% pada tahun 2006 dan 2007. Pulangan positif ke atas ekuiti menunjukkan PKB berupaya memberi pulangan kepada pemegang saham. Bagaimanapun, nisbah ini menurun melebihi 100% pada tahun 2008 disebabkan oleh kerugian luar biasa sejumlah RM13.20 juta.

### **v) Nisbah Hutang**

Nisbah hutang diperolehi dengan membahagikan jumlah hutang dengan jumlah aset. Nisbah ini menunjukkan keupayaan syarikat menguruskan hutang yang diterima sebagai satu sumber pembiayaan. Nisbah ini digunakan untuk mengukur sejauh mana aset dalam perniagaan dibiayai oleh sumber pembiayaan hutang. Semakin rendah nisbah bermakna syarikat tidak terlalu bergantung kepada pinjaman untuk menghasilkan aset syarikat. Mengikut perkiraan Audit, nisbah hutang PKB pada tahun 2006 adalah 0.69 dan ia menurun kepada 0.67 pada tahun 2007. Pengurangan pinjaman telah menyumbang kepada penurunan ini. Bagaimanapun, nisbah ini meningkat kepada 0.91 pada tahun 2008 disebabkan oleh penambahan pinjaman yang diambil bagi menambah sembilan cawangan Ar-Rahn dan juga pendahuluan daripada PKINK bagi membayar pampasan kepada penggadai.

### **vi) Nisbah Hutang/Ekuiti**

Nisbah hutang/ekuiti diperolehi dengan membahagikan jumlah hutang dengan ekuiti pemegang saham. Nisbah ini menunjukkan jumlah hutang yang perlu ditanggung bagi setiap dana pemegang saham syarikat. Semakin rendah nisbah bermakna syarikat berupaya mengawal penggunaan hutangnya. Mengikut perkiraan Audit, nisbah hutang/ekuiti PKB pada tahun 2006 adalah 2.20 dan ia menurun kepada 1.98 pada tahun 2007. Pengurangan pinjaman telah menyumbang kepada penurunan ini.

Bagaimanapun, nisbah ini meningkat kepada 10.52 pada tahun 2008. Peningkatan nisbah ini adalah disebabkan oleh pertambahan pinjaman yang diambil bagi menambah cawangan Ar-Rahn dan juga pendahuluan daripada PKINK bagi membayar pampasan kepada penggadai.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan PKB adalah memuaskan kerana PKB berjaya mencatatkan keuntungan bersih pada tahun 2006 dan 2007.**

**d) Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari**

Syarikat subsidiari perlu mencatatkan keuntungan bagi memaksimumkan pulangan kepada pemegang saham. Prestasi syarikat subsidiari PKB berdasarkan Penyata Kewangan 2008 yang telah diaudit adalah seperti di **Jadual 8.7**.

**Jadual 8.7**  
**Butiran Penyata Kewangan Subsidiari**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2008**

Subsidiari	Butiran Penyata Kewangan 2008			
	Keuntungan/ (Kerugian) Bersih Selepas Cukai (RM Juta)	Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul (RM Juta)	Ekuiti Pemegang Saham (RM Juta)	Aset/ (Liabiliti) Semasa Bersih (RM Juta)
Infra Quest Sdn. Bhd.	7.37	12.47	14.47	(3.35)
Kelkon Sdn. Bhd.	1.86	7.65	9.85	4.68
Binaraya PKINK Sdn. Bhd.	0.49	12.88	15.14	8.85
SPP Development Sdn. Bhd.	0.21	3.74	4.74	4.66
Ascii Line Sdn. Bhd.	0.08	(0.28)	(0.04)	(0.04)
Prokel Management Sdn. Bhd.	0.06	0.42	0.52	0.36
Hostcare Sdn. Bhd.	0.03	(1.37)	(0.87)	(1.97)
Rangkaian Hotel Islam Sdn. Bhd.*	(0.003)	(4.29)	(4.24)	(4.24)
Perkel Sdn. Bhd.*	(0.008)	(5.58)	(3.58)	(3.58)

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari  
Petunjuk: \* Syarikat Dorman

**i) Syarikat Subsidiari Mencatatkan Keuntungan**

Infra Quest Sdn. Bhd., Prokel Management Sdn. Bhd., Kelkon Sdn. Bhd., Binaraya PKINK Sdn. Bhd. dan SPP Development Sdn. Bhd. mencatatkan keuntungan terkumpul berdasarkan Penyata Kewangan 2008 yang telah diaudit. PKB mendapat pulangan daripada syarikat subsidiari yang mencatatkan keuntungan menerusi penerimaan dividen. Pembayaran dividen oleh syarikat subsidiari PKB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 adalah seperti di **Jadual 8.8**.

**Jadual 8.8**  
**Pembayaran Dividen Syarikat Subsidiari PKB**  
**Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2008**

<b>Subsidiari</b>	<b>Kadar Dividen</b>	<b>Dividen Diumum (RM)</b>	<b>Peratus Pegangan Ekuiti PKB (%)</b>	<b>Dividen Diterima PKB (RM)</b>
Infra Quest Sdn. Bhd.	Dividen akhir pada kadar 100% ke atas 2,000,000 saham biasa sebelum cukai	2,000,000	100	2,000,000
Kelkon Sdn. Bhd.	Dividen akhir pada kadar 20% ke atas 2,200,588 saham biasa selepas cukai 26%	325,687	51	166,100
Binaraya PKINK Sdn. Bhd.	Dividen akhir pada kadar 15% ke atas 2,260,000 saham biasa selepas cukai 26%	250,860	51	127,939

Sumber: *Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari*

#### **ii) Syarikat Subsidiari Mengalami Kerugian**

Perkel Sdn. Bhd., Ascii Line Sdn. Bhd., Rangkaian Hotel Islam Sdn. Bhd. dan Hostcare Sdn. Bhd. mencatatkan kerugian terkumpul, defisit ekuiti pemegang saham dan liabiliti semasa bersih berdasarkan Penyata Kewangan Tahun 2008 yang telah diaudit. Pelaburan sejumlah RM2.30 juta dan hutang RM3.60 juta oleh syarikat subsidiari berkaitan telah dihapus kira. PKB gagal mendapatkan pulangan atas pelaburan dalam syarikat subsidiari tersebut.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan syarikat subsidiari PKB adalah kurang memuaskan. Lembaga Pengarah PKB hendaklah mengkaji semula keupayaan empat syarikat subsidiari yang mencatatkan kerugian untuk menjalankan perniagaan secara berterusan.**

#### **8.4.2 Pengurusan Aktiviti**

Pajak Gadai Islam (Ar-Rahn) telah diperkenalkan oleh PKB bagi membantu masyarakat yang menghadapi masalah kesempitan wang dengan cara memberi hutang bercagar berlandaskan syariah. Sebanyak 22 cawangan Ar-Rahn telah dibuka. 11 cawangan adalah terletak di Kelantan manakala 11 cawangan beroperasi di luar Kelantan. Semakan Audit terhadap operasi Ar-Rahn dan lawatan Audit ke empat cawangan Ar-Rahn iaitu Ar-Rahn Kota Bharu 1, Ar-Rahn Pasir Mas, Ar-Rahn Tanah Merah dan Ar-Rahn Jelawat mendapati perkara seperti berikut:

##### **a) Manual Operasi Sistem Pajak Gadai Islam (Ar-Rahn)**

PKB mengeluarkan manual operasi Sistem Pajak Gadai Islam (Ar-Rahn). Manual ini menggariskan secara terperinci mengenai prosedur penggadaian, penebusan, pelepasan, tugas dan tanggungjawab setiap pegawai/kakitangan Ar-Rahn.

**Pada pendapat Audit, manual operasi Sistem Pajak Gadai Islam (Ar-Rahn) adalah baik.**

#### b) Sistem Pajak Gadai Ar-Rahn

PKB menggunakan sistem berkomputer iaitu Sistem Pajak Gadai Ar-Rahn bagi urusan pajak gadai. Pemeriksaan Audit mendapati sistem tersebut memudah dan mempercepatkan proses pengurusan gadaian, penebusan dan lelongan di Ar-Rahn. Antara maklumat yang boleh diproses melalui sistem ini adalah pendaftaran pelanggan, gadaian, ansuran, penebusan dan lelongan.

**Pada pendapat Audit, sistem pajak gadai berkomputer yang diperkenalkan oleh PKB telah memudahkan penggadai mendapat pinjaman segera.**

#### c) Perlindungan Insurans Tidak Mencukupi

Pada 10 Ogos 2008, satu pencerobohan telah berlaku di Ar-Rahn Kota Bharu 1 di mana sejumlah RM18.20 juta nilai marhun telah dicuri. *Mengikut laporan Unit Audit Operasi Syarikat pada 10 Ogos 2008, butiran lengkap kecurian adalah seperti di Jadual 8.9.*

**Jadual 8.9**  
**Laporan Kehilangan**

<b>Perkara</b>	<b>Bilangan Paket</b>	<b>Nilai (RM Juta)</b>
Marhun Dalam Simpanan (Sebelum Kecurian)	13,705	27.95
Marhun Terselamat	4,528	9.75
Marhun Dicuri	9,177	18.20
Pinjaman Kepada Penggadai		9.16
Perlindungan Insurans		5.00
Ganti Rugi Kepada Penggadai		4.04

*Sumber: Maklumat Ar-Rahn KB 1*

Semakan Audit mendapati jumlah perlindungan insurans kecurian yang diambil dengan Syarikat Takaful Malaysia Berhad berjumlah RM5 juta berbanding jumlah keseluruhan marhun iaitu RM27.95 juta. Hanya 17.9% sahaja daripada nilai marhun yang diinsuranskan. PKB terpaksa membayar ganti rugi kepada penggadai berjumlah RM4.04 juta setelah ditolak jumlah yang diinsuranskan berjumlah RM5 juta dan jumlah pinjaman diberi RM9.16 juta.

**Pada pendapat Audit, PKB hendaklah mengkaji semula perlindungan insurans yang diambil supaya tanggungan syarikat dapat dikurangkan apabila berlaku kecurian atau kebakaran.**

#### d) Pinjaman Melebihi 60% Nilai Marhun

Manual Operasi Ar-Rahn telah menetapkan syarat yang perlu dipatuhi semasa proses gadaian. Antaranya kadar pinjaman dihadkan kepada 60% nilai semasa barang sandaran (marhun). Semakan Audit terhadap laporan gadaian di cawangan Ar-Rahn yang dilawati mendapati ada pinjaman yang diberikan kepada penggadai melebihi 60% nilai marhun.

Mengikut maklum balas PKB, pinjaman tersebut diberikan atas budi bicara Pengurus Ar-Rahn berdasarkan latar belakang penggadai dan sentiasa membuat pinjaman dengan Ar-Rahn.

Pada pendapat Audit, Pengurus Cawangan Ar-Rahn perlu diberi kuasa secara bertulis oleh Pengurus Operasi/Pengurus Besar bagi meluluskan pinjaman.

#### e) Tempoh Gadaian Melebihi 12 Bulan

Mengikut Manual Operasi Ar-Rahn, tempoh gadaian adalah maksimum 12 bulan. Gadaian yang melebihi tempoh 12 bulan perlu diambil tindakan dengan mengeluarkan notis untuk proses lelongan. Semakan Audit di cawangan Ar-Rahn yang dilawati mendapati 1,249 gadaian dengan baki pinjaman RM1.43 juta antara 12 hingga 48 bulan belum diambil tindakan lelongan. Tindakan ini tidak diambil disebabkan oleh kelonggaran yang diberikan oleh PKB kepada penggadai yang ingin menebus gadaian mereka. Terdapat penggadai yang meminta PKB tidak mengambil tindakan terhadap lelongan mereka sebaik sahaja menerima notis untuk proses lelongan. Tujuan kelonggaran diberikan adalah bagi menjaga kepentingan penggadai. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 8.10**.

**Jadual 8.10**  
**Tempoh Gadaian Antara 12 Hingga 48 Bulan**

Tempoh Gadaian	Ar-Rahn Tanah Merah		Ar-Rahn Pasir Mas		Ar-Rahn Jelawat		Ar-Rahn Kota Bharu 1	
	Gadaian (Bil.)	Baki Pinjaman (RM)	Gadaian (Bil.)	Baki Pinjaman (RM)	Gadaian (Bil.)	Baki Pinjaman (RM)	Gadaian (Bil.)	Baki Pinjaman (RM)
12 - 24 bulan	412	601,795	280	262,823	230	200,700	269	237,075
25 - 36 bulan	5	24,850	6	5,700	6	14,280	26	19,270
37 - 48 bulan	1	4,600	3	10,100	1	3,000	10	41,850
<b>Jumlah</b>	<b>418</b>	<b>631,245</b>	<b>289</b>	<b>278,623</b>	<b>237</b>	<b>217,980</b>	<b>305</b>	<b>298,195</b>

Sumber: Maklumat Ar-Rahn Dilawati  
(Ar-Rahn Tanah Merah, Pasir Mas dan Jelawat-Ogos 2009, Ar-Rahn Kota Bharu 1-Oktober 2009)

Mengikut maklum balas daripada Pengurus Operasi Ar-Rahn, baki pinjaman terkini pada 17 Jun 2010 berjumlah RM111,055 adalah seperti di jadual.

**Kedudukan Baki Pinjaman**

Tempoh Gadaian	Ar-Rahn Tanah Merah		Ar-Rahn Pasir Mas		Ar-Rahn Jelawat		Ar-Rahn Kota Bharu 1	
	Gadaian (Bil.)	Baki Pinjaman (RM)	Gadaian (Bil.)	Baki Pinjaman (RM)	Gadaian (Bil.)	Baki Pinjaman (RM)	Gadaian (Bil.)	Baki Pinjaman (RM)
37 - 48 bulan	-	-	2	8,100	2	3,450	109	88,135
Lebih daripada 48 bulan	-	-	-	-	-	-	4	11,370
<b>Jumlah</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>2</b>	<b>8,100</b>	<b>2</b>	<b>3,450</b>	<b>113</b>	<b>99,505</b>

Sumber: Maklumat Ar-Rahn

Pada pendapat Audit, PKB telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap gadaian yang melebihi tempoh 12 bulan agar tidak menjejaskan modal pusingan setiap cawangan Ar-Rahn yang terlibat.

### 8.4.3 Tadbir Urus Korporat

#### a) Keahlian Ahli Lembaga Pengarah Melebihi Had Ditetapkan

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985 menetapkan bahawa seseorang pegawai awam boleh menganggotai lima lembaga pengarah syarikat induk dan tidak boleh lebih daripada tiga lembaga pengarah syarikat subsidiari. Semakan Audit mendapati dua Ahli Lembaga Pengarah PKB yang juga adalah pegawai Perbadanan telah menganggotai lembaga pengarah melebihi had yang ditetapkan bagi syarikat subsidiari. Butiran senarai penglibatan Ahli Lembaga Syarikat Perbadanan setakat 9 Oktober 2009 adalah seperti di **Jadual 8.12**.

**Jadual 8.12**  
**Senarai Syarikat Dianggotai Oleh Ahli Lembaga Pengarah PKB**

Bil.	Pengarah PKB	Nama Syarikat Subsidiari	Ekuiti Perbadanan (%)
1.	Pengarah 1	1. Perkel Sdn. Bhd.	100
		2. Infra Quest Sdn. Bhd.	100
		3. Rangkaian Hotel Islam Sdn. Bhd.	100
		4. ASCII Line Sdn. Bhd.	100
		5. LST Latex Concentrate Sdn. Bhd.	100
		6. Ladang Rakyat Lubok Bongor Sdn. Bhd.	100
		7. Kelkon Sdn. Bhd.	94
		8. SPP Development Sdn. Bhd.	94
		9. Ladang Tapis Sdn. Bhd.	90
		10. Binaraya PKINK Sdn. Bhd.	89
		11. Aptus Net Communities Sdn. Bhd.	60
2.	Pengarah 2	1. LST Latex Concentrate Sdn. Bhd.	100
		2. KPK Sawmill Sdn. Bhd.	100
		3. KPK Raya Sdn. Bhd.	100
		4. Ladang Darulnaim Sdn. Bhd.	100
		5. Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd.	100
		6. Murni Feedmill Sdn. Bhd.	100
		7. Ladang Tapis Sdn. Bhd.	100
		8. Ladang Rakyat Lubuk Bongor Sdn. Bhd.	100

Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Keahlian Ahli Lembaga Pengarah melebihi had ditetapkan boleh mengakibatkan mereka tidak dapat memberi tumpuan yang lebih kepada pengurusan dan pemantauan terhadap operasi PKB.

*Mengikut maklum balas PKB, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah diputuskan di peringkat Perbadanan Induk iaitu PKINK.*

**Pada pendapat Audit, keahlian Ahli Lembaga Pengarah PKB dalam syarikat-syarikat lain perlu dihadkan dengan mematuhi pekeliling yang berkaitan.**

#### b) Pembayaran Dividen

Mengikut Seksyen 365 (1) Akta Syarikat 1965, bayaran dividen hendaklah daripada keuntungan sahaja. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menyatakan bayaran dividen sekurang-kurangnya 10% setiap tahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan

selaku pemegang saham. Syarikat induk yang mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen atas sebab kerugian terkumpul adalah dibenarkan. Semakan Audit mendapati PKB membayar dividen interim pada kadar 2.8% ke atas 24,738,000 saham biasa selepas cukai 27% yang berjumlah RM505,645 kepada PKINK bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007. Kadar dividen yang rendah daripada 10% dibayar kerana kerugian terkumpul sejumlah RM7.78 juta dicatatkan pada tahun 2007. Tiada dividen dibayar kepada PKINK bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 dan 2008. Ini adalah disebabkan oleh kerugian terkumpul dialami berjumlah RM9.14 juta (2006) dan RM20.73 juta (2008).

**Pada pendapat Audit, PKB hendaklah berusaha untuk memperbaiki prestasi kewangannya agar matlamat pembayaran dividen sekurang-kurangnya 10% setiap tahun dapat dicapai.**

#### **c) Pembayaran Bonus**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menghendaki cadangan bayaran bonus dan asasnya dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Y.A.B. Menteri Besar tidak lebih dari sebulan selepas akaun tahunannya ditutup dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat. Semakan Audit mendapati PKB membayar bonus sebulan gaji sejumlah RM93,091 pada tahun 2006 dan bonus dua bulan gaji sejumlah RM392,505 pada tahun 2007. Sagu hati dua bulan gaji sejumlah RM225,677 pula dibayar pada tahun 2008 walaupun PKB mengalami kerugian luar biasa sejumlah RM13.20 juta. Bayaran bonus dan sagu hati telah diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, cadangan bayaran bonus tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Y.A.B. Menteri Besar.

**Pada pendapat Audit, cadangan pembayaran bonus kepada kakitangan perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Y.A.B. Menteri Besar. Lembaga Pengarah sepatutnya mempertimbangkan bayaran sagu hati hanya apabila syarikat memperolehi keuntungan.**

#### **d) Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Belum Ditubuhkan**

Perkara 5 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menghendaki syarikat Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dengan keahliannya tidak melebihi lima orang. Tiga orang ahli termasuk pengerusinya mestilah terdiri daripada pengarah bukan eksekutif dan dua ahli lagi perlu terdiri daripada orang luar iaitu bukan pengarah dan bukan daripada pengurusan syarikat induk berkenaan atau mana-mana syarikat subsidiari dan bersekutunya. Salah seorang ahli mestilah mempunyai pengetahuan dan pengalaman di dalam urusan audit dan perakaunan. Antara tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk memastikan sumber kewangan syarikat kerajaan diurus dengan cekap dan efektif bagi memenuhi objektif korporat dan sosial. Jawatankuasa ini turut berperanan untuk memastikan peruntukan statutori seperti mana yang diwajibkan

oleh Akta Syarikat 1965 sentiasa dipatuhi sepenuhnya. Jawatankuasa ini dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan atau seperti ditetapkan oleh pengerusinya. Semakan Audit mendapati PKB belum menubuhkan jawatankuasa ini. Tanggungjawab memastikan keutuhan kawalan dalaman syarikat, menyemak rancangan dan laporan Unit Audit Dalaman serta tindakan pembetulan syarikat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Perbadanan.

*Mengikut maklum balas PKB, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan telah ditubuhkan pada 17 Jun 2010.*

**Pada pendapat Audit, penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan adalah wajar supaya wujudnya pemantauan dan kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan syarikat bagi memenuhi objektif korporat dan sosial.**

#### **8.4.4 Pengurusan Kewangan**

##### **a) Pengurusan Aset**

**i) Daftar Aset Tidak Lengkap** - Mengikut SOP PKB, daftar aset perlu mengandungi jenis, nombor siri dan model. Semakan Audit mendapati tidak ada deskripsi yang lengkap seperti jenis, nombor siri dan model bagi aset yang direkodkan dalam daftar aset. Pembelian aset seperti enam buah komputer diberikan satu nombor pendaftaran yang sama. Setiap buah komputer sepatutnya diberikan satu nombor pendaftaran yang berasingan beserta dengan deskripsi yang lengkap.

**Pada pendapat Audit, dekskripsi yang lengkap hendaklah diberikan terhadap setiap aset dalam daftar aset bagi memastikan aset milik PKB sebenarnya wujud.**

**ii) Aset Tidak Dilabel** - Mengikut SOP PKB, aset yang telah dibeli mesti dilabel (*tagging*) dengan menyatakan tahun dibeli, kelas aset dan lokasi aset tersebut ditempatkan. Pemeriksaan Audit terhadap aset yang dipilih mendapati aset tidak dilabel. Oleh itu, aset hak milik syarikat tidak dapat dikenal pasti.

**Pada pendapat Audit, pelabelan aset hendaklah dilakukan bagi mengenal pasti aset milik PKB.**

**iii) Pemeriksaan Fizikal Tidak Dijalankan** - Mengikut SOP PKB, pemeriksaan fizikal terhadap aset hendaklah dijalankan tiga bulan sekali bagi setiap tahun. Semakan Audit mendapati tidak ada bukti menunjukkan pegawai yang bertanggungjawab telah menjalankan pemeriksaan tersebut dan kedudukan ini adalah tidak bertepatan dengan peraturan yang telah ditetapkan. Pemeriksaan ini amat penting bagi mengenal pasti aset yang rosak, tidak wujud/hilang dan berada di tempat mengikut

daftar yang telah dibuat. Tanpa pemeriksaan fizikal, ia boleh menimbulkan keraguan terhadap ketepatan nilai aset yang ditunjukkan dalam penyata kewangan.

**Pada pendapat Audit, PKB hendaklah melaksanakan pemeriksaan fizikal bagi memastikan kewujudan aset dan ketepatan nilai aset.**

## **8.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan PKB adalah memuaskan. PKB berjaya melaksanakan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat dengan memperluaskan rangkaian pajak gadai Islam di dalam dan di luar negeri Kelantan. PKB berupaya memenuhi keperluan kredit individu berpendapatan rendah, peniaga dan pengusaha kecil untuk mendapatkan pinjaman segera yang berlandaskan syariah. PKB hendaklah melakukan transformasi dalam sistem penyampaian produk mikro kredit supaya dapat bersaing secara kompetitif dengan institusi kewangan lain yang menawarkan perkhidmatan pajak gadai Islam. Adalah disyorkan PKB mengambil langkah berikut bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat:

- a) Merangka strategi perubahan yang berdaya maju bagi memperbaiki prestasi kewangan syarikat subsidiari yang mengalami kerugian supaya dapat menjana pulangan modal yang munasabah kepada pemegang saham.
- b) Menambah baik dan memperbaharui operasi Ar-Rahn melalui pemindahan kepakaran dan pengetahuan.
- c) Mengkaji semula perlindungan insurans yang diambil supaya tanggungan syarikat dapat dikurangkan apabila berlaku kecurian atau kebakaran.
- d) Memastikan cadangan pembayaran bonus dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Y.A.B. Menteri Besar.

## **9. AKADEMI YAKIN SDN. BHD.**

### **9.1 LATAR BELAKANG**

Pada tahun 1996, Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) dalam mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pelajaran YAKIN telah bersetuju untuk menubuhkan Kolej Pengajian Islam Kelantan. YAKIN kemudiannya menubuhkan sebuah syarikat iaitu Akademi Yakin Sdn. Bhd. (AYSB) pada 3 April 1996 dengan modal dibenarkan berjumlah RM1 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.50 juta yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk menubuh, membiayai dan menyenggara kolej tersebut. Bagi mematuhi Seksyen 12 (1) (c) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555), pada tahun 2002, AYSB telah memperbadankan sebuah anak syarikat iaitu KIAS Darulnaim Sdn. Bhd. (KDSB) untuk mengurus kolej pendidikan swasta bertaraf antarabangsa. Bagi membiayai sumber kewangan kolej, pada tahun 1999 Kerajaan Negeri Kelantan telah menganugerahkan AYSB satu kawasan konsesi balak seluas 4,047 hektar (10,000 ekar) di Hutan Simpan Lebir. Selain itu, AYSB juga mempunyai dua buah syarikat bersekutu dengan pegangan ekuiti sebanyak 30% dalam Yakin Mother Earth Sdn. Bhd. (YMESB) dan Naim Ventures Sdn. Bhd. (NVSB) hasil usaha sama dengan Mother Earth Resources Sdn. Bhd. (MERSB) dan Bumi Geo Teknik Sdn. Bhd. (BGTSB).

### **9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

### **9.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Pengauditan pengurusan syarikat kerajaan ini meliputi aspek perancangan strategik, tadbir urus korporat, pengurusan risiko, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan aktiviti dan pemantauan oleh agensi/syarikat induk bagi tahun 2007 hingga 2009. Prestasi kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2006 hingga 2008. Semakan terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail perancangan, bajet, fail projek, senarai aset dan dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tiga tahun. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang berkaitan serta lawatan ke tapak projek/aktiviti turut dilakukan. Analisis juga dijalankan terhadap maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat untuk tempoh tiga tahun.

## 9.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2009 mendapati AYSB mengalami kerugian bersih selepas cukai iaitu RM0.12 juta bagi tahun kewangan 2006 dan RM0.67 juta bagi tahun kewangan 2007. Bagaimanapun, AYSB mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai iaitu sejumlah RM0.50 juta bagi tahun kewangan 2008. Pengurusan aktiviti utamanya yang meliputi pencarian dana bagi membiayai dan mengurus kolej pendidikan swasta adalah tidak memuaskan. Projek usaha sama yang dijalankan tidak menguntungkan dan yang dirancang gagal dilaksanakan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat serta pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

### 9.4.1 Prestasi Kewangan

- a) AYSB mengalami kerugian sebelum cukai sejumlah RM0.08 juta pada tahun 2006. Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai sejumlah RM0.10 juta dicatatkan pada tahun 2007. Penurunan RM0.44 juta menyebabkan kerugian sebelum cukai AYSB sejumlah RM0.34 juta pada tahun 2008. Kerugian bersih selepas cukai AYSB meningkat daripada RM0.12 juta pada tahun 2006 kepada RM0.67 juta pada tahun 2007. Kerugian yang dialami adalah kerana AYSB terlalu bergantung kepada pendapatan daripada pembalakan dan tidak berupaya menjana sumber pendapatan lain. AYSB mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai iaitu sejumlah RM0.50 juta pada tahun 2008. Prestasi kewangan AYSB adalah seperti di **Jadual 9.1**.

**Jadual 9.1**  
**Prestasi Kewangan AYSB Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)		2008 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)	
			(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(%)
Jumlah Pendapatan	1.00	1.01	0.01	1.0	0.61	(0.40)	(39.6)
Jumlah Perbelanjaan	(1.08)	(0.91)	(0.17)	(15.7)	(0.95)	0.04	4.4
(Kerugian)/Keuntungan Sebelum Cukai	(0.08)	0.10	0.18	>100	(0.34)	(0.44)	(>100)
Cukai	(0.04)	(0.77)	0.73	>100	0.84	1.61	>100
(Kerugian)/Keuntungan Selepas Cukai	(0.12)	(0.67)	(0.55)	(>100)	0.50	1.17	>100

Sumber: Penyata Kewangan AYSB

#### i) Analisis Pendapatan

Punca pendapatan utama AYSB adalah daripada konsesi pembalakan yang diterima hasil usaha sama dengan MERSB. Jumlah pendapatan AYSB meningkat daripada RM1 juta pada tahun 2006 kepada RM1.01 juta pada tahun 2007. Bagaimanapun, jumlah pendapatan AYSB menurun sejumlah RM0.40 juta atau 39.6% kepada RM0.61 juta pada tahun 2008. Penurunan ini menyebabkan AYSB mengalami kerugian dan kedudukan kewangan AYSB adalah tidak kukuh kerana bergantung kepada bantuan kewangan daripada Perbadanan Induk iaitu YAKIN.

**ii) Analisis Perbelanjaan**

Jumlah perbelanjaan AYSB menurun daripada RM1.08 juta pada tahun 2006 kepada RM0.91 juta pada tahun 2007. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan gaji pegawai kumpulan profesional KDSB yang ditanggung oleh AYSB. Bagaimanapun, jumlah ini meningkat kepada RM0.95 juta pada tahun 2008. Kenaikan gaji pegawai kumpulan profesional KDSB telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan AYSB. Sekiranya perbelanjaan ini ditanggung oleh KDSB, AYSB boleh mengurangkan lebih daripada separuh kos operasinya. Butiran mengenai perubahan ini adalah seperti di **Jadual 9.2**.

**Jadual 9.2**  
**Perbandingan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	2006	2007	Peningkatan/ (Penurunan)		2008	Peningkatan/ (Penurunan)	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Jumlah Perbelanjaan	1.08	0.91	(0.17)	(15.7)	0.95	0.04	4.4
Gaji Pengurusan Kanan KDSB	0.75	0.50	(0.25)	(33.3)	0.53	0.03	6.0

Sumber: Penyata Kewangan AYSB


- b)** Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi AYSB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 9.3** dan **Carta 9.1**.

**Jadual 9.3**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Serta Untung Rugi**  
**Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	2006	2007	Peningkatan/ (Penurunan)		2008	Peningkatan/ (Penurunan)	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Pendapatan	1.00	1.01	0.01	1.0	0.61	(0.40)	(39.6)
Perbelanjaan	(1.08)	(0.91)	(0.17)	(15.7)	(0.95)	0.04	4.4
(Kerugian)/Keuntungan Sebelum Cukai	(0.08)	0.10	0.18	>100	(0.34)	(0.44)	(>100)
Cukai	(0.04)	(0.77)	0.73	>100	0.84	1.61	>100
(Kerugian)/Keuntungan Bersih	(0.12)	(0.67)	(0.55)	(>100)	0.50	1.17	>100

Sumber: Penyata Kewangan AYSB

**Carta 9.1**  
**Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Sebelum Cukai**  
**Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**



Sumber: Penyata Kewangan AYSB

### c) Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan AYSB, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 9.4**.

**Jadual 9.4**  
**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2006	2007	2008
Nisbah Semasa	0.21 kali	0.07 kali	0.11 kali
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	(2%)	(14%)	10%
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	(24%)	(>100%)	99%
Nisbah Hutang	1.12	1.13	1.19
Nisbah Hutang/Ekuiti	(7.69)	(3.77)	(6.18)

Sumber: Penyata Kewangan AYSB

### i) Nisbah Semasa

Nisbah semasa diperolehi dengan membahagikan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan sesebuah syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutangnya dalam jangka masa pendek. Semakin tinggi nisbah semasa bermakna semakin baik tahap kecairan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, tahap kecairan AYSB pada tahun 2006 adalah 0.21 kali dan ia menurun kepada 0.07 kali pada tahun 2007. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan amaun terhutang oleh anak syarikat. Bagaimanapun, nisbah ini meningkat kepada 0.11 kali pada tahun 2008. Pertambahan tunai telah menyumbang kepada peningkatan ini. Nisbah semasa AYSB yang kurang daripada 1 menunjukkan syarikat tidak berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.

## **ii) Nisbah Pulangan Ke Atas Aset**

Nisbah pulangan ke atas aset diperolehi dengan membahagikan untung bersih dengan jumlah aset. Nisbah ini mengukur keupayaan pihak pengurusan menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi. Semakin tinggi nisbah bermakna syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan bagi setiap ringgit yang dilaburkan. Mengikut perkiraan Audit, AYSB mencatatkan pulangan ke atas aset iaitu negatif 2% pada tahun 2006 dan ia menurun kepada negatif 14% pada tahun 2007. Pulangan negatif ke atas aset menunjukkan AYSB tidak cekap dalam menggunakan aset untuk menjana hasil. Bagaimanapun, pulangan positif atas aset iaitu 10% dicatatkan pada tahun 2008.

## **iii) Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Nisbah pulangan ke atas ekuiti diperolehi dengan membahagikan untung bersih dengan jumlah ekuiti. Perkiraan Audit hanya mengambil kira modal saham sahaja bagi bahagian jumlah ekuiti disebabkan kerugian terkumpul yang dialami oleh AYSB. Nisbah ini menunjukkan pulangan yang diperolehi oleh pemilik/pemegang saham bagi setiap ringgit yang dimiliki oleh syarikat. Semakin tinggi nisbah bermakna syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemilik/pemegang saham. Mengikut perkiraan Audit, AYSB mencatatkan pulangan ke atas ekuiti iaitu (24%) pada tahun 2006 dan ia menurun melebihi 100% pada tahun 2007. Pulangan negatif ke atas ekuiti menunjukkan ketidakcekan AYSB dalam menjana pendapatan kepada pemegang saham. Bagaimanapun, pulangan positif atas ekuiti iaitu 99% dicatatkan pada tahun 2008.

## **iv) Nisbah Hutang**

Nisbah hutang diperolehi dengan membahagikan jumlah hutang dengan jumlah aset. Nisbah ini menunjukkan keupayaan syarikat menguruskan hutang yang diterima sebagai satu sumber pembiayaan. Nisbah ini digunakan untuk mengukur sejauh mana aset dalam perniagaan dibiayai oleh sumber pembiayaan hutang. Semakin rendah nisbah bermakna syarikat tidak terlalu bergantung kepada pinjaman untuk menghasilkan aset syarikat. Mengikut perkiraan Audit, nisbah hutang AYSB pada tahun 2006 adalah 1.12 dan ia meningkat kepada 1.13 pada tahun 2007. Nisbah ini terus meningkat kepada 1.19 pada tahun 2008. Nisbah hutang yang semakin meningkat adalah disebabkan oleh jumlah terhutang kepada Perbadanan Induk iaitu YAKIN bagi membiayai operasi harian AYSB dan KDSB. Peningkatan nisbah ini menunjukkan AYSB terlalu bergantung kepada pembiayaan hutang bagi menjana aset syarikat.

## **v) Nisbah Hutang/Ekuiti**

Nisbah hutang/ekuiti diperolehi dengan membahagikan jumlah hutang dengan ekuiti pemegang saham. Nisbah ini menunjukkan jumlah hutang yang perlu ditanggung bagi setiap dana pemegang saham syarikat. Semakin rendah nisbah bermakna syarikat berupaya mengawal penggunaan hutangnya. Mengikut perkiraan Audit,

(3.77) pada tahun 2007. Bagaimanapun, nisbah ini menurun kepada (6.18) pada tahun 2008. Nisbah hutang/ekuiti yang negatif menunjukkan dana pemegang saham tidak mampu menampung hutang syarikat.

*Mengikut maklum balas, AYSB telah menyediakan senarai projek baru yang akan dilaksanakan dalam tahun 2010 supaya dapat menjana pendapatan tambahan kepada AYSB.*

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan AYSB adalah tidak memuaskan. Inisiatif yang diambil oleh Lembaga Pengarah AYSB bagi memacu syarikat supaya lebih berdaya saing adalah baik.**

#### **9.4.2 Pengurusan Aktiviti**

##### **a) Prestasi Syarikat Tidak Memuaskan**

AYSB telah menjalankan beberapa projek usaha sama sepanjang tempoh 2007 hingga 2009. Antaranya ialah usaha sama pengusahasilan balak, pengeluaran pasir dan pembangunan perumahan campuran. Semakan Audit terhadap usaha sama yang dijalankan mendapati perkara seperti berikut:


**i) Projek Usaha Sama Tidak Menguntungkan** - YMESB telah ditubuhkan bagi mengendalikan projek usaha sama pembalakan antara AYSB dengan MERSB dan perjanjian usaha sama dimeterai. Antara syarat perjanjian tersebut ialah:

- Pihak YMESB boleh menjalankan aktiviti pembalakan dalam kawasan konsesi dengan keluasan 1,000 ekar setahun seperti yang disyaratkan oleh Kerajaan Negeri.
- Pembahagian keuntungan sebanyak 70% kepada MERSB dan 30% kepada AYSB.
- MERSB dikehendaki membayar pendahuluan keuntungan sebanyak RM1 juta setahun kepada AYSB.

Semakan Audit mendapati MERSB hanya membayar pendahuluan keuntungan RM1 juta setahun sahaja manakala nisbah pembahagian keuntungan 70:30 yang telah dipersetujui tidak dipatuhi.

Pada tahun 2002, satu perjanjian tambahan telah dimeterai tetapi ianya tidak melibatkan jumlah keuntungan sebaliknya hanya melibatkan perubahan kepada kaedah bayaran keuntungan. Lawatan Audit bersama Pegawai Pejabat Perhutanan Daerah Timur Machang dan Pegawai AYSB ke kawasan konsesi mendapati hanya seluas 4,114 ekar daripada keluasan 10,000 ekar yang telah diusahakan oleh YMESB. Kompartmen yang telah diusahakan ialah kompartmen 27, 28, 29, 40, 54 dan 55 seperti di **Peta 9.1**.

**Peta 9.1**  
**Kompartmen Diusahakan**



Sumber: Pejabat Perhutanan Daerah Timur Machang

Lokasi: Kompartmen HSK Lebir

Petunjuk:

-  Kawasan Telah Diusahakan
-  Kawasan Sudah Dibuat Sempadan
-  Kawasan Perjanjian

*Mengikut jawapan, AYSB mengakui pulangan daripada usaha sama ini tidak menguntungkan.*

**Pada pendapat Audit, usaha sama yang dijalankan adalah tidak menguntungkan dan AYSB hendaklah meneliti terma-terma perjanjian usaha sama yang akan diceburi bagi memastikan syarikat mendapat keuntungan yang setimpal.**

- ii) **Projek Gagal** - AYSB juga telah menjalankan usaha sama dengan Bumi Geo Teknik Sdn. Bhd. untuk menjalankan aktiviti pembangunan hartanah. Sebuah syarikat usaha sama kemudiannya ditubuhkan iaitu Naim Ventures Sdn. Bhd. (NVSB) dengan AYSB memegang ekuiti sebanyak 30%. Satu perjanjian untuk membangunkan projek perumahan campuran di atas tanah milik YAKIN seluas 109.33 hektar di kawasan Mukim Baka, Machang, Kelantan telah dimeterai. Mengikut perjanjian, projek ini perlu disiapkan dalam tempoh tiga tahun. Semakan Audit mendapati sehingga tempoh perjanjian ini tamat, NVSB gagal melaksanakan projek tersebut. AYSB telah mengeluarkan notis engkar pada Jun 2009 dan notis terakhir penamatan pada Disember 2009 tetapi masih tidak berkesan. Ekoran daripada itu, pada 20 Disember 2009 perjanjian ini ditamatkan dan AYSB tidak memperolehi pulangan daripada projek usaha sama ini. Lawatan Audit bersama Pegawai AYSB ke tapak di Mukim Baka, Machang mendapati projek ini tidak dilaksanakan seperti di **Foto 9.1**.

**Foto 9.1**  
**Tapak Projek Perumahan Campuran**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Baka, Machang, Kelantan  
Tarikh: 23 Disember 2009

**Pada pendapat Audit, projek usaha sama ini tidak memuaskan kerana gagal dilaksanakan.**

- iii) **Projek Tergendala** - Pada tahun 2006, AYSB diluluskan Lesen Menduduki Sementara (*Temporary Occupation License*) dan permit pemindahan batu-batan (pasir) di Kampung Maka, Mukim Joh, Daerah Labok, Machang secara usaha sama dengan Majlis Daerah Machang. Untuk menjalankan projek ini pada tahun 2007, satu perjanjian pajakan antara AYSB dengan Pronphet Trading telah dimeterai bagi tempoh tiga tahun. Lawatan Audit bersama Pegawai AYSB mendapati tidak ada bukti aktiviti pemindahan pasir dijalankan seperti di **Foto 9.2**.

**Foto 9.2**  
**Tapak Perlombongan Pasir Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Maka, Mukim Joh, Daerah Labok,  
Machang, Kelantan  
Tarikh: 29 Disember 2009

*Mengikut jawapan AYSB, projek ini tidak dapat diteruskan kerana mendapat bantahan daripada penduduk setempat dan kos baik pulih jalan tar adalah terlalu tinggi yang tidak menguntungkan.*

**Pada pendapat Audit, projek usaha sama ini tidak memuaskan kerana tidak dapat dilaksanakan.**

**iv) Pembangunan Semula Kawasan Konsesi HSK Lebir Tertangguh** - Pada awal tahun 2007, AYSB telah mengemukakan satu cadangan untuk membangunkan semula kawasan konsesi balak di HSK Lebir dengan projek industri agro dan tanaman getah. Pada Julai 2007, cadangan tersebut telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perhutanan. Pada tahun 2008, satu perjanjian antara AYSB dan Biomatters Sdn. Bhd. telah dimeterai bertujuan untuk melaksanakan projek tersebut secara usaha sama. Bagaimanapun, pada Oktober 2009, Jawatankuasa Kecil Perhutanan dalam mesyuaratnya telah menukarkan syarat membangun semula kawasan konsesi balak daripada projek industri agro dan penanaman getah kepada projek ladang getah klon. Semakan Audit mendapati projek ini telah tertangguh ekoran daripada penukaran syarat tersebut. Sungguhpun terdapat rayuan telah dikemukakan oleh AYSB mengenainya tetapi belum diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Perkara ini telah menimbulkan masalah kepada AYSB dan juga Biomatters Sdn. Bhd. untuk meneruskan projek yang telah dipersetujui.

*Mengikut jawapan, AYSB telah menyerahkan perkara ini kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat keputusan.*

**Pada pendapat Audit, penangguhan pembangunan semula kawasan konsesi HSK Lebir perlu diatasi segera agar AYSB mendapat pulangan daripada projek yang hendak dilaksanakan.**

**v) Syarikat Subsidiari Rugi** - Pada tahun 2002, selaras dengan kehendak Seksyen 12 (1) (c) Akta 555 dan bagi memenuhi hasrat YAKIN untuk menubuhkan kolej swasta, AYSB telah memperbadankan sebuah anak syarikat iaitu KDSB dengan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM1.25 juta. Aktiviti utama KDSB ialah menguruskan kolej pendidikan swasta dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan anak syarikat milik penuh AYSB ini mendapati ia telah mengalami kerugian bagi tiga tahun kewangan berturut-turut iaitu berjumlah RM1.02 juta (2006), RM0.17 juta (2007) dan RM0.49 juta (2008). Kerugian ini disebabkan oleh yuran pelajar yang dikenakan adalah rendah manakala kos operasinya tinggi. Akibatnya, KDSB terpaksa bergantung kepada bantuan kewangan Kerajaan Negeri dan juga pinjaman daripada syarikat induk untuk menjamin syarikat terus beroperasi.

*Mengikut jawapan AYSB, KDSB akan mempelbagaikan sumber yuran seperti yuran kesihatan, yuran jurnal, yuran perpustakaan dan yuran aktiviti pelajar pada tahun 2010.*

**Pada pendapat Audit, langkah yang diambil oleh KDSB untuk mempertingkatkan pendapatannya dengan mempelbagaikan sumber yuran dan membuat perbelanjaan berhemat adalah baik.**

#### **9.4.3 Tadbir Urus Korporat**

##### **a) Jawatankuasa Audit Tidak Aktif**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 iaitu garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bagi syarikat Kerajaan yang menghendaki syarikat menubuhkan satu Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa ini dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan atau seperti yang ditentukan oleh Pengerusi. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit yang ditubuhkan tidak pernah mengadakan mesyuarat pada tahun 2006 hingga 2008 dan bermesyuarat hanya sekali iaitu pada Disember 2009.

**Pada pendapat Audit, peranan Jawatankuasa Audit adalah tidak memuaskan.**

##### **b) Penyediaan Rancangan Korporat Tidak Lengkap**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, semua syarikat Kerajaan dikehendaki menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang serta hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati AYSB ada menyediakan rancangan korporat tetapi tidak menepati pekeling berkaitan. Rancangan yang disediakan lebih menumpukan kepada rancangan jangka panjang seperti pembangunan taman industri agro, penanaman getah, pembangunan perumahan, projek perlombongan serta mengusahakan ladang kelapa sawit dan tidak ada rancangan jangka pendek disediakan. Keadaan ini adalah tidak bertepatan dengan objektif penubuhannya dan pekeling yang berkaitan.

**Pada pendapat Audit, AYSB hendaklah menyemak semula rancangan korporat bagi meningkatkan kualiti perancangan dan kawalan pengurusan syarikat.**

#### **9.4.4 Pengurusan Kewangan**

##### **a) Pengurusan Sumber Manusia**

###### **i) Struktur Organisasi Tidak Menggambarkan Kedudukan Sebenar**

Struktur organisasi menunjukkan AYSB diketuai oleh seorang Ketua Eksekutif dengan dibantu oleh Timbalan Ketua Eksekutif dan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian Perkhidmatan Korporat, Bahagian Maklumat Dan Siaraya serta Bahagian Operasi yang setiap satunya diketuai oleh seorang pengurus dan dibantu oleh tujuh orang pegawai eksekutif yang mengetuai beberapa unit. Semakan

Audit mendapati struktur organisasi tidak memaparkan kedudukan sebenar perjawatan di AYSB. AYSB pada masa kini hanya mempunyai empat orang kakitangan yang terdiri daripada Ketua Eksekutif dan dibantu oleh seorang Pegawai Eksekutif Kanan, seorang Pegawai Eksekutif (Kewangan) dan seorang Pembantu Am Rendah.

**Pada pendapat Audit, AYSB hendaklah menyusun semula struktur organisasinya bagi menggambarkan kedudukan perjawatan sebenar.**

## **b) Pengurusan Aset**

### **i) Aset Tetap Tidak Didaftar**

AYSB mempunyai aset masing-masing berjumlah RM3.33 juta, RM3.17 juta dan RM3.04 juta bagi tahun 2007, 2008 dan sehingga Oktober 2009. Aset AYSB terdiri daripada bangunan, peralatan dan mesin, jubah konvoquesyen, kenderaan, buku perpustakaan, perabot dan lekapan, komputer dan aksesori serta penyaman udara. Semakan Audit mendapati setakat ini tidak ada prosedur yang digariskan oleh AYSB dalam menguruskan aset. Selain itu, aset tetap ini juga hanya disenaraikan tetapi tidak didaftarkan dalam daftar harta tetap. Perkara ini berlaku kerana AYSB tidak menyelenggarakan daftar aset untuk merekodkan aset tersebut dan ianya juga adalah tidak bertepatan dengan standard perakaunan yang diterima umum. Pendaftaran aset adalah penting untuk memantau sejarah, jangka hayat dan penyelenggaraannya bagi memudahkan pelaksanaan pelupusan.

**Pada pendapat Audit, AYSB hendaklah menyelenggarakan daftar aset bagi memastikan setiap aset milik AYSB diambil kira dalam Penyata Kewangan.**

### **ii) Aset Tetap Tidak Dilabel**

Semakan Audit mendapati AYSB tidak melabelkan dan memberi nombor pengenalan (*tagging*) pada asetnya. Meletakkan *tagging* atau melabelkan aset adalah penting memandangkan kebanyakan aset AYSB ditempatkan di KDSB. Keadaan ini boleh menyebabkan masalah dalam mengenal pasti aset milik AYSB atau KDSB dan ini boleh menyebabkan berlakunya pertindihan dalam pengiraan aset berkenaan dalam penyata kewangan kedua-dua syarikat. Ia juga tidak bertepatan dengan standard perakaunan yang diguna pakai.

**Pada pendapat Audit, pelabelan aset hendaklah dilakukan bagi mengenal pasti aset milik AYSB.**

### **iii) Pemeriksaan Fizikal Tidak Dilaksanakan**

Pemeriksaan fizikal merupakan pemeriksaan yang dilaksanakan terhadap aset dan inventori sekurang-kurangnya sekali setahun untuk memastikan aset wujud dan berada dalam keadaan baik. Semakan Audit mendapati AYSB tidak pernah

melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap asetnya dan ini boleh menimbulkan keraguan terhadap jumlah aset yang wujud dan nilai aset yang ditunjukkan dalam penyata kewangan.

**Pada pendapat Audit, AYSB hendaklah melaksanakan pemeriksaan fizikal bagi memastikan kewujudan aset dan ketepatan nilai aset.**

## **9.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada umumnya, objektif utama AYSB ditubuhkan adalah bagi memenuhi hasrat YAKIN untuk menubuh, membiayai dan menyenggara sebuah kolej swasta iaitu KDSB. Secara keseluruhannya, kemajuan prestasi AYSB setakat ini hanya berjaya menubuhkan kolej tersebut tetapi telah gagal dalam peranannya untuk membiayai dan menyenggara KDSB. AYSB telah mengalami kerugian terkumpul pada setiap tahun kewangannya dan tidak mampu untuk berdikari serta terus mengharapkan sumber kewangan daripada YAKIN dan juga Kerajaan Negeri untuk menampung kos operasi KDSB. Projek yang diperolehi dan yang dirancang untuk dilaksanakan secara usaha sama telah gagal untuk menjana pendapatan bagi AYSB. AYSB juga tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk mengurus aktiviti yang diceburinya. Dengan demikian adalah disyorkan beberapa langkah diambil untuk menjamin daya saing AYSB seperti berikut:

- a)** Menyusun semula struktur organisasinya dengan mengambil kakitangan yang mahir dan berpengalaman dalam bidang korporat.
- b)** Merancang aktiviti jangka pendek yang boleh menjanakan pendapatan secara berterusan selain daripada rancangan aktiviti jangka panjang.
- c)** Memastikan projek yang dirancang dilaksanakan sendiri atau ditawarkan secara tender.
- d)** Mengkaji semula kewajaran penubuhannya.



# BAHAGIAN III PERKARA AM

**10. PENDAHULUAN**

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam Bahagian ini seperti berikut:

**11. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008**

**Jadual 11.1  
Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Tahun 2008**

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
<b>1. Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan – Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (Speks)</b>			
2.5.1(a)(i)	<p><b>Pengurusan ID Pengguna Dan Kata Laluan</b> Sebanyak 44 (27%) ID daripada 161 ID pengguna SPEKS yang masih aktif adalah milik pegawai yang telah bertukar, bersara, berhenti kerja, meninggal dunia dan terdapat juga yang tidak dapat dikenal pasti pemilik IDnya.</p>	Tindakan telah diambil untuk memaklumkan semua Jabatan supaya menukar kata laluan setiap empat bulan sekali dan mengeluarkan pengguna tidak aktif dari sistem.	Sistem <i>password</i> luput tempoh dijana secara automatik melalui SPEKS. Surat makluman pengguna tidak aktif dikemukakan oleh PTJ ke Perbendaharaan Negeri.
2.5.1(a)(i)	<p><b>Jejak Audit</b> Jejak audit dalam SPEKS tidak menyeluruh dan tidak meliputi fungsi dan keperluan jejak audit seperti mana yang ditetapkan dalam Polisi dan Standard Keselamatan Maklumat SPEKS. Contohnya, SPEKS tidak mempunyai log jejak audit bagi merekodkan pelbagai maklumat cubaan akses ke sistem, aktiviti pengguna dan transaksi yang diproses dalam sistem.</p>	Masalah ini telah disampaikan kepada Jabatan Akauntan Negara bagi mewujudkan log transaksi sebagaimana kehendak polisi SPEKS.	Jejak audit bagi mengesan <i>unauthorized user access</i> kepada sistem belum diwujudkan dan belum mendapat respon daripada Jabatan Akauntan Negara. Bagaimanapun, jejak audit bagi baucar bayaran boleh dilihat pada skrin info.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.1(b)(iii)	<p><b>Kawalan Output</b></p> <p>Penyata Akaun Memorandum masih disediakan secara manual. Penyata tersebut meliputi Penyata Akaun Memorandum Aset (Penyata F), Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut (Penyata F1), Penyata Akaun Memorandum Pelaburan (Penyata F2), Penyata Tunggakan Hasil (Penyata F3), Penyata Akaun Memorandum Liabiliti (Penyata G) dan Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam (Penyata G1). Keadaan ini berlaku kerana Modul Pelaburan dan Pinjaman yang masih belum digunakan sepenuhnya. Manakala maklumat mengenai hutang Kerajaan Negeri tidak diproses melalui SPEKS. Oleh itu, tujuan penyediaan Penyata Kerajaan Negeri melalui aplikasi SPEKS tidak tercapai sepenuhnya.</p>	Modul Pelaburan dan Pinjaman masih belum digunakan.	Masih di peringkat memasukkan data ke dalam SPEKS. Kursus bagi modul berkenaan telah diberikan kepada staf yang menjalankan tugas pada 5 hingga 7 April 2010.
2.5.1(d)	<p><b>Pengurusan Perkhidmatan Berterusan</b></p> <p>i. Terdapat dua jenis <i>back-up</i> yang dilaksanakan oleh Perbendaharaan Negeri iaitu <i>back-up</i> bulanan dan <i>back-up</i> harian (<i>incremental back-up</i>). <i>Back-up</i> mingguan (<i>full back-up</i>) tidak dilaksanakan. Pelaksanaan <i>back-up</i> telah dibuat oleh Penolong Pegawai Sistem Maklumat mengikut jadual yang ditetapkan.</p> <p>ii. Semua pita data <i>back-up</i> yang dilakukan sejak tahun 2006 telah disimpan di Pejabat Perbendaharaan Negeri</p>	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Kelantan dijadikan lokasi penyimpanan salinan data <i>back-up</i> SPEKS. Data tahun 2006 hingga 2008 telah dihantar pada 30 Jun 2009. Data tahun 2009 dihantar pada setiap hujung bulan. Rekod penyimpanan telah diwujudkan dan diselenggara oleh Penolong Pegawai Teknologi Maklumat.	Data <i>back-up</i> SPEKS bulanan dikemukakan dalam bentuk CD beserta <i>cover letter</i> ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Kelantan. Data terkini setakat Mac 2010.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	<p>sahaja dan tidak disimpan di lokasi berbeza atau di Pusat Pemulihan Bencana yang sewajarnya.</p> <p>iii. Tiada rekod diselenggara mengenai penyimpanan pita data tersebut.</p> <p>iv. Kandungan pita <i>back-up</i> tidak pernah diuji. Prosedur <i>back-up</i> yang tidak dipatuhi sepenuhnya menyebabkan Kerajaan Negeri menghadapi risiko keupayaan penggunaan SPEKS secara berterusan sekiranya berlaku bencana atau kerosakan besar terhadap sistem atau data yang sedang digunakan.</p>		
2.5.3(b)	<p><b>Penggunaan Modul SPEKS Oleh Jabatan/PTJ</b></p> <p>Analisis Audit mendapati daripada 11 modul - lima modul telah digunakan sepenuhnya, lima modul telah digunakan antara 20% hingga 70% dan satu modul iaitu Modul Pelaburan masih belum digunakan.</p>	Modul Aset akan digunakan sepenuhnya pada bulan Mac 2010. Bagi Modul Pelaburan dan Pinjaman telah dikemaskinikan.	Hanya aset yang baru dikunci masuk ke SPEKS. Aset yang lama masih belum dimasukkan ke SPEKS.
2.5.4	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Jawatankuasa Pemantauan SPEKS tidak ditubuhkan di peringkat negeri untuk memantau pelaksanaan SPEKS. Selain itu tiada unit naziran ditugaskan untuk menjalankan naziran terhadap pelaksanaan SPEKS.</p>	Jawatankuasa ditubuhkan sejak tahun 2004 dan telah mengadakan mesyuarat secara berkala. Unit Naziran telah mengadakan naziran terhadap 42 PTJ.	Jawatankuasa bermesyuarat dua kali setahun. Kali terakhir pada Disember 2009. Laporan Naziran disimpan dalam fail Jawatankuasa Pemantauan SPEKS.
<b>2. Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan – Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar</b>			
3.5.1	<p><b>Pencemaran Air</b></p> <p>Pembinaan matau luar oleh syarikat balak dalam kawasan zon penampunan alur air Sungai Pertam Kuala Koh tanpa kebenaran. Ia menyebabkan sungai</p>	Betau dibina atas tanah kerajaan. Pembinaan betau di luar kawasan tidak diluluskan. Lawatan bersama PTJ Gua Musang telah diadakan dan hasilnya tindakan akan diambil oleh PTJ Gua Musang.	Belum selesai.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	menjadi cetak dan airnya keruh kerana lumpur dari matau mengalir masuk ke sungai apabila berlaku hujan.		
3.5.2	<p><b>Pembalakan Tanpa Kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)</b></p> <p>JPNK telah meluluskan lapan permohonan pembalakan bersempadan dengan Taman Negara Kuala Koh. Dua daripadanya telah selesai menjalankan aktiviti pembalakan tanpa Laporan EIA.</p>	<p>Jabatan Perhutanan telah mengambil tindakan sewajarnya supaya semua syarikat yang belum melaksanakan kerja membalak di kawasan berkenaan disyaratkan untuk mengemukakan laporan EIA sebelum dibenarkan untuk meneruskan kerja membalak.</p>	<p>Belum selesai.</p>
3.5.3	<p><b>Tanah Runtuh/Hakisan Kesan Pembalakan</b></p> <p>Pembalakan di kawasan tanah tinggi yang melebihi 1,000 meter atas paras laut (apl) telah menyebabkan berlakunya kerosakan alam sekitar seperti tanah runtuh, hakisan tanah dan pokok tumbang di Kompartmen 64 Hutan Simpan Kekal (HSK) Lojing dan Kompartmen 218 HSK Sungai Betis. Kawasan tanah tinggi ini sepatutnya diwartakan sebagai kawasan Hutan Perlindungan. Kawasan tanah tinggi di HSK Lojing, Sungai Betis dan Sungai Brooks Gua Musang adalah sebahagian daripada 2,200 ha kawasan yang telah diluluskan untuk pembalakan kepada sebuah syarikat swasta sebagai projek perintis pembalakan berimpak rendah. Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) tidak disediakan. Keahlian Jawatankuasa Teknikal sebagaimana yang disyaratkan dalam surat kelulusan oleh</p>	<p>Jabatan sedia akur dan mematuhi keputusan Majlis Perhutanan Negara dengan tidak melaksanakan pembalakan di kawasan tanah tinggi melebihi 1,000 meter. Sehingga kini hanya projek perintis kajian pembalakan berimpak rendah (RIL) di kawasan tanah tinggi melebihi 1,000 meter dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan kerana tiada kajian seumpamanya sebelum ini. Syarat yang ditetapkan dan diluluskan oleh JKKP berkaitan pelantikan keahlian Jawatankuasa Teknikal akan diambil tindakan. Penyediaan laporan EIA akan dilaksanakan bagi baki kawasan yang belum dilesenkan.</p>	<p>Belum selesai.</p>

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	Jawatankuasa Kecil Perhutanan Negeri Bil.7/2004 tidak dipatuhi.		
3.5.4(a)	<b>HSK Dikeluarkan Belum Diganti</b> Tiga kawasan HSK dengan keluasan 5,838.46 ha yang telah dikeluarkan untuk dijadikan Tanah Kesultanan ( <i>Sultanate Land</i> ) iaitu HSK Hulu Temiang seluas 2,023 ha, HSK Sungai Betis seluas 3,775 ha dan HSK Gunung Stong Tengah seluas 40.46 ha masih belum diganti.	Tindakan telah diambil untuk mewartakan Tanah Kesultanan ( <i>Sultanate Land</i> ) dengan mengemukakan pelan kawasan ganti kepada Pengarah Tanah Dan Galian Negeri.	Belum selesai.
3.5.4(b)(i)	<b>Rancangan Pewartaan Jangka Panjang</b> Rancangan Pewartaan Jangka Panjang meliputi tempoh sepuluh tahun iaitu 2006 hingga 2015. Rancangan ini melibatkan kawasan seluas 184,159 ha. Sehingga akhir tahun 2008 hanya 57,848 ha atau 31.6% sahaja kawasan yang telah diwartakan, selebihnya seluas 126,311 ha masih belum diwartakan.	Cadangan telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan telahpun diluluskan melalui Mesyuarat JKKP bagi mewartakan semua baki kawasan-kawasan yang dicadangkan sebagai Hutan Perlindungan.	Proses ini dilaksanakan secara berterusan – belum selesai.
3.5.4(b)(ii)	<b>Rancangan Pewartaan Hutan Jangka Pendek</b> Dalam tempoh 2006 hingga 2008 kawasan yang dirancang untuk diwartakan ialah seluas 182,911 ha manakala keluasan sebenar yang diwarta hanyalah seluas 57,848 ha sahaja. Bakinya 125,063 ha masih belum diwartakan.		Proses ini dilaksanakan secara berterusan – belum selesai.
<b>3. Majlis Perbandaran Kota Bharu BRI – Pengurusan Aset Majlis Perbandaran Kota Bharu</b>			
4.5.1(a)(iii)	<b>Pembinaan Pasar Pauh Panji Atas Tanah Bukan Milik Majlis</b> Pembinaan pasar ini dibuat pada tahun 2004 hingga 2005 di atas tanah bukan milik Majlis. Tanah ini siap dibuat pengambilan balik oleh	Majlis sedang berunding dengan pemilik tanah melalui Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri.	Belum selesai.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	<p>Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu pada November 2008 dengan kos deposit harga tanah berjumlah RM190,000. Proses pengambilan balik tanah ini tidak dipersetujui oleh pemilik tanah dan kes ini sedang dibicarakan di Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu. Kes ini masih tertangguh disebabkan pemilik sedang melantik peguam untuk mewakilinya.</p>		
4.5.1(a)(iv)	<p><b>Perolehan Melalui Projek Usaha Sama</b> Majlis telah melaksanakan lima projek usaha sama dengan Syarikat Swasta. Satu daripadanya ialah projek usaha sama dengan Syarikat Azam Construction bagi membina 37 unit rumah kedai di Kedai Buluh dengan anggaran pulangan kepada Majlis bernilai RM1.7 juta. Projek ini telah terbengkalai semenjak tahun 2005. Bagi fasa 1 yang mengandungi 14 unit, pemaju hanya menyiapkan tujuh unit rumah kedai sahaja dengan pulangan sebenar kepada Majlis bernilai RM370,000. Manakala tujuh unit lagi pembinaannya separa siap dan terbengkalai.</p>	<p>Perjanjian penamatan sedang disediakan supaya bangunan diserahkan kepada Majlis tanpa perlu membayar ganti rugi dan projek akan diteruskan dengan pemaju lain.</p>	<p>Belum selesai.</p>
4.5.2(a)	<p><b>Penyewaan Gerai Medan Selera Di Padang Tembak</b> Kadar sewa dan surat perjanjian belum disediakan walaupun penyewa telah memasuki premis lebih daripada enam bulan.</p>	<p>Kadar sewa telah ditetapkan berkuatkuasa pada 1 November 2008.</p>	<p>Selesai.</p>
4.5.2(b)	<p><b>Sewaan Rumah Kedai Lot 1562 &amp; 1563, Kg. Kedai Buluh</b> Tunggakan sewa yang belum dikutip oleh Majlis</p>	<p>Surat perjanjian telah ditandatangani. Tunggakan</p>	<p>Selesai.</p>

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	semenjak Jun 2006 hingga Disember 2008 berjumlah RM12,400 dan perjanjian sewa belum disediakan.	sewa masih berbaki RM1,900.	
4.5.2(d)	<p><b>Pajakan Pasar Wakaf Che Yeh</b></p> <p>Pemaju projek ini iaitu Syarikat Sensa Timur Sdn. Bhd. belum menjelaskan tunggakan pajakan pasar bagi tahun 2008 berjumlah RM480,000. Perjanjian pajakan juga belum disediakan.</p>	Pemaju akan membayar tunggakan setelah Kerajaan Negeri terlebih dahulu menjelaskan bantuan kos perpindahan peniaga yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada mereka.	Belum selesai.
<b>4. Air Kelantan Sdn. Bhd. – Pengurusan Kualiti Air Minum</b>			
5.5.1	<p><b>Pewartaan</b></p> <p>Cadangan pewartaan kawasan medan telaga dan sungai serta loji rawatan air telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada pertengahan Januari 2009 tetapi tindakan pewartaan belum dibuat.</p>	Tiada maklum balas.	Tindakan segera perlulah diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri.
5.5.2	<p><b>Kaedah Kawal Selia Kawasan Tadahan Air</b></p> <p>Tiada kaedah dan peraturan baru diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mengawal selia kawasan tadahan, sungai, tasik atau terusan untuk pengambilan air mentah.</p>	Tiada maklum balas.	Tindakan segera perlulah diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri.
5.5.3	<p><b>Caj Bekalan Air Mentah</b></p> <p>MMK telah meluluskan cadangan caj bekalan air mentah terhadap AKSB pada pertengahan Januari 2009 dan telah mengemukakan cadangan caj tersebut kepada pihak UPEN untuk tindakan selanjutnya. Bagaimanapun, belum ada pewartaan yang dibuat mengenai caj air mentah terhadap AKSB.</p>	Tiada maklum balas.	Tindakan segera perlulah diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri memandangkan kelulusan MMK telahpun diperolehi berkenaan caj air mentah tersebut pada tahun 2009.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
5.5.4(c)	<p><b>Analisis Air Mentah</b>            Kualiti air mentah masih kurang memuaskan berdasarkan Laporan Analisis Kualiti Air Mentah oleh Jabatan Kimia bagi bulan Ogos 2008 yang menyatakan bahawa 40% sampel melanggar piawaian parameter <i>Total Coliform</i> manakala bagi parameter <i>COD</i> dan <i>Iron (Fe)</i>, peratus pelanggaran masing-masing sebanyak 31.6% dan 12.5%.</p>	Tiada maklum balas.	Belum selesai.
5.5.5(a)	<p><b>Loji Tidak Merawat Air Sewajarnya</b>            Proses rawatan air di loji tidak memuaskan kerana air mentah tidak dirawat sepenuhnya di LRA Pintu Geng dan Bukit Remah disebabkan bekalan air bersih tidak mencukupi untuk diagihkan kepada pengguna. Proses menaik taraf loji telah diluluskan dengan kos berjumlah RM15 juta bermula Oktober 2008 dan dijangka siap pada Oktober 2009.</p>	<p><b>LRA Pintu Geng</b>            Projek naik taraf loji rawatan menggunakan teknologi <i>Nano Bubbling</i> dan <i>Ozonation</i> diangkat untuk dilaksanakan dalam RMKe-10.</p> <p><b>LRA Bukit Remah</b>            Loji dalam proses baik pulih dan naik taraf.</p>	Proses ini dilaksanakan secara berterusan – belum selesai.
5.5.5(c)	<p><b>Kolam Khas/Sludge Lagoon</b>            Kesemua loji tidak mempunyai kolam khas atau <i>sludge lagoon</i> bagi air buangan kotoran/pencucian tangki, <i>lovo</i> dan <i>filter</i>. Operator loji memaklumkan bahawa air buangan daripada loji dialirkan terus ke longkang tanpa dirawat terlebih dahulu.</p>	AKSB akan memastikan pembinaan loji baru disediakan sistem pelupusan bahan buangan yang sesuai.	Proses ini dilaksanakan secara berterusan – belum selesai.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
5.5.5(d)	<p><b>Tangki Penapis Loji</b>  Kesemua empat buah tangki penapis di Loji Rawatan Air (LRA) Pintu Geng dan dua buah kolam penapis di LRA Bukit Remah tidak berfungsi/rosak sejak sekian lama dan tindakan pembaikan tidak dibuat sejak AKSB mengambil alih loji tersebut. Ini menyebabkan air yang dibekalkan kepada pengguna tidak menepati piawaian yang ditetapkan oleh KKM kerana ia tidak melalui proses penapisan sebelum dihantar kepada tangkiimbangan. Bagaimanapun, dua buah loji ini telah diberi keutamaan oleh AKSB untuk dinaik taraf melalui peruntukan pinjaman Kerajaan Negeri dan akan dilaksanakan pada tahun 2009 bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti air serta untuk memenuhi permintaan pengguna yang semakin bertambah.</p>	<p>Kedua-dua loji akan dibaik pulih dan dinaik taraf.</p>	<p>Proses ini dilaksanakan secara berterusan – belum selesai.</p>
5.5.5(e)	<p><b>Keselamatan Kawasan Loji Dan Muka Sauk</b>  Kawalan keselamatan di kawasan muka sauik adalah tidak memuaskan kerana sebahagiannya tidak dipagar dan terdapat bahagian yang telah rosak. Tiada papan tanda kawasan larangan disediakan bagi mengelak diceroboh oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kawasan muka sauik serta sekitarnya tidak dibersihkan daripada semak samun.</p>	<p>AKSB akan memantau dan mengambil tindakan pembaikan sekiranya perkara ini berulang.</p>	<p>Proses ini dilaksanakan secara berterusan - belum selesai.</p>

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
5.5.8	<p><b>Penggunaan Fluorida</b>  Penggunaan fluorida di LRA adalah tidak memuaskan kerana hanya satu daripada 28 buah LRA yang menggunakan fluorida dalam proses rawatan air secara konsisten.</p>	Tiada maklum balas.	Tindakan segera perlulah diambil
5.5.9(b)	<p><b>Pemeriksaan Dan Cuci Tangki</b>  Kebersihan tangkiimbangan adalah tidak memuaskan. Pihak AKSB perlu memantau bagi menentukan semua tangkiimbangan dicuci dan <i>flush</i> dilaksanakan sewajarnya sebagaimana jadual yang ditetapkan. Pelanggaran parameter yang berlaku menunjukkan bahawa kualiti air yang dirawat masih tidak memuaskan.</p>	AKSB akan laksanakan sebagaimana jadual.	Proses ini dilaksanakan secara berterusan – belum selesai
5.5.10(a)	<p><b>Paip Agihan</b>  Kerja pencucian/<i>flushing</i> adalah tidak memuaskan kerana pihak AKSB tidak memberi keutamaan terhadap program tersebut dan rekod pencucian tidak disediakan dengan teratur. Pencucian paip agihan tidak mematuhi <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) yang ditetapkan menyebabkan kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna tidak mematuhi piawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). AKSB perlu memantau kerja penyenggaraan paip terutama kerja pencucian/<i>flushing</i> paip dilakukan mengikut jadual yang ditetapkan dan bukan hanya dibuat apabila ada aduan kekeruhan air diterima daripada pengguna.</p>	<i>Flushing</i> paip agihan akan dilaksanakan sebagaimana SOP.	Proses ini dilaksanakan secara berterusan – belum selesai.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
5.5.11	<p><b>Stesen Pensampelan</b> Stesen pensampelan yang disediakan adalah tidak memuaskan iaitu tidak memenuhi kehendak KKM. Pihak AKSB perlu mengambil tindakan segera bagi memenuhi keperluan pihak KKM untuk mengambil sampel air supaya air yang dirawat selamat digunakan dan bebas daripada pencemaran. Kekurangan stesen pensampelan menyebabkan ujian menyeluruh tidak dapat dilaksanakan dan mutu kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna tidak memuaskan.</p>	Stesen pensampelan yang memenuhi kehendak KKM akan dilaksanakan mulai tahun 2010.	Tindakan segera perlulah diambil.
5.5.12(a)	<p><b>Pelanggaran Parameter</b> Tahap pematuhan terhadap parameter yang ditetapkan oleh KKM adalah tidak memuaskan. Pembaikan terhadap tangki penapis dan <i>chlorinator</i> di LRA hendaklah dilakukan dengan segera dan program penggantian rangkaian paip agihan yang terlalu lama dan uzur perlu disegerakan.</p>	SOP kerja-kerja pembaikan paip pecah telah dilengkapkan, dikemaskan dan dilaksanakan.	Proses ini dilaksanakan secara berterusan – belum selesai.
5.5.13	<p><b>Pensampelan Terhadap Kualiti Air</b> Tahap kualiti air yang dirawat tidak memuaskan dari segi parameter kekeruhan. Protokol pensampelan tidak dapat dilaksanakan sewajarnya kerana tiada kemudahan stesen pensampelan dan sampel terpaksa diambil di klinik kesihatan atau masjid.</p>	Stesen pensampelan yang memenuhi kehendak KKM akan disediakan.	Tindakan segera perlulah diambil
5.5.15	<p><b>Kajian Kepuasan Pengguna</b> Kajian kepuasan pengguna yang dijalankan mendapati aduan gangguan bekalan air dan bekalan air</p>	Tiada maklum balas.	Proses ini dilaksanakan secara berterusan – belum selesai.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	berkarat bagi LRA Pintu Geng melebihi 45% dan keseluruhan aduan bagi loji ini sebanyak 39.1%. Bagi LRA Bukit Remah mencatat aduan gangguan bekalan air melebihi 87% dan keseluruhan aduan bagi loji ini sebanyak 49.7%. Manakala bagi LRA Aring aduan gangguan bekalan air melebihi 93% bahkan aduan terhadap bekalan air berkarat dan tekanan air rendah mencatat 100% aduan dan keseluruhan aduan bagi loji ini sebanyak 78.3%.		
<b>5. Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd. – Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri</b>			
7.5.2(b)	<p><b>Pembinaan Tapak Semaian</b></p> <p>Tapak semaian yang dibina dengan nilai RM0.63 juta tidak diselenggara dengan baik. Hanya 62,906 anak pokok (6.3% daripada kapasiti satu juta) yang disemai, rumah teduhan hampir roboh, tempat semaian ditumbuhi rumput dan bangunan pejabat tidak digunakan.</p>	Penyelenggaraan dibuat ke atas rumah teduhan dan perancangan aktiviti tapak semaian telah pun diatur rancang bagi memanfaatkan tapak semaian selaras dengan objektif asal.	Selesai.
7.5.2(c)	<p><b>Pengambilan Balik Kawasan Perjanjian Konsesi KPK Tidak Diganti</b></p> <p>Pada tahun 2006 seluas 6,268 hektar kawasan konsesi hutan KPK telah ditarik balik dan diberikan kepada Perbadanan Menteri Besar Kelantan (6,068 hektar) dan Yayasan Kelantan Darul Naim (200 hektar) sedangkan tempoh konsesi belum tamat (Tahun 2013). Tiada penggantian bagi kawasan yang diambil</p>	Timbul percanggahan interpretasi mengenai kuasa KPK terhadap kawasan yang sudah dibalok walaupun tempoh perjanjian belum ditamatkan. Pihak KPK menyerahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat pertimbangan.	Masih dalam proses perbincangan.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
7.5.3(a)	<p><b>Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu Kompleks Perakayuan Kelantan Sendirian Berhad (SPMB KPKSB) Terbengkalai</b></p> <p>Dalam tahun 2004, satu perjanjian ditandatangani dengan Syarikat Planetsoft Information Systems Sdn. Bhd. untuk membangunkan sistem berkomputer SPMB KPKSB dengan kos RM0.15 juta. Ia mengandungi enam sistem iaitu <i>Accounting &amp; Payroll Systems, Human Resource Systems, Logging Management Systems, Sawmill Manufacturing Systems, Books Management Systems</i> dan <i>Systems &amp; Data Integration Systems</i>. Projek sepatutnya siap pada Mei 2005. Bagaimanapun hanya sistem perakaunan sahaja yang siap. Pada akhir Disember 2008, KPK telah menghentikan penggunaan sistem ini dengan kos yang telah dibelanjakan sejumlah RM36,464.</p>	<p>Masalah yang timbul tidak dapat diselesaikan. Perkhidmatan Planetsoft telah ditamatkan. Mulai tahun 2009 KPK menggunakan sistem perakaunan UBS.</p>	Selesai.
7.5.3(c)	<p><b>Jualan Balak Tidak Ikut Prosedur</b></p> <p>Dalam tahun 2008 jualan balak dan kayu gergaji berjumlah RM9.60 juta dan RM13.80 juta. Mengikut prosedur penjualan balak hanya boleh dijual apabila kayu tidak diperlukan oleh kilang. KPK telah membeli kayu balak bernilai RM4.60 juta untuk menampung keperluan kilangnya dalam tahun 2008. Bagi tempoh 2006 hingga 2008, 15 lesen pembalakan telah dikeluarkan melibatkan</p>	<p>Lembaga Pengarah meluluskan <i>buy back policy</i> untuk memberi ruang kepada KPK untuk lebih fleksibel dalam urusan penjualan dan pemprosesan balak. Ia bertujuan untuk menjadikan KPK lebih berdaya saing dan dalam masa yang sama menyelesaikan masalah mendapatkan kontraktor dan kelewatan mendapatkan lesen.</p>	Selesai.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	3,454 hektar kawasan pembalakan yang sedang beroperasi. Tujuh lesen telah dijual kepada pihak ketiga.		
7.5.3(h)	<b>Deposit Tidak Aktif</b> Sejumlah RM4.50 juta merupakan deposit tidak aktif dan melebihi setahun. Deposit tersebut sepatutnya diwartakan dan jika tiada tuntutan hendaklah dikreditkan ke hasil.	Semua pembayaran balik deposit hanya akan dibuat setelah tuntutan diterima bersama resit asal. Bagaimanapun KPK juga memaklumkan/menghubungi syarikat yang berkaitan.	Selesai.
7.5.3(k)	<b>Kerja Kontrak Tidak Dibuat Secara Tender/Sebut Harga</b> Dalam tahun 2008, KPK telah melantik kontraktor secara terus di mana lapan kontraktor telah dilantik untuk kerja upah membalak, enam kontraktor kerja Pre-F dan lapan kontraktor kerja persempadanan dan penandaan pokok. Pelantikan tersebut telah mendatangkan pelbagai masalah kepada KPK seperti kerja kontrak upah membalak bertukar tangan sebanyak empat kali, kontraktor memohon kenaikan upah dan kontraktor gagal mematuhi arahan KPK.	Sebut harga yang ditawarkan tidak mendapat sambutan kerana beberapa faktor; (i) lokasi yang jauh ke pedalaman (45 km - 55 km) melalui jalan hutan ke betau utama; (ii) bentuk muka bumi yang berbukit bukau dan permukaan tanah berpasir dan berselut; (iii) cuaca tidak menentu menyebabkan keadaan jalan sentiasa lembap; (iv) kontraktor dikehendaki mengeluarkan pendahuluan perbelanjaan manakala upah akan hanya diterima selepas tiga hingga enam bulan. Bagi mengatasi masalah ini Lembaga Pengarah bersetuju mengambil pendekatan secara runding terus.	Selesai.
7.5.3(l)	<b>Syarat Kontrak Tidak Dipatuhi</b> Wang jaminan (Wang Keselamatan) yang dibayar oleh kontraktor tidak mengikut syarat kontrak di mana Wang Keselamatan bagi kerja upah membalak berjumlah RM30,000 manakala Bon Pelaksanaan dan Deposit Keselamatan 5% dari jumlah harga kontrak kerja Pre-F dan kerja tanda sempadan. Bayaran yang terkurang diterima berjumlah RM0.12 juta (kerja upah membalak sedang	Terdapat 10 syarikat tidak mengutip wang cagaran atas kerja perhutanan.	Jawatankuasa Siasatan Dalaman PKINK telah mencadangkan surat amaran dikeluarkan terhadap pegawai yang bertanggungjawab.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	dijalankan) dan RM15,000 bagi kerja upah membalak yang telah selesai dijalankan.		
7.5.3(m)	<p><b>Kelewatan Menyiapkan Kerja</b></p> <p>KPK menanggung kos tambahan berjumlah RM0.35 juta akibat kelewatan kontraktor menyiapkan kerja pembalakan.</p>	Bagi kawasan tender adalah menjadi tanggungjawab pihak kontraktor sepenuhnya menanggung sebarang kos yang terlibat dari kelewatan kerja tersebut.	Jawatankuasa Siasatan Dalam PKINK telah mencadangkan surat amaran dikeluarkan terhadap pegawai yang bertanggungjawab.
7.5.3(n)	<p><b>Denda Tidak Dikenakan</b></p> <p>Semua kontraktor yang mendapat kontrak di kompartmen 74, 128, 149, 120 dan 116 gagal menyiapkan kerja mengikut tempoh kontrak. Mengikut kiraan Audit denda yang patut dikenakan berjumlah RM85,800.</p>	Kelewatan yang berlaku bukan disebabkan oleh ketidakupayaan/kegagalan kontraktor tetapi kelewatan kelulusan lesen membalak dan keadaan cuaca.	Selesai.
7.5.3(o)	<p><b>Kos Rawatan Hutan Tidak Sepatutnya Dibayar</b></p> <p>Dalam tahun 2006 KPK telah membayar RM0.38 juta kos rawatan hutan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan bagi 14 kawasan konsesi yang telah diluluskan tebang tahun 2006/2007. KPK patut mendapatkan balik bayaran tersebut.</p>	Pengecualian bayaran Kos Rawatan Hutan telah mendapat kelulusan daripada Pejabat Perhutanan Negeri.	Selesai.
7.5.3(p)	<p><b>Pemeriksaan Fizikal Tidak Dijalankan</b></p> <p>Pemeriksaan aset bukan semasa tidak dijalankan sebagaimana kehendak <i>Group Manual of Accounting and Policy Procedures</i>.</p>	Pemeriksaan seterusnya akan dijalankan sebagaimana Manual.	Selesai.
7.5.3(q)	<p><b>Daftar Inventori Alat Ganti Tidak Diselenggara</b></p> <p>183 jenis alat ganti jentera dan mesin yang ada dalam stok tidak direkod dalam Daftar Inventori. Nilai semua peralatan tersebut tidak dapat ditentukan kerana tidak direkod.</p>	Setiap alat ganti yang diterima oleh stor direkod pada bin kad.	Selesai.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
7.5.3(s)	<p><b>Cadangan Bayaran Bonus Tidak Dikemukakan Kepada Pihak Berkuasa Negeri</b></p> <p>Bayaran bonus dalam tahun 2005, 2006 dan 2007 masing-masing berjumlah RM0.43 juta, RM0.28 juta dan RM0.27 juta tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu sebelum bayaran dibuat.</p>	<p>Mengikut <i>Authority Manual</i> yang digunakan oleh KPK pembayaran bonus perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah KPK. PKINK tidak mengeluarkan arahan selainnya.</p>	<p>Belum selesai.</p>
7.5.4(a)	<p><b>Jawatankuasa Audit Tidak Ditubuhkan</b></p> <p>Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan belum ditubuhkan.</p>	<p>Cadangan penubuhan akan dibawa kepada Lembaga Pengarah.</p>	<p>Selesai.</p>

## 12. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008 mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri telah pun dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 1 Mac 2010.

## 13. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Kelantan (Jawatankuasa) telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007. Laporan Jawatankuasa terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 belum dibentang di Dewan Undangan Negeri. Sepanjang tahun 2009, Jawatankuasa telah bersidang sebanyak enam kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007. Jawatankuasa telah memanggil Jabatan yang berkaitan bagi mendapatkan penjelasan mengenai tindakan yang diambil terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam. Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama dalam Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Perkara yang dibincangkan

oleh Jawatankuasa semasa mesyuaratnya sepanjang tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 13.1**.

**Jadual 13.1**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri**  
**Sepanjang Tahun 2009**

Tarikh	Perkara	Jabatan/Agensi
18 Mei 2009	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1/2009</b> i) Mengadakan perbincangan dan pemilihan perenggan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007.	
16 Julai 2009 dan 26 Julai 2009	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2009</b> i) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan daripada Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kelantan mengenai Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB).	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kelantan
22 Ogos 2009	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2009</b> i) Meneliti, membincang dan menerima syor Jawatankuasa hasil daripada pemeriksaan ke atas Skop Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan. ii) Mengadakan lawatan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Skop Pengurusan Kewangan Majlis Daerah Bachok.	Majlis Daerah Bachok
26 November 2009	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 4/2009</b> i) Meneliti, membincang dan menerima syor Jawatankuasa hasil daripada pemeriksaan ke atas Skop Pengurusan Kewangan Majlis Daerah Bachok. ii) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Skop Pengurusan Kewangan Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas.	Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas
24 Disember 2009	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5/2009</b> i) Meneliti dan membincangkan dan menerima syor Jawatankuasa hasil daripada pemeriksaan ke atas Skop Pengurusan Kewangan Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas. ii) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Majlis Daerah Tanah Merah mengenai Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Tanah Merah.	Majlis Daerah Tanah Merah



PENUTUP

Secara keseluruhannya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti oleh Jabatan/Agensi. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya masih ada beberapa kelemahan yang mana jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kekurangan latihan yang diberi kepada pegawai terlibat dan tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif program/aktiviti berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperolehi keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

## **JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**20 Jun 2010**